

# PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA

## PROSPEKTUS INDUK 1 DANA SIRI PB

PELABUR DINASIHATKAN SUPAYA MEMBACA DAN MEMAHAMI ISI KANDUNGAN PROSPEKTUS TAMBAHAN INI. JIKA TERDAPAT KERAGUAN, SILA DAPATKAN NASIHAT DARIPADA PENASIHAT PROFESIONAL.

UNTUK MAKLUMAT MENGENAI FAKTOR RISIKO TERTENTU YANG HARUS DIPERTIMBANGKAN OLEH PELABUR PROSPEKTIF, SILA RUJUK "FAKTOR RISIKO" YANG BERMULA PADA HALAMAN 14.

INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA BERTARIKH 3 DISEMBER 2025 YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS INDUK 1 DANA SIRI PB BERTARIKH 1 DISEMBER 2023.

PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA INI ADALAH TERJEMAHAN DARIPADA PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA PROSPEKTUS INDUK 1 DANA SIRI PB VERSI BAHASA INGGERIS YANG BERTARIKH 3 DISEMBER 2025.

Dana	Tarikh Penubuhan	Dana	Tarikh Penubuhan
<b>Dana Ekuiti</b>		<b>Dana Aset Campuran</b>	
<i>PB Growth Fund</i> (PB Dana Tumbuh)	3 Oktober 2002	<i>PB Dynamic Allocation Fund</i> (PB Dana Alokasi Dinamik)	19 Jun 2012
<i>PB Asia Equity Fund</i> (PB Dana Ekuiti Asia)	27 Jun 2006	<i>PB Mixed Asset Conservative Fund</i>	15 Januari 2013
<i>PB ASEAN Dividend Fund</i> (PB Dana Dividen ASEAN)	8 Mei 2007	(PB Dana Aset Campuran Konservatif)	
<i>PB Euro Pacific Equity Fund</i> (PB Dana Ekuiti Euro Pasifik)	8 Jun 2007	<i>PB Mixed Asset Growth Fund</i> (PB Dana Aset Tumbuh Campuran)	18 Mei 2016
<i>PB China Pacific Equity Fund</i> (PB Dana Ekuiti China Pasifik)	23 Oktober 2007	<i>PB Islamic Dynamic Allocation Fund</i>	28 Februari 2018
<i>PB China ASEAN Equity Fund</i> (PB Dana Ekuiti China ASEAN)	5 Mac 2008	(PB Dana Alokasi Dinamik Islamik)	
<i>PB China Australia Equity Fund</i> (PB Dana Ekuiti China Australia)	2 Mac 2010		
<i>PB Singapore Advantage-30 Equity Fund</i>	11 Mei 2010	<b>Dana Seimbang</b>	
(PB Dana Ekuiti Kelebihan-30 Singapura)		<i>PB Balanced Fund</i> (PB Dana Imbang)	5 Mei 1998
<i>PB Asia Pacific Enterprises Fund</i> (PB Dana Perusahaan Asia Pasifik)	8 Mac 2011	<i>PB Asia Real Estate Income Fund</i>	18 Disember 2007
<i>PB Asia Emerging Growth Fund</i> (PB Dana Tumbuh Pasaran Baru Asia)	6 September 2011	(PB Dana Pendapatan Hartanah Asia)	
<i>PB Growth Sequel Fund</i> (PB Dana Sekuel Tumbuh)	15 November 2011	<i>PB Australia Dynamic Balanced Fund</i>	12 Mei 2009
<i>PB Global Equity Fund</i> (PB Dana Ekuiti Global)	7 Oktober 2014	(PB Dana Imbang Dinamik Australia)	
<i>PB Dividend Builder Equity Fund</i> (PB Dana Ekuiti Bina Dividen)	30 Jun 2015	<i>PB Indonesia Balanced Fund</i> (PB Dana Imbang Indonesia)	12 Oktober 2010
<i>PB SmallCap Growth Fund</i> (PB Dana Tumbuh Modal Kecil)	13 Januari 2016	<i>PB Balanced Sequel Fund</i> (PB Dana Sekuel Imbang)	10 September 2013
<i>PB ASEAN Dividend Sequel Fund</i> (PB Dana Sekuel Dividen ASEAN)	18 Ogos 2016		
<i>PB Asia Pacific Dividend Fund</i> (PB Dana Dividen Asia Pasifik)	15 Ogos 2017	<b>Dana Bon</b>	
<i>PB Asia-30 Equity Fund</i> (PB Dana Ekuiti Asia-30)	26 Julai 2018	<i>PB Fixed Income Fund</i> (PB Dana Pendapatan Tetap)	3 Oktober 2002
<i>PB Asia Consumer Sector Fund</i> (PB Dana Sektor Pengguna Asia)	3 Januari 2019	<i>PB Infrastructure Bond Fund</i> (PB Dana Bon Infrastruktur)	11 Mei 2010
<i>PB Global Technology &amp; Healthcare Fund</i>	9 Mei 2019	<i>PB Bond Fund</i> (PB Dana Bon)	6 September 2011
(PB Dana Global Teknologi & Kesihatan)		<i>PB Islamic Bond Fund</i> (PB Dana Bon Islamik)	16 Mac 2006
<i>PB Global Opportunities Fund</i> (PB Dana Peluang Global)	22 Ogos 2019	<i>PB Sukuk Fund</i> (PB Dana Sukuk)	6 September 2011
<i>PB Greater China A-Shares Fund</i>	10 Mac 2020	<i>PB Aiman Sukuk Fund</i> (PB Dana Sukuk Aiman)	10 September 2013
(PB Dana Saham-A Tanah Besar China)			
<i>PB Vietnam Global 40 Fund</i> (PB Dana Global Vietnam 40)	18 September 2020	<b>Dana Pasaran Wang</b>	
<i>PB U.S. Eagle Fund</i> (PB Dana U.S. Eagle)	5 Januari 2021	<i>PB Cash Management Fund</i> (PB Dana Pengurusan Tunai)	8 Januari 2007
<i>PB Islamic Equity Fund</i> (PB Dana Ekuiti Islamik)	5 September 2005	<i>PB Islamic Cash Management Fund</i>	8 Mei 2007
<i>PB Islamic Asia Equity Fund</i> (PB Dana Ekuiti Asia Islamik)	8 Januari 2007	(PB Dana Pengurusan Tunai Islamik)	
<i>PB Islamic Asia Strategic Sector Fund</i>	6 September 2007		
(PB Dana Sektor Strategik Asia Islamik)			
<i>PB Islamic SmallCap Fund</i> (PB Dana Modal Kecil Islamik)	28 Mac 2017		

Pengedar:

Public Bank Berhad (196501000672 (6463-H))

Pengurus:

Public Mutual Berhad (197501001842 (23419-A))

Pemegang Amanah:

AmanahRaya Trustees Berhad (200701008892 (766894-T))

Maybank Trustees Berhad (196301000109 (5004-P))

CIMB Commerce Trustee Berhad (199401027349 (313031-A))



**PUBLIC BANK**  
Kecemerlangan Adalah Iltizam Kami



**PUBLIC MUTUAL**  
ANAK SYARIKAT MILIK PENUH PUBLIC BANK

**Ini adalah Prospektus Tambahan Pertama yang perlu dibaca bersama dengan Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 1 Disember 2023.**

***“Prospektus Tambahan ini adalah terjemahan daripada versi Bahasa Inggeris. Jika terdapat sebarang perbezaan kandungan, Prospektus Tambahan versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad”.***

### **Pernyataan Tanggungjawab**

Prospektus Tambahan ini telah diteliti dan diluluskan oleh pengarah Public Mutual Berhad dan mereka secara bersama dan berasingan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas ketepatan semua maklumat. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, mereka mengesahkan bahawa berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan mereka, tidak terdapat kenyataan palsu atau mengelirukan, atau ada fakta lain yang ketinggalan yang akan menjadikan sebarang kenyataan di dalam Prospektus Tambahan ini palsu atau mengelirukan.

### **Pernyataan Penafian**

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memberi kebenaran ke atas dana dan satu salinan Prospektus Tambahan ini telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kebenaran ke atas dana, dan pendaftaran Prospektus Tambahan ini tidak harus dianggap bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan dana tersebut atau bertanggungjawab untuk ketepatan sebarang kenyataan yang dibuat, pendapat yang dinyatakan atau laporan yang terkandung di dalam Prospektus Induk atau Prospektus Tambahan ini.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang ketakdedahan bagi pihak syarikat pengurusan yang bertanggungjawab ke atas dana tersebut dan tidak bertanggungjawab ke atas kandungan Prospektus Tambahan ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak membuat pernyataan mengenai ketepatan atau kesempurnaan Prospektus Tambahan ini dan secara jelas menolak sebarang liabiliti dengan apa cara sekalipun yang terbit daripada atau bersandarkan kepada seluruh atau mana-mana bahagian kandungannya.

**PARA PELABUR HARUS BERGANTUNG PADA PENILAIAN MEREKA SENDIRI UNTUK MENILAI MERIT DAN RISIKO PELABURAN. JIKA PELABUR TIDAK DAPAT MEMBUAT PENILAIAN SENDIRI, MEREKA DINASIHATKAN UNTUK BERUNDING DENGAN PENASIHAT PROFESIONAL.**

### **Pernyataan Tambahan**

Pelabur adalah diingatkan bahawa mereka boleh mendapatkan bantuan di bawah *Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007* ke atas pelanggaran undang-undang sekuriti termasuk sebarang kenyataan di dalam Prospektus Tambahan yang palsu, mengelirukan, atau yang daripadanya terdapat ketinggalan yang material; atau bagi apa-apa perbuatan yang mengelirukan atau memperdayakan berhubung dengan Prospektus Tambahan atau kelakuan mana-mana pihak lain yang berkaitan dengan dana.

PB Islamic Equity Fund (PB Dana Ekuiti Islamik), PB Islamic Asia Equity Fund (PB Dana Ekuiti Asia Islamik), PB Islamic Asia Strategic Sector Fund (PB Dana Sektor Strategik Asia Islamik), PB Islamic SmallCap Fund (PB Dana Modal Kecil Islamik), PB Islamic Dynamic Allocation Fund (PB Dana Alokasi Dinamik Islamik), PB Islamic Bond Fund (PB Dana Bon Islamik), PB Sukuk Fund (PB Dana Sukuk), PB Aiman Sukuk Fund (PB Dana Sukuk Aiman) and PB Islamic Cash Management Fund (PB Dana Pengurusan Tunai Islamik) telah disahkan sebagai patuh Syariah oleh Penasihat Syariah yang dilantik untuk dana-dana tersebut.

**SEKIRANYA SEBUAH DANA MENGUMUMKAN AGIHAN YANG DIKELUARKAN DARI MODAL, MODAL DANA AKAN TERHAKIS SEKIRANYA AGIHAN DICAPAI DENGAN MELEPASKAN POTENSI UNTUK PERTUMBUHAN MODAL MASA HADAPAN DAN KITARAN INI BOLEH BERTERUSAN SEHINGGA SEMUA MODAL TERSUSUT.**

**Ini adalah Prospektus Tambahan Pertama yang perlu dibaca bersama dengan Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 1 Desember 2023.**



## **GLOSARI ISTILAH/SINGKATAN**

---

Halaman 6 dan 7 – Penambahan definisi baru dan pindaan definisi yang sedia ada seperti berikut:

PIBB	Public Islamic Bank (197301001433 (14328-V))
sukuk	Sukuk ialah instrumen pembiayaan Islam yang bertujuan mengumpul dana, yang urusan dasarnya mungkin distrukturkan berasaskan pelbagai prinsip/kontrak Syariah yang diluluskan oleh SACSC atau Penasihat Syariah.
Prospektus Tambahan	Prospektus Tambahan Pertama bertarikh 3 Disember 2025 kepada Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 1 Disember 2023.

Ini adalah Prospektus Tambahan Pertama yang perlu dibaca bersama dengan Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 1 Disember 2023.



## DIREKTORI KORPORAT

---

Halaman 11 – Maklumat tentang AmanahRaya Trustees Berhad telah dipinda seperti berikut:

### **PEMEGANG AMANAH**

**AmanahRaya Trustees Berhad (200701008892 (766894-T))**

*Alamat berdaftar:*

Level 34 Vista Tower, The Intermark,  
348 Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur.

*Alamat perniagaan:*

Level 31 Vista Tower, The Intermark,  
348 Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur.

*Tel: 03-2036 5129      Faks: 03-2072 0320*

*e-mel: [info@artrustees.com.my](mailto:info@artrustees.com.my)*

*Laman Web: <https://www.artrustees.my>*

Pemegang amanah, wakil pemegang amanah dan Penasihat Syariah telah memberi dan tidak menarik balik kebenaran bertulis mereka untuk memasukkan nama dan pernyataan mereka di dalam Prospektus Tambahan ini dalam cara dan konteks di mana nama dan pernyataan tersebut muncul.

Ini adalah Prospektus Tambahan Pertama yang perlu dibaca bersama dengan Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 1 Disember 2023.

## MAKLUMAT MENGENAI DANA

### 1.1 PROFIL DANA

#### PB ASIA EQUITY FUND (PB DANA EKUITI ASIA) (PBAEF)

Halaman 18 – Objektif dan Lokasi Aset dana di bawah Dasar dan Strategi Pelaburan telah dipinda seperti berikut:

<b>Objektif Dana</b>	Untuk mendapatkan peningkatan modal dalam jangka panjang. <i>Nota: Sebarang perubahan penting terhadap objektif pelaburan dana akan memerlukan kelulusan pemegang unit.</i>
----------------------	--

#### Dasar dan Strategi Pelaburan

<b>Lokasi Aset</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Korea Selatan</li><li>• China</li><li>• Jepun</li><li>• Indonesia</li><li>• Singapura</li><li>• India</li><li>• Hong Kong</li><li>• Taiwan</li><li>• Malaysia</li><li>• Filipina</li><li>• Thailand</li><li>• Vietnam</li><li>• Mana-mana pasaran asing terpilih lain di luar rantau Asia (sehingga 25% daripada NABnya).</li></ul>
--------------------	---

#### Penanda Aras Prestasi Terpilih bagi PBAEF

Halaman 19 – Penanda aras dana telah dipinda seperti berikut:

Penanda aras bagi dana ialah indeks penanda aras komposit berikut yang terdiri daripada:

Peratus	Indeks
40%	Indeks S&P Greater China LargeMidCap 8% Capped
20%	Indeks S&P Korea LargeCap
20%	IKKL FTSE Bursa Malaysia (IKKL FBM)
20%	Indeks TOPIX Core 30

Indeks penanda aras komposit ini adalah penanda aras prestasi yang sesuai bagi PBAEF kerana dana ini melabur terutamanya dalam portfolio terpelbagai saham yang tersenarai di pasaran domestik, Jepun, Korea Selatan, China, Hong Kong dan Taiwan. Nisbah yang dinyatakan dalam indeks penanda aras komposit mewakili pasaran di mana dana dibenarkan melabur dalam jangka sederhana hingga panjang.

Sebelum 2 Januari 2025, penanda aras dana adalah indeks komposit yang terdiri daripada 40% Indeks S&P Greater China LargeMidCap, 20% Indeks S&P Korea LargeCap, 20% IKKL FTSE Bursa Malaysia dan 20% Indeks TOPIX Core 30.

Berkuatkuasa dari 2 Januari 2025, Indeks S&P Greater China LargeMidCap dalam penanda aras dana telah digantikan dengan Indeks S&P Greater China LargeMidCap 8% Capped kerana indeks ini memberikan gambaran yang lebih baik mengenai komposisi portfolio dan strategi dana.

**Ini adalah Prospektus Tambahan Pertama yang perlu dibaca bersama dengan Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 1 Disember 2023.**



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

Maklumat berkenaan penanda aras boleh diperoleh daripada sumber berikut:

Indeks	Sumber
Indeks S&P Greater China LargeMidCap 8% Capped; dan Indeks S&P Korea LargeCap	S&P Dow Jones Indices, LLC.
Indeks TOPIX Core 30	Bloomberg L.P.
IKKL FBM	FTSE International Limited.

Oleh sebab dana ini diuruskan secara aktif dan pemegangannya mungkin berbeza daripada penanda arasnya, profil risiko dana adalah berbeza daripada profil risiko penanda aras.

Prestasi dana dan penanda arasnya tersedia di laman web kami di [www.publicmutual.com.my](http://www.publicmutual.com.my).

Sebarang perubahan dalam penanda aras dana akan dikemaskini di laman web kami dan/atau PHS dana.

### **PB ASEAN DIVIDEND FUND (PB DANA DIVIDEN ASEAN) (PBADF)**

Halaman 20 – Objektif dan Lokasi Aset dana di bawah Dasar dan Strategi Pelaburan telah dipinda seperti berikut:

<b>Objektif Dana</b>	<p>Untuk menyediakan pendapatan* dengan melabur terutamanya dalam portfolio saham di pasaran domestik dan serantau yang menawarkan atau berpotensi menawarkan hasil dividen yang menarik.</p> <p><i>Nota:</i> <i>*Agihan (jika ada) akan dilaburkan semula kecuali jika pemegang unit memilih agar agihan dibayar kepada mereka.</i></p> <p><i>Sebarang perubahan penting terhadap objektif pelaburan dana akan memerlukan kelulusan pemegang unit.</i></p>
----------------------	---

### **Dasar dan Strategi Pelaburan**

<b>Lokasi Aset</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Indonesia</li><li>• Filipina</li><li>• Malaysia</li><li>• Singapura</li><li>• Thailand</li><li>• Vietnam</li><li>• Mana-mana pasaran asing terpilih lain di luar rantau ASEAN (sehingga 25% daripada NABnya).</li></ul>
--------------------	---

**Ini adalah Prospektus Tambahan Pertama yang perlu dibaca bersama dengan Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 1 Disember 2023.**



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

### PB EURO PACIFIC EQUITY FUND (PB DANA EKUITI EURO PASIFIK) (PBEPEF)

#### **Penanda Aras Prestasi Terpilih bagi PBEPEF**

Halaman 23 - Penanda aras dana telah dipinda seperti berikut:

Penanda aras dana ialah indeks penanda aras komposit berikut yang terdiri daripada:

Peratus	Indeks
50%	Indeks S&P Pan Asia Kecuali Jepun, Australia, New Zealand & India LargeCap 8% Capped
40%	Indeks STOXX Europe 50
10%	Indeks Tokyo Stock Price (TOPIX)

Indeks penanda aras komposit ini adalah penanda aras prestasi yang sesuai bagi PBEPEF kerana ia mewakili pasaran yang dana dibenarkan melabur dalam jangka panjang.

Sebelum 2 Januari 2025, penanda aras dana adalah indeks komposit yang terdiri daripada 50% Indeks S&P Pan Asia Kecuali Jepun, Australia, New Zealand & India LargeCap, 40% Indeks STOXX Europe 50 dan 10% TOPIX.

Berkuatkuasa dari 2 Januari 2025, Indeks S&P Pan Asia Kecuali Jepun, Australia, New Zealand & India LargeCap dalam penanda aras dana telah digantikan dengan Indeks S&P Pan Asia Kecuali Jepun, Australia, New Zealand & India LargeCap 8% Capped kerana indeks ini memberikan gambaran yang lebih baik mengenai komposisi portfolio dan strategi dana.

Maklumat tentang penanda aras boleh diperoleh daripada sumber-sumber berikut:

Indeks	Sumber
Indeks S&P Pan Asia Kecuali Jepun, Australia, New Zealand & India LargeCap 8% Capped	S&P Dow Jones Indices, LLC.
Indeks STOXX Europe 50 dan TOPIX	Bloomberg L.P.

Oleh sebab dana ini diuruskan secara aktif dan pemegangannya mungkin berbeza daripada penanda arasnya, profil risiko dana adalah berbeza daripada profil risiko penanda aras.

Prestasi dana dan penanda arasnya tersedia di laman web kami di [www.publicmutual.com.my](http://www.publicmutual.com.my).

Sebarang perubahan dalam penanda aras dana akan dikemaskini di laman web kami dan/atau PHS dana.

Ini adalah Prospektus Tambahan Pertama yang perlu dibaca bersama dengan Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 1 Disember 2023.



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

### PB CHINA PACIFIC EQUITY FUND (PB DANA EKUITI CHINA PASIFIK) (PBCPEF)

Halaman 24 – Objektif, Alokasi Aset dan Lokasi Aset dana di bawah Dasar dan Strategi Pelaburan telah dipinda seperti berikut:

<b>Objektif Dana</b>	Untuk mencapai pertumbuhan modal dalam tempoh jangka sederhana hingga panjang dengan melabur terutamanya dalam saham di pasaran China dan Asia Utara.  <i>Nota: Sebarang perubahan penting terhadap objektif pelaburan dana akan memerlukan kelulusan pemegang unit.</i>
----------------------	--

### Dasar dan Strategi Pelaburan

<b>Alokasi Aset</b>	<b>Saham atau sekuriti yang setara dengan saham</b>	75% hingga 98% daripada NAB dana
<b>Lokasi Aset</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• China</li><li>• Hong Kong</li><li>• Singapura</li><li>• Jepun</li><li>• Korea Selatan</li><li>• Taiwan</li><li>• Malaysia dan mana-mana pasaran asing terpilih lain di luar pasaran Asia Utara dan Singapura (sehingga 25% daripada NABnya).</li></ul>	

### Penanda Aras Prestasi Terpilih bagi PBCPEF

Halaman 25 – Penanda aras dana akan dipinda seperti berikut:

Penanda aras dana ialah indeks penanda aras komposit berikut yang terdiri daripada:

Peratus	Indeks
60%	Indeks S&P China & Hong Kong LargeMidCap
15%	Indeks S&P Korea LargeCap
15%	Indeks S&P Taiwan LargeCap
10%	KLIBOR 3 Bulan

Indeks penanda aras komposit ini adalah penanda aras prestasi yang sesuai bagi PBCPEF kerana saham komponen ketiga-tiga indeks ini mewakili saham utama dari China, Hong Kong, Korea dan Taiwan.

Sebelum 29 Disember 2025, penanda aras dana adalah indeks komposit yang terdiri daripada 80% Indeks S&P China & Hong Kong LargeMidCap, 10% Indeks S&P Korea LargeCap dan 10% Indeks S&P Taiwan LargeCap.

Berkuatkuasa dari 29 Disember 2025, penanda aras dana akan digantikan dengan 60% Indeks S&P China & Hong Kong LargeMidCap, 15% Indeks S&P Korea LargeCap, 15% Indeks S&P Taiwan LargeCap dan 10% KLIBOR 3 Bulan kerana indeks ini memberikan gambaran yang lebih baik mengenai komposisi portfolio dan strategi dana.

**Ini adalah Prospektus Tambahan Pertama yang perlu dibaca bersama dengan Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 1 Disember 2023.**



## **MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')**

Maklumat tentang penanda aras boleh diperoleh daripada sumber-sumber berikut:

<b>Indeks</b>	<b>Sumber</b>
Indeks S&P China & Hong Kong LargeMidCap; dan Indeks S&P Korea LargeCap	S&P Dow Jones Indices, LLC.
Indeks S&P Taiwan LargeCap	Bloomberg L.P.
KLIBOR 3 Bulan	Bahagian perniagaan dalam akhbar harian.

Oleh sebab dana ini diuruskan secara aktif dan pemegangannya mungkin berbeza daripada penanda arasnya, profil risiko dana adalah berbeza daripada profil risiko penanda aras.

Prestasi dana dan penanda arasnya tersedia di laman web kami di [www.publicmutual.com.my](http://www.publicmutual.com.my).

Sebarang perubahan dalam penanda aras dana akan dikemaskini di laman web kami dan/atau PHS dana.

### **PB CHINA AUSTRALIA EQUITY FUND (PB DANA EKUITI CHINA AUSTRALIA) (PBCAUEF)**

Halaman 29 – Objektif dan Lokasi Aset dana di bawah Dasar dan Strategi Pelaburan telah dipinda seperti berikut:

<b>Objektif Dana</b>	Bertujuan untuk mencapai pertumbuhan modal dalam tempoh jangka sederhana hingga panjang dengan melabur terutamanya dalam portfolio saham China dan Australia yang terpelbagai. <i>Nota: Sebarang perubahan penting terhadap objektif pelaburan dana akan memerlukan kelulusan pemegang unit.</i>
----------------------	---

### **Dasar dan Strategi Pelaburan**

<b>Lokasi Aset</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• China</li><li>• Australia</li><li>• Hong Kong</li><li>• Taiwan</li><li>• Malaysia dan mana-mana pasaran asing terpilih lain di luar rantau Tanah Besar China dan Australia (sehingga 25% daripada NABnya).</li></ul>
--------------------	--

Ini adalah Prospektus Tambahan Pertama yang perlu dibaca bersama dengan Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 1 Disember 2023.



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

### **PB SINGAPORE ADVANTAGE-30 EQUITY FUND (PB DANA EKUITI KELEBIHAN-30 SINGAPURA) (PBSGA30EF)**

Halaman 31 – Objektif, Lokasi Aset dan perenggan pertama Pendekatan Pelaburan dana di bawah Dasar dan Strategi Pelaburan telah dipinda seperti berikut:

#### **Objektif Dana**

Bertujuan untuk mencapai pertumbuhan modal dalam tempoh jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam maksimum sehingga 30 saham terutamanya di pasaran Singapura termasuk saham Singapura yang tersenarai di pasaran lain.

*Nota: Sebarang perubahan penting terhadap objektif pelaburan dana akan memerlukan kelulusan pemegang unit.*

#### **Dasar dan Strategi Pelaburan**

#### **Lokasi Aset**

- Singapura
- Malaysia dan mana-mana pasaran asing terpilih lain di luar Singapura (sehingga 25% daripada NABnya).

#### **Pendekatan Pelaburan**

##### **Saham atau sekuriti yang setara dengan saham**

Dana akan melabur sehingga maksimum 30 saham terutamanya di pasaran Singapura termasuk saham syarikat yang menjana hasil/ beroperasi di Singapura yang tersenarai di pasaran lain yang dibenarkan.

Pendekatan bawah ke atas dalam proses pemilihan saham atau sekuriti yang setara dengan saham, yang bergantung kepada penyelidikan asas di mana keadaan kewangan, prospek industri, kualiti pengurusan dan rekod prestasi syarikat masa lalu akan dinilai.

Ini adalah Prospektus Tambahan Pertama yang perlu dibaca bersama dengan Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 1 Disember 2023.



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

### PB SMALLCAP GROWTH FUND (PB DANA TUMBUH MODAL KECIL) (PBSCGF)

Halaman 44 – Objektif dan Kelas Aset Lazim dana di bawah Dasar dan Strategi Pelaburan telah dipinda seperti berikut:

<b>Objektif Dana</b>	<p>Untuk mencapai pertumbuhan modal dalam tempoh jangka sederhana hingga panjang melalui pelaburan terutamanya dalam syarikat yang mempunyai permodalan pasaran kecil.</p> <p><i>Nota:</i> <i>Dana boleh terus melabur dalam kaunter yang telah melebihi julat permodalan pasaran yang dinyatakan dalam dasar dan strategi pelaburan dana.</i></p> <p><i>Sebarang perubahan penting terhadap objektif pelaburan dana akan memerlukan kelulusan pemegang unit.</i></p>
----------------------	---

### Dasar dan Strategi Pelaburan

<b>Kelas Aset Lazim</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sekuriti boleh pindah milik:<ul style="list-style-type: none"><li>➤ Saham yang dana boleh melabur termasuk:<ul style="list-style-type: none"><li>❖ saham syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sehingga RM5.0 bilion pada titik pembelian.</li><li>❖ saham tersenarai syarikat yang berada dalam julat permodalan pasaran Indeks SmallCap FTSE Bursa Malaysia pada titik pembelian.</li><li>❖ saham syarikat yang membentuk 15% permodalan pasaran kumulatif terendah di Bursa Securities pada titik pembelian.</li><li>❖ saham komponen indeks pasaran permodalan kecil di pasaran asing terpilih pada titik pembelian.</li><li>❖ saham syarikat yang membentuk 15% permodalan pasaran kumulatif terendah di pasaran di mana saham berkenaan tersenarai pada titik pembelian, jika indeks pasaran permodalan kecil tidak tersedia untuk pasaran asing.</li><li>❖ saham syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran melebihi RM5.0 bilion dan saham syarikat asing dengan permodalan pasaran sederhana dan besar (sehingga 25% daripada NAB dana).</li></ul></li></ul></li></ul>
-------------------------	--

Ini adalah Prospektus Tambahan Pertama yang perlu dibaca bersama dengan Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 1 Disember 2023.



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

### PB ASIA PACIFIC DIVIDEND FUND (PB DANA DIVIDEN ASIA PASIFIK) (PBAPDF)

Halaman 48 – Objektif dan Lokasi Aset dana di bawah Dasar dan Strategi Pelaburan telah dipinda seperti berikut:

<b>Objektif Dana</b>	<p>Untuk menyediakan pendapatan* dengan melabur dalam portfolio saham terutamanya di pasaran domestik dan serantau yang menawarkan atau berpotensi menawarkan hasil yang menarik.</p> <p><i>Nota:</i> <i>*Agihan (jika ada) akan dilaburkan semula kecuali jika pemegang unit memilih agar agihan dibayar kepada mereka.</i></p> <p><i>Sebarang perubahan penting terhadap objektif pelaburan dana akan memerlukan kelulusan pemegang unit.</i></p>
----------------------	---

#### Dasar dan Strategi Pelaburan

<b>Lokasi Aset</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Korea Selatan</li><li>• China</li><li>• Taiwan</li><li>• Hong Kong</li><li>• Malaysia</li><li>• India</li><li>• Filipina</li><li>• Indonesia</li><li>• Singapura</li><li>• Thailand</li><li>• Australia</li><li>• Vietnam</li><li>• Mana-mana pasaran asing terpilih lain di luar rantau Asia dan Australia (sehingga 25% daripada NABnya).</li></ul>
--------------------	---

### PB ASIA-30 EQUITY FUND (PB DANA EKUITI ASIA-30) (PBA30EF)

Halaman 50 – Objektif dan Lokasi Aset dana di bawah Dasar dan Strategi Pelaburan telah dipinda seperti berikut:

<b>Objektif Dana</b>	<p>Untuk mencapai pertumbuhan modal dalam tempoh jangka sederhana hingga panjang dengan melabur terutamanya di pasaran domestik dan serantau.</p> <p><i>Nota: Sebarang perubahan penting terhadap objektif pelaburan dana akan memerlukan kelulusan pemegang unit.</i></p>
----------------------	--

#### Dasar dan Strategi Pelaburan

<b>Lokasi Aset</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Korea Selatan</li><li>• China</li><li>• Jepun</li><li>• Singapura</li><li>• Hong Kong</li><li>• India</li><li>• Taiwan</li><li>• Malaysia</li><li>• Filipina</li><li>• Thailand</li><li>• Indonesia</li><li>• Vietnam</li><li>• Mana-mana pasaran asing terpilih lain di luar rantau Asia (sehingga 25% daripada NABnya).</li></ul>
--------------------	---

**Ini adalah Prospektus Tambahan Pertama yang perlu dibaca bersama dengan Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 1 Disember 2023.**



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

### PB ISLAMIC ASIA STRATEGIC SECTOR FUND (PB DANA SEKTOR STRATEGIK ASIA ISLAMIK) (PBIASSF)

Halaman 70 dan 71 – Objektif, Lokasi Aset, perenggan pertama dan kedua Pendekatan Pelaburan dana di bawah Dasar dan Strategi Pelaburan telah dipinda seperti berikut:

<b>Objektif Dana</b>	<p>Untuk mencapai peningkatan modal dalam jangka panjang dengan melabur dalam portfolio sekuriti, terutamanya ekuiti, yang mematuhi keperluan Syariah daripada sektor pasaran terpilih terutamanya di pasaran domestik dan serantau.</p> <p><i>Nota: Sebarang perubahan penting terhadap objektif pelaburan dana akan memerlukan kelulusan pemegang unit.</i></p>
----------------------	---

#### Dasar dan Strategi Pelaburan

<b>Lokasi Aset</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia</li> <li>• Jepun</li> <li>• Korea Selatan</li> <li>• China</li> <li>• Taiwan</li> <li>• Hong Kong</li> <li>• Vietnam</li> <li>• India</li> <li>• Filipina</li> <li>• Indonesia</li> <li>• Singapura</li> <li>• Thailand</li> <li>• Australia dan New Zealand (sehingga 20% daripada NAB).</li> <li>• Mana-mana pasaran asing terpilih lain di luar rantau Asia (sehingga 25% daripada NABnya).</li> </ul>	
<b>Pendekatan Pelaburan</b>	<b>Saham patuh Syariah atau sekuriti yang setara dengan saham patuh Syariah</b>	<p>Dana akan melabur maksimum dalam 8 sektor tetapi akan mengekalkan pelaburannya dalam minimum 3 sektor.</p> <p>Bagi memudahkan peralihan satu sektor kepada sektor lain, dana mungkin melabur secara sementara dalam lebih daripada 8 sektor apabila ia sedang melaksanakan aktiviti pengimbangan semula portfolio.</p>

### PB ISLAMIC SMALLCAP FUND (PB DANA MODAL KECIL ISLAMIK) (PBISCF)

Halaman 73 – Kelas Aset Lazim dana dibawah Dasar dan Strategi Pelaburan telah dipinda seperti berikut:

#### Dasar dan Strategi Pelaburan

<b>Kelas Aset Lazim</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekuriti boleh pindah milik: <ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Saham patuh Syariah yang dana boleh melabur termasuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ saham patuh Syariah yang tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sehingga RM5.0 bilion pada titik pembelian.</li> <li>❖ saham patuh Syariah dalam julat permodalan pasaran Indeks Syariah Small Cap FTSE Bursa Malaysia pada titik pembelian.</li> <li>❖ saham komponen indeks pasaran permodalan kecil yang patuh Syariah di Pasaran Layak terpilih pada titik pembelian.</li> <li>❖ saham patuh Syariah yang membentuk 15% permodalan pasaran kumulatif terbawah di pasaran di mana saham berkenaan tersenarai pada titik pembelian.</li> <li>❖ saham patuh Syariah yang tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran melebihi RM5.0 bilion dan saham patuh Syariah syarikat asing dengan permodalan pasaran sederhana dan besar (sehingga 25% daripada NAB dana).</li> </ul> </li> </ul> </li> </ul>
-------------------------	--

**Ini adalah Prospektus Tambahan Pertama yang perlu dibaca bersama dengan Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 1 Disember 2023.**



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

### PB DYNAMIC ALLOCATION FUND (PB DANA ALOKASI DINAMIK) (PBDYNAF)

#### *Penanda Aras Prestasi Terpilih bagi PBDYNAF*

Halaman 76 dan 77 – Penanda aras dana telah dipinda seperti berikut:

Peratus	Indeks
70%	Indeks S&P Pan Asia Kecuali Jepun, Australia, New Zealand & India LargeCap 8% Capped
30%	KLIBOR 3 Bulan

Indeks penanda aras komposit ini adalah penanda aras prestasi yang sesuai bagi PBDYNAF kerana ia menggambarkan peruntukan aset dana yang lazimnya adalah 70% daripada NAB dalam saham atau sekuriti yang setara dengan saham dalam jangka sederhana hingga panjang.

Sebelum 2 Januari 2025, penanda aras dana adalah indeks komposit yang terdiri daripada 70% Indeks S&P Pan Asia Kecuali Jepun, Australia, New Zealand & India LargeCap dan 30% KLIBOR 3 Bulan.

Berkuatkuasa dari 2 Januari 2025, Indeks S&P Pan Asia Kecuali Jepun, Australia, New Zealand & India LargeCap dalam penanda aras dana telah digantikan dengan Indeks S&P Pan Asia Kecuali Jepun, Australia, New Zealand & India LargeCap 8% Capped kerana indeks ini memberikan gambaran yang lebih baik mengenai komposisi portfolio dan strategi dana.

Maklumat tentang penanda aras boleh diperolehi daripada sumber-sumber berikut:

Indeks	Sumber
Indeks S&P Pan Asia Kecuali Jepun, Australia, New Zealand & India LargeCap 8% Capped	S&P Dow Jones Indices, LLC.
KLIBOR 3 Bulan	Bahagian perniagaan dalam akhbar harian.

Oleh sebab dana ini diuruskan secara aktif dan pemegangannya mungkin berbeza daripada penanda arasnya, profil risiko dana adalah berbeza daripada profil risiko penanda aras.

Prestasi dana dan penanda arasnya tersedia di laman web kami di [www.publicmutual.com.my](http://www.publicmutual.com.my).

Sebarang perubahan dalam penanda aras dana akan dikemaskini di laman web kami dan/atau PHS dana.

**Ini adalah Prospektus Tambahan Pertama yang perlu dibaca bersama dengan Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 1 Disember 2023.**



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

### PB INDONESIA BALANCED FUND (PB DANA IMBANG INDONESIA) (PBINDOBF)

#### *Penanda Aras Prestasi Terpilih bagi PBINDOBF*

Halaman 94 – Penanda aras dana akan dipinda seperti berikut:

Penanda aras dana ialah indeks penanda aras komposit berikut yang terdiri daripada:

Peratus	Indeks
60%	Indeks S&P Indonesia LargeMidCap 10% Capped
20%	KLIBOR 3 Bulan
20%	Kadar Purata Indeks Semalaman Indonesia Kompaun 90 Hari (IndONIA)

Indeks penanda aras komposit ini adalah penanda aras prestasi yang sesuai bagi PBINDOBF kerana dana hanya boleh melabur sehingga 60% daripada NABnya dalam saham atau sekuriti yang setara dengan saham. Baki NAB dana akan dilaburkan dalam bon Malaysia dan Indonesia atau bentuk lain hutang disekuritkan dan instrumen pasaran wang dan dengan itu dianggap adalah sesuai penanda aras ini menggabungkan pulangan daripada pelaburan dalam semua pasaran ini.

Sebelum 2 Januari 2024, penanda aras dana adalah indeks komposit yang terdiri daripada 60% Indeks LQ-45 (LQ45) dalam nilai RM, 20% KLIBOR 3 Bulan dan 20% Kadar Tawaran Antara Bank Jakarta (JIBOR) 3 Bulan.

Berkuatkuasa dari 2 Januari 2024, LQ45 dalam penanda aras dana telah digantikan dengan Indeks S&P Indonesia LargeMidCap 10% Capped kerana indeks ini lebih menggambarkan komposisi portfolio dan strategi dana.

Berkuatkuasa dari 29 Disember 2025, JIBOR 3 Bulan dalam penanda aras dana akan digantikan dengan IndONIA Kompaun 90 Hari kerana Bank Indonesia telah mengumumkan pemberhentian JIBOR berkuatkuasa 1 Januari 2026.

Maklumat tentang penanda aras boleh diperolehi daripada sumber-sumber berikut:

Indeks	Sumber
Indeks S&P Indonesia LargeMidCap 10% Capped	S&P Dow Jones Indices, LLC.
KLIBOR 3 Bulan	Bahagian perniagaan dalam akhbar harian.
IndONIA Kompaun 90 Hari	Bloomberg L.P.

Oleh sebab dana ini diuruskan secara aktif dan pemegangannya mungkin berbeza daripada penanda arasnya, profil risiko dana adalah berbeza daripada profil risiko penanda aras.

Prestasi dana dan penanda arasnya tersedia di laman web kami di [www.publicmutual.com.my](http://www.publicmutual.com.my).

Sebarang perubahan dalam penanda aras dana akan dikemaskini di laman web kami dan/atau PHS dana.



## **MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')**

**PB ISLAMIC BOND FUND (PB DANA BON ISLAMIK) (PBIBF), PB SUKUK FUND (PB DANA SUKUK) (PBSKF) dan PB AIMAN SUKUK FUND (PB DANA SUKUK AIMAN) (PBASF)**

### ***Penanda Aras Prestasi Terpilih bagi PBIBF, PBSK dan PBASF***

Halaman 104, 106 dan 108 – Penanda aras dana-dana telah dipinda seperti berikut:

Sebelum 1 Julai 2025, penanda aras dana-dana di atas ialah indeks pengumpulan berdasarkan GIA 12 Bulan yang disebut oleh Bank Negara Malaysia.

Berkuatkuasa 1 Julai 2025, penanda aras dana-dana telah digantikan dengan Deposit Bertempoh-i 12 Bulan PIBB kerana penanda aras ini mewakili pelaburan dana dengan lebih baik.

Oleh sebab dana-dana diuruskan secara aktif dan pemegangannya mungkin berbeza daripada penanda arasnya, profil risiko dana adalah berbeza daripada profil risiko penanda aras.

Prestasi dana dan penanda arasnya tersedia di laman web kami di [www.publicmutual.com.my](http://www.publicmutual.com.my).

Sebarang perubahan dalam penanda aras dana akan dikemaskini di laman web kami dan/atau PHS dana.

## **1.2 FAKTOR RISIKO**

Halaman 112 – Maklumat tentang risiko pinjaman/pembiayaan telah dipinda seperti berikut:

### ***Risiko Umum***

4. ***Risiko pinjaman/pembiayaan margin:*** Risiko ini berlaku apabila pelabur mengambil pinjaman/pembiayaan margin untuk membiayai pelaburan mereka. Risiko bawaan apabila melabur dengan menggunakan wang yang dipinjam/dibiaya termasuk pelabur tidak dapat membuat pembayaran balik pinjaman/pembayaran pembiayaan margin. Sekiranya unit digunakan sebagai cagaran, pelabur mungkin dikehendaki menambah ansuran sedia ada jika harga unit turun di bawah paras tertentu disebabkan keadaan pasaran. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan unit dijual pada NAB seunit lebih rendah berbanding NAB seunit pada titik pembelian untuk menyelesaikan pinjaman/pembiayaan margin.

*Pengurus tidak menggalakkan amalan pinjaman/pembiayaan margin untuk membeli amanah saham.*

## **1.3 PELABURAN DIBENARKAN**

Halaman 116 dan 117 – Item (a)(v) untuk Dana Ekuiti, Aset Campuran dan Seimbang, Dana Ekuiti dan Aset Campuran Islam, dan item (a)(v) dan (b)(v) untuk Dana Bon/Sukuk telah dikeluarkan seperti berikut:

### ***Dana Ekuiti, Aset Campuran dan Seimbang***

- (a) Dana akan melabur dalam:
  - i. Sekuriti boleh pindah milik;
  - ii. Deposit dengan institusi kewangan berlesen domestik dan asing;
  - iii. Instrumen pasaran wang; dan
  - iv. Unit atau saham skim pelaburan kolektif lain.

### ***Dana Ekuiti dan Aset Campuran Islam***

- (a) Dana akan melabur dalam:
  - i. Sekuriti boleh pindah milik patuh Syariah;
  - ii. Deposit Islam dengan institusi kewangan berlesen domestik dan asing;
  - iii. Instrumen pasaran wang Islam; dan
  - iv. Unit atau saham skim pelaburan kolektif Islam lain.



## **MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')**

### ***Dana Bon/Sukuk***

- (a) PBFI, PBINFBF dan PBBOND akan melabur dalam:
  - i. Sekuriti hutang;
  - ii. Deposit dengan institusi kewangan berlesen domestik dan asing;
  - iii. Instrumen pasaran wang; dan
  - iv. Unit atau saham skim pelaburan kolektif lain.
- (b) PBIBF, PBSKF dan PBASF akan melabur dalam:
  - i. Sukuk;
  - ii. Deposit Islam dengan institusi kewangan berlesen domestik dan asing;
  - iii. Instrumen pasaran wang Islam; dan
  - iv. Unit atau saham skim pelaburan kolektif Islam lain.

### **1.5 PENILAIAN PELABURAN DIBENARKAN**

Halaman 127 – Maklumat mengenai kaedah penilaian untuk deposit/akaun pelaburan tak terbatas dan deposit Islam dengan institusi kewangan telah dipinda seperti berikut:

**Deposit/akaun pelaburan tak terbatas yang dianggap sebagai instrumen pasaran wang Islam dan deposit Islam dengan institusi kewangan** – nilai pelaburan seperti ini akan ditentukan setiap hari dengan merujuk kepada nilai prinsipalnya dan faedah/keuntungan terakru untuk tempoh berkaitan.

### **1.6 PROSES SARINGAN SYARIAH UNTUK DANA**

Halaman 127 dan 128 – Maklumat mengenai saham patuh Syariah tersenarai/tidak tersenarai di bawah Proses Saringan Syariah untuk dana telah dipinda seperti berikut:

#### ***Saham patuh Syariah tersenarai/tidak tersenarai***

Untuk saham patuh Syariah tersenarai domestik, rujukan dibuat kepada senarai sekuriti patuh Syariah yang diterbitkan oleh SACSC setiap setengah tahun. Untuk saham patuh Syariah tidak tersenarai domestik, Penasihat Syariah menggunakan pendekatan kuantitatif dua peringkat berdasarkan aktiviti perniagaan dan penanda aras nisbah kewangan dalam menentukan status Syariah saham seperti dalam *Senarai Sekuriti Patuh Syariah* yang diterbitkan SACSC.

Pelaburan dalam saham patuh Syariah tidak tersenarai dalam pasaran domestik dan pasaran asing akan dipilih menurut saham yang dikelaskan sebagai patuh Syariah oleh Penasihat Syariah. Untuk saham patuh Syariah yang akan dikaji oleh Penasihat Syariah, pengurus dana perlu mengenal pasti terlebih dahulu saham patuh Syariah yang memenuhi kriteria pelaburan mereka. Semua dokumen berkaitan yang mengandungi maklumat terkini mengenai aktiviti perniagaan, penyata kewangan dan maklumat berkaitan lain akan diserahkan kepada Penasihat Syariah untuk proses saringan saham Syariah yang melibatkan analisis kuantitatif dan kualitatif.

Untuk penanda aras aktiviti perniagaan, Penasihat Syariah akan menentukan sama ada sumbangan aktiviti tidak patuh Syariah kepada jumlah pendapatan\* Kumpulan akan dihitung dan dibandingkan dengan penanda aras aktiviti perniagaan yang berkaitan seperti yang berikut:

*Nota: Jumlah pendapatan termasuk perolehan, pendapatan lain, bahagian keuntungan dan sebagainya.*



## **MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')**

### **(i) Penanda aras 5%**

Penanda aras 5% terpakai ke atas perniagaan/aktiviti berikut:

- perbankan dan pembelian pinjaman konvensional;
- insurans konvensional;
- perjudian;
- arak dan aktiviti berkaitan arak;
- khinzir dan aktiviti berkaitan khinzir;
- makanan dan minuman tidak halal termasuk makanan dan minuman tanpa pensijilan halal\*;
- tembakau, rokok, rokok elektronik, dan aktiviti serta produk yang berkaitan;
- pendapatan faedah daripada akaun dan instrumen konvensional (termasuk pendapatan faedah yang diperoleh daripada keputusan penghakiman mahkamah atau timbang tara, caj pembayaran lewat dan caj penalti);
- dividen daripada pelaburan tidak patuh Syariah;
- hiburan tidak patuh Syariah; dan
- aktiviti lain yang dianggap tidak patuh Syariah menurut prinsip Syariah seperti mana ditentukan oleh SACSC.

Bagi perniagaan/aktiviti yang disenaraikan di atas, sumbangan daripada perniagaan/aktiviti tidak patuh Syariah kepada jumlah pendapatan Kumpulan mestilah kurang daripada 5%.

*Nota: Bagi syarikat tersenarai yang aktiviti melibatkan pembuatan, pemprosesan serta pemasaran produk makanan, syarikat tersebut hendaklah mendapatkan pensijilan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau mana-mana badan pengesahan halal lain yang diiktiraf oleh JAKIM.*

### **(ii) Penanda aras 20%**

Penanda aras 20% terpakai ke atas perniagaan/aktiviti berikut:

- dagangan saham;
- perniagaan pembrokeran saham;
- pawagam;
- sewa diterima daripada aktiviti tidak patuh Syariah; dan
- aktiviti lain yang dianggap tidak patuh Syariah menurut prinsip Syariah seperti mana ditentukan oleh SACSC.

Untuk perniagaan/aktiviti yang dinyatakan di atas, sumbangan daripada perniagaan/aktiviti tidak patuh Syariah kepada jumlah pendapatan Kumpulan mestilah kurang daripada 20%.

Untuk penanda aras nisbah kewangan, Penasihat Syariah akan menentukan sama ada nisbah kewangan sesebuah syarikat (iaitu nisbah hutang kepada jumlah aset dan nisbah tunai kepada jumlah aset adalah kurang daripada 33%). Untuk nisbah tunai kepada jumlah aset, tunai hanya termasuk tunai yang dalam akaun dan instrumen konvensional, manakala tunai yang ditempatkan dalam akaun dan instrumen Islam dikecualikan daripada penghitungan ini. Untuk nisbah hutang kepada jumlah aset, hutang hanya termasuk hutang berfaedah manakala pembiayaan Islam atau sukuk tidak dimasukkan dalam penghitungan. Selain kriteria kuantitatif dua peringkat di atas, Penasihat Syariah juga mengambil kira aspek kualitatif yang melibatkan persepsi atau imej awam terhadap aktiviti syarikat daripada perspektif ajaran Islam.



## **MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')**

Untuk saham patuh Syariah tersenarai asing, rujukan dibuat kepada senarai indeks Islam diluluskan bulanan. Untuk pelaburan dana dalam saham tersenarai dan tidak tersenarai patuh Syariah dalam pasaran asing yang tidak termasuk dalam senarai indeks Islam yang diluluskan, Penasihat Syariah menggunakan pendekatan dua peringkat yang mengguna pakai saringan berasaskan sektor dan berasaskan nisbah kewangan untuk menentukan status Syariah saham tersebut. Untuk saringan berasaskan sektor, aktiviti teras perniagaan yang berkaitan dengan pengiklanan dan media, arak, perbankan dan insurans konvensional, perjudian, khinzir, pornografi, tembakau dan perdagangan emas dan perak sebagai tunai atas asas tertunda adalah tidak sesuai untuk tujuan pelaburan Islam. Untuk saringan berasaskan nisbah kewangan, Penasihat Syariah akan menentukan jika hutang, tunai, item berfaedah dan akaun belum terima daripada kedudukan kewangan syarikat mematuhi ambang kewangan sebagaimana yang diluluskan oleh indeks Islam yang dilanggan oleh dana. Penanda aras ini mungkin berbeza berdasarkan perkembangan pasaran modal Islam dan bidang kuasa penyedia indeks Islam yang dirujuk. Sekiranya mana-mana penghitungan gagal memenuhi penanda aras kewangan, Penasihat Syariah tidak akan memberikan status patuh Syariah kepada saham tersebut. Bagi memastikan pematuhan tegas kepada keperluan Syariah, saham patuh Syariah asing yang diluluskan oleh Penasihat Syariah akan dikaji semula dua kali setiap tahun.

### **1.7 PROSES PEMBERSIHAN DANA ISLAM**

Halaman 130 – Penambahan perenggan baharu dibawah Pengelasan semula status Syariah dan maklumat Pelaburan tak patuh Syariah telah dipinda seperti berikut:

#### ***Pengelasan semula status Syariah***

Selain itu, semasa tempoh pelaburan, dana-dana dibenarkan untuk melanggan-

- (a) sebarang terbitan sekuriti baharu oleh syarikat yang sekuritinya tidak patuh Syariah dipegang oleh dana, sebagai contoh terbitan hak, terbitan bonus, terbitan khas dan waran (tidak termasuk sekuriti yang sifatnya tidak patuh Syariah seperti stok pinjaman); dan
  - (b) Sekuriti patuh Syariah syarikat lain yang ditawarkan oleh syarikat tersebut di mana sekuriti tidak patuh Syariah dipegang oleh dana
- dengan syarat, dana tersebut mempercepatkan pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah.

#### ***Pelaburan tak patuh Syariah***

Sebarang pelaburan tak patuh Syariah yang dibuat secara tidak sengaja akan dilupuskan/ditarik balik dalam tempoh sebulan daripada mengetahui status pelaburan. Jika pelaburan tersebut memperoleh laba (melalui laba modal, dan/atau dividen dan/atau faedah) yang diterima sebelum atau selepas pelupusan pelaburan, laba tersebut akan disalurkan kepada baitulmal dan/atau mana-mana pertubuhan kebajikan lain sebagaimana yang dinasihatkan oleh Penasihat Syariah. Dana-dana mempunyai hak untuk mengekalkan hanya kos pelaburan. Jika pelupusan pelaburan menyebabkan kerugian terhadap dana, kerugian tersebut akan ditanggung oleh Pengurus.

Ini adalah Prospektus Tambahan Pertama yang perlu dibaca bersama dengan Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 1 Disember 2023.

## 3 MAKLUMAT URUSNIAGA

### 3.2 PENGHITUNGAN HARGA

Halaman 139 dan Sekyen 3.4 halaman 142 – Maklumat mengenai Anda Dilarang Membuat Bayaran Tunai Untuk Pelaburan telah dipinda seperti berikut:

#### ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI UNTUK PELABURAN



**PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM DAN KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL TIDAK DIBENARKAN MENERIMA PELABURAN DALAM BENTUK TUNAI DALAM APA JUA KEADAAN.**

*Public Mutual tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian yang ditanggung sekiranya anda memberi wang tunai kepada perunding skim amanah saham atau kakitangan kami.*



**ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI KEPADA PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL.**



**ANDA DILARANG MEMBUAT DEPOSIT ATAU PINDAHAN KE AKAUN BANK PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL.**

**ANDA DILARANG MENGELUARKAN CEK DI ATAS NAMA PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL.**

*Nota: Pindaan di atas tidak memberi kesan terhadap Prospektus Tambahan ini kerana pindaan yang dibuat di dalam Prospektus Tambahan versi Bahasa Inggeris hanya melibatkan pindaan berkaitan tatabahasa.*

### 3.4 CARA MEMBELI UNIT DANA

Halaman 141 dan 142 – Maklumat mengenai Membuka Akaun dan Bagaimana Anda Perlu Menulis Cek telah dipinda seperti berikut:

#### Membuka Akaun

Pelabur Individu

- Untuk pelabur sedia ada yang melanggan PMO, anda boleh membeli unit dana dalam talian.
- Jika anda bukan pelanggan sedia ada PMO:
  - Untuk pelabur kali pertama Public Mutual, anda dikehendaki mengisi Borang Pelabur Baharu atau mendaftar secara dalam talian melalui "New Investor Online Enrolment" di PMO.
  - Anda boleh mendaftar untuk menjadi pelanggan PMO secara dalam talian di laman web kami atau aplikasi mudah alih PMO PLUS.
- Jika sebaliknya:
  - Serahkan borang permohonan pelaburan bersama-sama dengan cek di mana-mana cawangan Public Bank.

Ini adalah Prospektus Tambahan Pertama yang perlu dibaca bersama dengan Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 1 Disember 2023.

## MAKLUMAT URUSNIAGA (SAMB')



### Bagaimana Anda Perlu Menulis Cek

Cek untuk pelaburan permulaan dan tambahan harus dikeluarkan seperti berikut:

	Cek mesti dibayar kepada:
<b>Pelabur Individu</b>	<b>"Public Mutual Berhad – Nama &amp; Nombor MyKad/Pasport Anda".</b>
<b>Pelabur Korporat</b>	<b>"Public Mutual Berhad – Nama &amp; Nombor Pendaftaran Syarikat Anda".</b>



Sila tulis nama, nombor MyKad/pasport/nama syarikat, nombor pendaftaran syarikat dan nombor telefon anda di belakang cek.

### 3.11 WANG TIDAK DITUNTUT

Halaman 145 – Maklumat tentang wang tidak dituntut telah dipinda seperti berikut:

Mana-mana wang yang belum dibayar kepada anda yang masih tidak dituntut selepas tempoh tertentu (pada masa ini ialah 2 tahun), akan dibayar kepada Pendaftaran Wang Tidak Dituntut oleh Pengurus selaras dengan peruntukan dalam Akta Wang Tidak Dituntut 1965.

## 4 PENGURUS

### 4.1 PROFIL KORPORAT PUBLIC MUTUAL

Halaman 146 – Pautan laman web telah dipinda seperti berikut:

Sila layari <https://www.publicmutual.com.my/pmb/Our-Profile> untuk maklumat lanjut tentang profil Pengurus dan <https://www.publicmutual.com.my/pmb/Our-People> untuk maklumat tentang Lembaga Pengarah.

### 4.3 PASUKAN PELABURAN

Halaman 146 – Pautan laman web untuk pasukan pelaburan telah dipinda seperti berikut:

Sila layari <https://www.publicmutual.com.my/pmb/Our-People> untuk profil anggota utama pasukan pelaburan yang bertanggungjawab ke atas fungsi pengurusan dana.

### 4.6 DASAR DAN PROSEDUR BERHUBUNG AKTIVITI PENGGUBAHAN WANG HARAM

Halaman 147 – Perenggan pertama telah dipinda seperti berikut:

Pengurus telah menetapkan dasar dan prosedur untuk bertindak balas terhadap risiko yang melibatkan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan pembiayaan proliferasi dan sekatan kewangan yang disasarkan, dalam mematuhi peruntukan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

- Untuk PBACSF, sebarang perubahan penting yang berkait dengan sektor pengguna mungkin mempunyai kesan negatif ke atas NAB dana.
  - Untuk PBGTHF, sebarang perubahan penting yang berkait dengan sektor teknologi dan penjagaan kesihatan mungkin mempunyai kesan negatif ke atas NAB dana.
8. **Risiko ketakpatuhan keperluan Syariah:** Untuk dana Islam, risiko ini bermaksud risiko di mana saham patuh Syariah yang dilabur oleh dana pada masa kini dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah semasa kajian semula berkala ke atas saham oleh SACSC, Penasihat Syariah atau lembaga Syariah bagi indeks Islam berkaitan. Jika ini berlaku, Pengurus akan mengambil langkah perlu untuk melupuskan saham berkaitan. Terdapat kemungkinan terdapat kerugian melepas oleh dana kerana dana tidak dibenarkan untuk menyimpan laba modal berlebihan yang diperoleh daripada pelupusan saham tidak patuh Syariah tersebut. Nilai dana juga mungkin terjejas sekiranya saham tidak patuh Syariah dilupuskan pada harga yang lebih rendah daripada kos pelaburan. (Sila rujuk halaman 130 untuk Proses Pembersihan untuk Dana Islam).
  9. **Risiko berkait dengan pelaburan dalam waran:** Harga pasaran waran yang dilabur oleh dana akan bergantung kepada harga pasaran semasa sekuriti dasar, harga laksana waran dan tempoh ke tarikh luput waran berkenaan. Pelaburan seperti ini mungkin mengalami kemerosotan akibat masa, dan penurunan nilai semakin pantas apabila waran menghampiri tarikh luputnya. Sebarang pergerakan negatif dalam harga pasaran waran boleh menjejaskan NAB dana dan harga unit.
  10. **Risiko berkait dengan pelaburan dalam nota penyertaan berkait ekuiti:** Nota penyertaan berkait ekuiti ialah instrumen yang direka bentuk untuk menjejaki sekuriti bertanda. Pergerakan nota ini adalah serupa seperti saham dasarnya yang tersenarai di pasaran masing-masing. Nota ini diterbitkan oleh firma broker asing antarabangsa untuk pelaburan oleh pelabur yang tidak dapat melabur secara langsung dalam saham dasar asing. Nota ini dibeli dan dijual oleh pelabur dalam cara yang sama seperti perdagangan saham. Pelaburan dalam nota penyertaan berkait ekuiti melibatkan risiko rakan niaga, iaitu penerbit nota mungkin tidak dapat menunaikan tanggungjawabnya. Ia juga mempunyai risiko pasaran kerana kemungkinan nota ini tidak menjejaki pergerakan saham dasarnya dengan rapat.
  11. **Risiko tumpuan:** Risiko tumpuan berlaku apabila pelaburan dana tertumpu pada bilangan saham terhad seperti yang dialami oleh PBSGA30EF, PBA30EF dan PBVG40F. Oleh itu, pergerakan harga negatif saham di mana dana melabur mempunyai kesan lebih besar ke atas nilai dana berbanding dana yang melabur dalam portfolio saham yang lebih besar. Oleh sebab pelaburan PBUSEF tertumpu di Amerika Syarikat, ini meningkatkan pendedahannya kepada risiko pasaran, politik, undang-undang, ekonomi dan sosial di negara itu. Ini boleh menyebabkan kemudahubahan lebih besar dalam pulangan dana berbanding dengan portfolio dengan pelaburan berasas rantau yang luas atau global.
  12. **Risiko berkait syarikat kecil hingga sederhana:** PBAEGF, PBSCGF, PBGOPF dan PBISCF mungkin terdedah kepada risiko melabur dalam syarikat permodalan pasaran kecil dan sederhana. Oleh sebab jumlah dagangan saham syarikat permodalan kecil dan sederhana umumnya adalah lebih rendah daripada syarikat permodalan besar, dana mungkin mengambil masa lebih lama untuk melupuskan saham ini dalam keadaan pasaran buruk. Prestasi harga syarikat permodalan kecil dan sederhana juga berkemungkinan lebih mudah berubah daripada syarikat dengan permodalan pasaran besar.
  13. **Risiko pasaran baru:** Oleh sebab pasaran baru secara relatif masih dalam peringkat perkembangan yang agak awal, pelaburan dalam pasaran seperti ini (seperti PBVG40F) mungkin terdedah kepada risiko seperti ketakstabilan politik, risiko kawal selia atau dasar, penguatkuasaan peraturan perakaunan dan undang-undang yang lemah, atau masalah infrastruktur domestik, yang mungkin mempunyai kesan buruk ke atas nilai dana.

### Dana Bon/Sukuk

1. **Risiko kadar faedah:** Risiko kadar faedah ialah kesan perubahan kadar faedah ke atas penilaian bon atau bentuk lain hutang disekuritkan/sukuk. Apabila kadar faedah naik, harga bon atau bentuk lain hutang disekuritkan/sukuk umumnya merosot dan ini mungkin menurunkan nilai pasaran pelaburan dana dalam bon atau bentuk lain hutang disekuritkan/sukuk. Perkara sebaliknya berlaku apabila kadar faedah turun.

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

2. **Risiko kredit:** Risiko kredit berkait dengan kedudukan kredit penerbit sekuriti/sukuk atau instrumen pasaran wang dan deposit yang bergantung kepada kemampuan penerbit untuk membuat pembayaran faedah/keuntungan atau prinsipal tepat pada masanya. Sekiranya penerbit sekuriti/sukuk atau instrumen pasaran wang dan deposit mungkir dalam membuat pembayaran faedah/keuntungan dan/atau prinsipal, nilai dana mungkin terjejas.
3. **Risiko industri/sektor:** Risiko industri/sektor berlaku apabila dana melabur sebahagian besarnya dalam industri atau sektor khusus. Disebabkan tahap mempelbagaian yang terhad kepada industri/sektor tertentu, dana akan lebih terdedah kepada faktor yang berkait dengan industri/sektor khusus di mana dana melabur. Untuk PBINFBF, sebarang perubahan material yang berkait dengan sektor infrastruktur mungkin mempunyai kesan negatif ke atas NAB dana.

### **Dana Pasaran Wang**

1. **Risiko kadar faedah:** Pulangan dana berubah sejajar dengan pergerakan kadar faedah. Contohnya, apabila kadar faedah turun, deposit akan diletakkan pada kadar lebih rendah dan dengan itu memberikan pulangan lebih rendah kepada dana.
2. **Risiko kredit:** Risiko kredit berkait dengan kedudukan kredit penerbit instrumen yang bergantung pada kemampuan penerbit untuk membuat pembayaran faedah/keuntungan atau prinsipal tepat pada masanya. Sekiranya penerbit instrumen mungkir dalam membuat pembayaran faedah/keuntungan dan/atau prinsipal, nilai dana mungkin terjejas.

### **Strategi Pengurusan Risiko**

#### **Dana Ekuiti, Aset Campuran dan Seimbang**

Strategi peruntukan aset, pengurusan kecairan dan mempelbagaian yang diguna pakai tertumpu kepada usaha untuk menguruskan risiko yang dihadapi oleh dana.

Untuk mengurangkan risiko yang disebabkan oleh kebolehubahan signifikan apabila terdapat pergerakan negatif pasaran, pendedahan mata wang asing dan pergerakan kadar faedah asing, dana boleh mengguna pakai strategi perlindungan nilai yang menggunakan derivatif/derivatif Islam seperti kontrak niaga hadapan, kontrak hadapan pertukaran asing dan opsyen.

Pelaburan dalam waran/waran patuh Syariah akan dinilai secara berterusan kerana ia mempunyai potensi untuk meningkatkan kemudahubahan pulangan dana.

Untuk mengurus risiko kredit, analisis kredit dijalankan dan penarafan kredit institusi kewangan dipantau secara berterusan. Dana akan tertumpu kepada sekuriti yang diterbitkan oleh syarikat dengan kedudukan kewangan yang kukuh di mana nisbah penggearingan dan nisbah liputan faedah adalah pada paras yang boleh diterima oleh industri di mana syarikat penerbit beroperasi.

#### **Dana Bon/Sukuk**

Proses pengurusan risiko tertumpu kepada pengurusan kesan perubahan dalam arah aliran kadar faedah dan profil risiko kredit penerbit bon atau bentuk lain hutang disekuritikan/sukuk.

Pengurus dana akan mengguna pakai pelbagai strategi pelaburan, termasuk mempelbagaian portfolio dan membeza-bezakan peruntukan aset di antara bon pemegangan jangka panjang dan pemegangan jangka pendek atau bentuk lain hutang disekuritikan/sukuk dan instrumen pasaran wang untuk melaraskan ciri-ciri risiko dan pulangan dana. Untuk menguruskan risiko kredit, analisis kredit dilakukan dan penarafan kredit institusi kewangan atau penerbit bon atau bentuk lain hutang disekuritikan/sukuk dipantau secara berterusan. Dana akan tertumpu kepada sekuriti yang diterbitkan oleh syarikat dengan kedudukan kewangan yang kukuh, di mana nisbah penggearingan dan nisbah liputan faedah adalah pada paras yang boleh diterima oleh industri di mana syarikat penerbit beroperasi.

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

Untuk mengurangkan risiko yang timbul daripada pendedahan mata wang asing dan pergerakan kadar faedah asing, dana boleh menggunakan pakai strategi perlindungan nilai dengan menggunakan derivatif/derivatif Islam seperti kontrak niaga hadapan, kontrak hadapan pertukaran asing dan opsiyen.

### **Dana Pasaran Wang**

Pada asasnya, dana telah distrukturkan supaya ia terbatas kepada instrumen dengan pemegangan jangka pendek hingga kematangan untuk meminimumkan kesan turun naik kadar faedah ke atas prestasi dana. Instrumen pasaran wang yang dana melabur adalah diterbitkan oleh institusi kewangan berlesen yang mempunyai penarafan gred pelaburan. Risiko yang mungkin dihadapi oleh dana pada asasnya ialah risiko kredit institusi kewangan. Sekiranya penarafan kredit institusi kewangan berkenaan diturunkan gred, dana akan mengambil langkah bersesuaian untuk mengurangkan pendedahannya kepada institusi tersebut.

### **Pengurusan Risiko Kecairan**

Pengurusan kecairan berhemat seperti aliran tunai dana pemantauan penebusan (contohnya, pendedahan terhadap pelanggan tunggal, had kesanggupan mengambil risiko ke atas kadar penebusan\* dan ujian tekanan kecairan) adalah tersedia untuk memastikan yang dana mengekalkan paras kecairan munasabah bagi memenuhi sebarang permohonan penebusan.

Dalam keadaan luar biasa di mana nilai pasaran atau nilai adil bagi sebahagian besar aset dana tidak dapat ditentukan (termasuk tetapi tidak terhad kepada penutupan bursa sekuriti atau sekatan perdagangan di bursa sekuriti dan keadaan kecemasan atau keadaan lain di mana tiada penemuan harga yang memberi impak kepada sebahagian besar NAB dana) sebagai usaha terakhir, Pengurus boleh berunding dengan pemegang amanah untuk menggantung perdagangan dalam unit. Langkah ini diambil apabila terdapat sebab yang baik dan memadai untuk melakukannya, dengan mengambil kira kepentingan pemegang unit.

Sekiranya penggantungan penebusan dilaksanakan, pemegang unit bagi dana berkenaan tidak dapat menebus unit di mana mereka melabur buat sementara waktu. Pemegang unit perlu kekal melabur dalam dana berkenaan, dan terus tertakluk kepada risiko bawaan dalam dana tersebut semasa tempoh penggantungan. Jawatankuasa pengawalseliaan dan pemegang unit akan dimaklumkan sekiranya tempoh penggantungan dilaksanakan dan bahawa penggantungan akan ditamatkan sebaik sahaja ia sesuai dilaksanakan dan dalam sebarang keadaan, dalam tempoh 21 hari (atau sebarang tempoh yang ditentukan oleh SC) dari bermulanya penggantungan. Tempoh penggantungan boleh dilanjutkan hanya jika ia adalah untuk kepentingan pemegang unit dan akan dikaji semula secara mingguan oleh pemegang amanah dana.

\* Had kesanggupan mengambil risiko ke atas kadar penebusan adalah petunjuk risiko untuk memantau kadar penebusan purata berbanding batas/had risiko dalaman yang ditetapkan.

## 1.3 PELABURAN DIBENARKAN

Pengurus mempunyai budi bicara mutlak, tertakluk kepada Surat Ikatan, dasar pelaburan bagi setiap dana dan keperluan SC dan badan kawal selia lain, berhubung bagaimana aset dana dilaburkan. Dana Islam akan melabur dalam instrumen yang telah dikelaskan sebagai patuh Syariah oleh SACSC dan SAC BNM. Untuk instrumen yang tidak dikelaskan sebagai patuh Syariah oleh SACSC dan SAC BNM, Penasihat Syariah akan menentukan sama ada instrumen tersebut adalah patuh Syariah untuk pelaburan oleh dana.

### **Dana Ekuiti, Aset Campuran dan Seimbang**

- (a) Dana akan melabur dalam:
  - i. Sekuriti boleh pindah milik;
  - ii. Deposit dengan institusi kewangan berlesen domestik dan asing;

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

- iii. Instrumen pasaran wang;
  - iv. Unit atau saham skim pelaburan kolektif lain; dan
  - v. Sebarang bentuk pelaburan yang sejajar dengan objektif dana sebagaimana yang dipersetujui oleh Pengurus dan pemegang amanah dari semasa ke semasa.
- (b) PBAEF, PBADF, PBCPEF, PBCAEF, PBAEGF, PBGEF, PBSCGF, PBADSQF, PBAPDF, PBA30EF, PBACSF, PBGOPF, PBVG40F, PBDYNAF dan PBAREIF juga akan melabur dalam saham tidak tersenarai.
- (c) Dana akan menggunakan derivatif/derivatif Islam yang sama ada tersenarai atau disebut di bursa saham, atau didagangkan di pasaran OTC (untuk tujuan perlindungan nilai sahaja).

### ***Dana Ekuiti dan Aset Campuran Islam***

- (a) Dana akan melabur dalam:
- i. Sekuriti boleh pindah milik patuh Syariah;
  - ii. Deposit Islam dengan institusi kewangan berlesen domestik dan asing;
  - iii. Instrumen pasaran wang Islam;
  - iv. Unit atau saham skim pelaburan kolektif Islam lain; dan
  - v. Sebarang bentuk pelaburan lain patuh Syariah yang sejajar dengan objektif dana sebagaimana yang dipersetujui oleh Pengurus dan pemegang amanah dari semasa ke semasa.
- (b) PBISCF dan PBIDYNAF juga akan melabur dalam saham patuh Syariah tidak tersenarai.
- (c) Dana akan menggunakan derivatif/derivatif Islam yang sama ada tersenarai atau disebut di bursa saham, atau didagangkan di pasaran OTC (untuk tujuan perlindungan nilai sahaja).

### ***Dana Bon/Sukuk***

- (a) PBFI, PBINBF dan PBBOND akan melabur dalam:
- i. Sekuriti hutang;
  - ii. Deposit dengan institusi kewangan berlesen domestik dan asing;
  - iii. Instrumen pasaran wang;
  - iv. Unit atau saham skim pelaburan kolektif lain; dan
  - v. Sebarang bentuk pelaburan lain yang sejajar dengan objektif dana sebagaimana yang dipersetujui oleh Pengurus dan pemegang amanah dari semasa ke semasa.
- (b) PBIBF, PBSKF dan PBASF akan melabur dalam:
- i. Sukuk;
  - ii. Deposit Islam dengan institusi kewangan berlesen domestik dan asing;
  - iii. Instrumen pasaran wang Islam;
  - iv. Unit atau saham skim pelaburan kolektif Islam lain; dan
  - v. Sebarang bentuk pelaburan lain patuh Syariah yang sejajar dengan objektif dana sebagaimana yang dipersetujui oleh Pengurus dan pemegang amanah dari semasa ke semasa.
- (c) Dana akan menggunakan derivatif/derivatif Islam yang didagangkan di pasaran OTC (untuk tujuan perlindungan nilai sahaja).

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

### Dana Pasaran Wang/Pasaran Wang Islam

- (a) PBCMF akan melabur dalam:
- i. Deposit dengan institusi kewangan berlesen domestik; dan
  - ii. Instrumen pasaran wang.
- (b) PBICMF akan melabur dalam:
- i. Deposit Islam dengan institusi kewangan berlesen domestik; dan
  - ii. Instrumen pasaran wang Islam.

Untuk dana yang diluluskan sebagai KWSP-SPA, pelaburan yang dibuat oleh dana adalah tertakluk kepada keperluan KWSP.

### 1.4 BATASAN PELABURAN

Dana adalah tertakluk kepada batasan pelaburan berikut dalam melaksanakan dasar dan strategi pelaburannya:

#### Dana Ekuiti, Aset Campuran dan Seimbang/Dana Ekuiti dan Aset Campuran Islam

##### (i) Had Tebaran Pelaburan

Pelaburan	Had (% daripada NAB dana masing-masing)
Nilai pelaburan dalam saham biasa/saham biasa patuh Syariah yang diterbitkan oleh mana-mana penerbit tunggal	≤ 10%
Nilai pelaburan dalam sekuriti boleh pindah milik/sekuriti boleh pindah milik patuh Syariah dan instrumen pasaran wang/instrumen pasaran wang Islam yang diterbitkan oleh mana-mana penerbit tunggal	≤ 15%

*Nota:*

- i) Dalam menentukan had penerbit tunggal, nilai pelaburan dana dalam sekuriti tidak tersenarai/sekuriti patuh Syariah tidak tersenarai yang diterbitkan oleh penerbit yang sama mesti dimasukkan dalam penghitungan.
- ii) Had ini boleh dinaikkan kepada 35% daripada NAB dana jika entiti penerbit adalah, atau terbitan dijamin oleh, sama ada kerajaan asing, agensi kerajaan asing, bank pusat asing atau supranasional, yang mempunyai penarafan kredit jangka panjang minimum gred pelaburan (termasuk penggredan dan subkategori) oleh agensi penarafan antarabangsa.

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

Pelaburan (samb')	Had (% daripada NAB dana masing-masing) (samb')
<p>Nilai letakan dalam deposit/deposit Islam dengan mana-mana institusi kewangan tunggal</p>	<p style="text-align: center;">≤ 20%</p> <p><i>Nota: Had ini tidak terpakai untuk letakan deposit/deposit Islam yang disebabkan oleh:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i) Pembubaran pelaburan sebelum penamatan atau kematangan dana, di mana letakan deposit/deposit Islam di pelbagai institusi kewangan adalah bukan demi kepentingan terbaik pemegang unit; atau</i></li> <li><i>ii) Wang yang dipegang untuk penyelesaian penebusan atau tanggungjawab pembayaran lain, di mana letakan deposit/deposit Islam di pelbagai institusi kewangan bukan demi kepentingan terbaik pemegang unit.</i></li> </ul>
<p>Nilai agregat pelaburan dalam, atau pendedahan kepada, penerbit tunggal melalui—</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) sekuriti boleh pindah milik/ sekuriti boleh pindah milik patuh Syariah;</li> <li>b) instrumen pasaran wang/ instrumen pasaran wang Islam;</li> <li>c) deposit/deposit Islam;</li> <li>d) aset dasar derivatif/derivatif Islam; dan</li> <li>e) pendedahan terhadap rakan niaga yang disebabkan oleh penggunaan derivatif/derivatif Islam OTC</li> </ul>	<p style="text-align: center;">≤ 25%</p> <p><i>Nota:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i) Dalam menentukan had agregat penerbit tunggal, nilai pelaburan dana dalam sekuriti tidak tersenarai/sekuriti patuh Syariah tidak tersenarai yang diterbitkan oleh penerbit yang sama mesti dimasukkan dalam penghitungan; dan</i></li> <li><i>ii) Apabila had penerbit tunggal dinaikkan kepada 35% daripada NAB dana, had agregat penerbit tunggal boleh dinaikkan, tertakluk kepada had kumpulan tidak melebihi 35% daripada NAB dana.</i></li> </ul>
<p>Nilai pelaburan dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) unit atau saham skim pelaburan kolektif/skim pelaburan kolektif Islam</li> <li>ii) unit atau saham skim pelaburan kolektif/skim pelaburan kolektif Islam tersenarai yang melabur dalam harta tanah</li> </ul>	<p style="text-align: center;">≤ 20%</p> <p style="text-align: center;">≤ 15%</p>
<p>Nilai pelaburan dalam sekuriti boleh pindah milik/sekuriti boleh pindah milik patuh Syariah dan instrumen pasaran wang/instrumen pasaran wang Islam yang diterbitkan oleh mana-mana kumpulan syarikat</p>	<p style="text-align: center;">≤ 20%</p> <p><i>Nota: Dalam menentukan had kumpulan, nilai pelaburan dana dalam sekuriti tidak tersenarai/sekuriti patuh Syariah tidak tersenarai yang diterbitkan oleh penerbit dalam kumpulan syarikat yang sama mesti dimasukkan dalam penghitungan.</i></p>

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

### (ii) Had Tumpuan Pelaburan

Pelaburan	Had
Pelaburan dalam saham atau sekuriti yang setara dengan saham/ saham patuh Syariah atau sekuriti yang setara dengan saham patuh Syariah	<p>≤ 10% daripada saham atau sekuriti yang setara dengan saham/ saham patuh Syariah atau sekuriti yang setara dengan saham patuh Syariah yang diterbitkan oleh penerbit tunggal.</p>
Pelaburan dalam sekuriti hutang/ sukuk	<p>≤ 20% daripada sekuriti hutang/sukuk yang diterbitkan oleh penerbit tunggal.</p> <p><i>Nota: Had ini boleh diabaikan pada masa perolehan jika pada masa perolehan tersebut jumlah kasar sekuriti hutang/sukuk dalam terbitan tidak dapat ditentukan.</i></p>
Pelaburan dalam instrumen pasaran wang/instrumen pasaran wang Islam	<p>≤ 10% daripada instrumen/instrumen Islam yang diterbitkan oleh mana-mana penerbit tunggal.</p> <p><i>Nota: Had ini tidak terpakai kepada instrumen pasaran wang/instrumen pasaran wang Islam yang tidak mempunyai saiz terbitan pratentu.</i></p>
Pelaburan dalam skim pelaburan kolektif/skim pelaburan kolektif Islam	<p>≤ 25% daripada unit atau saham dalam skim pelaburan kolektif/ skim pelaburan kolektif Islam.</p>

### (iii) Had Pendedahan

Pelaburan	Had (% daripada NAB dana masing-masing)
Nilai agregat pelaburan dana dalam sekuriti tidak tersenarai/ sekuriti patuh Syariah tidak tersenarai.	<p>≤ 15%</p> <p><i>Nota: Tertakluk kepada had maksimum 10% daripada NAB dana dalam penerbit tunggal.</i></p>

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

Pelaburan (samb')	Had (% daripada NAB dana masing-masing) (samb')
<p>Nilai pegangan dalam pelaburan asing/pelaburan asing patuh Syariah</p> <p>(i) PBGF, PBGSQF, PBIEF dan PBBF</p> <p>(ii) PBAEF, PBADF, PBEPEF, PBCPEF, PBCAEF, PBCAUFEF, PBSGA30EF, PBAPENTF, PBAEGF, PBGEF, PBADSQF, PBAPDF, PBA30EF, PBACSF, PBGTHF, PBGOPF, PBGCASF, PBVG40F, PBUSEF, PBIAEF, PBIASSF, PBDYNAF, PBIDYNAF dan PBINDOBF</p> <p>(iii) PBAREIF dan PBADBF</p> <p>(iv) PDBBEF, PBSCGF, PBISCF, PBMAC, PBMAGRF dan PBBSQF</p>	<p>≤ 30%</p> <p>≤ 98%</p> <p>≤ 60%</p> <p>≤ 25%</p>
<p>Sekuriti pendapatan tetap tersenarai, saham pinjaman tidak tersenarai dan hutang korporat yang dilabur oleh PBBF</p>	<p>Mesti sama ada dijamin bank, atau diberi penarafan 'BBB' oleh RAM dan/atau agensi penarafan lain yang diiktiraf.</p>
<p>Pendedahan global terhadap kedudukan derivatif/derivatif Islam*</p> <p><i>*Pendedahan global terhadap kedudukan derivatif/derivatif Islam dan derivatif terbenam dihitung dengan menggunakan metodologi pendekatan komitmen. Pendedahan global dana menggunakan pendekatan komitmen dikira sebagai jumlah:</i></p> <p>(i) nilai mutlak pendedahan setiap derivatif/derivatif Islam individu yang tidak terlibat dalam pengaturan penjarangan atau perlindungan nilai;</p> <p>(ii) nilai mutlak pendedahan bersih setiap derivatif/derivatif Islam individu selepas pengaturan penjarangan atau perlindungan nilai;</p> <p>(iii) nilai cagaran tunai yang diterima berikutan pengurangan pendedahan kepada derivatif/derivatif Islam OTC rakan niaga.</p>	<p>≤ NAB dana sepanjang masa.</p> <p><i>Nota:</i></p> <p>i) Untuk derivatif/derivatif Islam OTC pendedahan maksimum dana kepada rakan niaga tidak boleh melebihi daripada 10% NAB dana;</p> <p>ii) Rakan niaga derivatif/derivatif Islam OTC mestilah institusi kewangan dengan penarafan kredit jangka panjang minimum gred pelaburan (termasuk penggredan dan subkategori); dan</p> <p>iii) Jika penarafan rakan niaga merosot ke bawah taraf minimum yang diperlukan, atau jika rakan niaga tidak lagi diberikan penarafan, Pengurus perlu, dalam tempoh enam bulan atau lebih awal, jika pemegang amanah menganggap adalah untuk kepentingan terbaik pemegang unit, mengambil tindakan yang perlu untuk memastikan bahawa keperluan berkenaan dipatuhi.</p>

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

### Dana Bon/Sukuk

#### (i) Had Tebaran Pelaburan

Pelaburan	Had (% daripada NAB dana masing-masing)
<p>Nilai pelaburan dalam sekuriti hutang/sukuk dan instrumen pasaran wang/instrumen pasaran wang Islam yang diterbitkan oleh penerbit tunggal</p>	<p style="text-align: center;">≤ 20%</p> <p><i>Nota:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Dalam menentukan had penerbit tunggal, nilai pelaburan dana dalam sekuriti hutang/sukuk yang tidak didagangkan atau diniagakan dalam atau menurut peraturan Pasaran Layak yang diterbitkan oleh penerbit yang sama mesti dimasukkan dalam penghitungan.</li> <li>ii) Had ini boleh dinaikkan kepada 30% jika mana-mana agensi penarafan Malaysia atau global memberikan sekuriti hutang/sukuk berkenaan penarafan kredit jangka panjang tertinggi.</li> <li>iii) Had ini boleh dinaikkan kepada 35% jika entiti penerbit adalah, atau jika terbitan dijamin oleh, sama ada kerajaan asing, agensi kerajaan asing, bank pusat asing atau supranasional, yang mempunyai penarafan kredit jangka panjang minimum gred pelaburan (termasuk penggredan dan subkategori) oleh agensi penarafan antarabangsa.</li> </ul>
<p>Nilai letakan dalam deposit/deposit Islam dengan mana-mana institusi kewangan tunggal</p>	<p style="text-align: center;">≤ 20%</p> <p><i>Nota:</i> Had ini tidak terpakai untuk letakan deposit/deposit Islam yang disebabkan oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pembubaran pelaburan sebelum penamatan atau kematangan dana, di mana letakan deposit/deposit Islam di pelbagai institusi kewangan adalah bukan demi kepentingan terbaik pemegang unit; atau</li> <li>ii) Wang yang dipegang untuk menyelesaikan penebusan atau tanggungjawab pembayaran lain, di mana letakan deposit/deposit Islam di pelbagai institusi kewangan bukan demi kepentingan terbaik pemegang unit.</li> </ul>
<p>Nilai agregat pelaburan dalam, atau pendedahan kepada, penerbit tunggal melalui—</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) sekuriti hutang/sukuk;</li> <li>b) instrumen pasaran wang/ instrumen pasaran wang Islam</li> <li>c) deposit/deposit Islam;</li> <li>d) aset dasar bagi derivatif/derivatif Islam, dan</li> <li>e) pendedahan terhadap rakan niaga yang disebabkan oleh penggunaan derivatif/derivatif Islam OTC</li> </ul>	<p style="text-align: center;">≤ 25%</p> <p><i>Nota:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Dalam menentukan had agregat penerbit tunggal, nilai pelaburan dana dalam sekuriti hutang/sukuk yang tidak didagangkan atau diniagakan dalam atau menurut peraturan Pasaran Layak yang diterbitkan oleh penerbit yang sama mesti dimasukkan dalam penghitungan.</li> <li>ii) Had ini boleh dinaikkan kepada 30% jika had penerbit tunggal untuk nilai pelaburan dalam sekuriti hutang/sukuk diberikan penarafan kredit jangka panjang tertinggi oleh mana-mana agensi penarafan Malaysia atau global.</li> <li>iii) Apabila had penerbit tunggal dinaikkan kepada 30%, had agregat penerbit tunggal sebanyak 25% boleh dinaikkan kepada 30%.</li> <li>iv) Apabila had penerbit tunggal dinaikkan kepada 35%, had agregat penerbit tunggal boleh dinaikkan, tertakluk kepada had kumpulan tidak lebih daripada 35%.</li> </ul>

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

Pelaburan (samb')	Had (% daripada NAB dana masing-masing) (samb')
Nilai pelaburan dalam unit atau saham skim pelaburan kolektif/skim pelaburan kolektif Islam	≤ 20%
Nilai pelaburan dalam sekuriti hutang/sukuk dan instrumen pasaran wang/instrumen pasaran wang Islam yang diterbitkan oleh mana-mana kumpulan syarikat	≤ 30% <i>Nota: Dalam menentukan had kumpulan, nilai pelaburan dana dalam sekuriti hutang/sukuk yang tidak didagangkan atau diniagakan dalam atau menurut peraturan Pasaran Layak diterbitkan oleh penerbit dalam kumpulan syarikat yang sama mesti dimasukkan dalam penghitungan.</i>

### (ii) Had Tumpuan Pelaburan

Pelaburan	Had
Pelaburan dalam sekuriti hutang/sukuk	≤ 20% daripada sekuriti hutang/sukuk yang diterbitkan oleh penerbit tunggal. <i>Nota: Had ini boleh diabaikan pada masa perolehan jika pada masa perolehan tersebut jumlah kasar sekuriti hutang/sukuk dalam terbitan tidak dapat ditentukan.</i>
Pelaburan dalam instrumen pasaran wang/instrumen pasaran wang Islam	≤ 10% daripada instrumen/instrumen Islam yang diterbitkan oleh mana-mana penerbit tunggal. <i>Nota: Had ini tidak terpakai kepada instrumen pasaran wang/instrumen pasaran wang Islam yang tidak mempunyai saiz terbitan pratentu.</i>
Pelaburan dalam skim pelaburan kolektif/skim pelaburan kolektif Islam	≤ 25% daripada unit atau saham dalam skim pelaburan kolektif/ skim pelaburan kolektif Islam.

### (iii) Had Pendedahan

Pelaburan	Had (% daripada NAB dana masing-masing)
Nilai agregat pelaburan dana dalam sekuriti hutang/sukuk yang tak didagangkan atau diniagakan dalam atau menurut peraturan Pasaran Layak	≤ 15% <i>Nota: Tertakluk kepada had maksimum 10% daripada NAB dana dalam penerbit tunggal.</i>

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

Pelaburan (samb')	Had (% daripada NAB dana masing-masing) (samb')
Nilai pegangan dalam pelaburan asing/pelaburan asing patuh Syariah (i) PBF1, PBBOND, PBIBF dan PBSKF (ii) PBINFBF dan PBASF	$\leq 30\%$  $\leq 25\%$
Pendedahan global terhadap kedudukan derivatif/derivatif Islam*  *Pendedahan global terhadap kedudukan derivatif/derivatif Islam dan derivatif terbenam dihitung dengan menggunakan metodologi pendekatan komitmen. Pendedahan global dana menggunakan pendekatan komitmen dikira sebagai jumlah: (i) nilai mutlak pendedahan setiap derivatif/derivatif Islam individu yang tidak terlibat dalam pengaturann penjarangan atau perlindungan nilai; (ii) nilai mutlak pendedahan bersih setiap derivatif/derivatif Islam individu selepas pengaturann penjarangan atau perlindungan nilai; (iii) nilai cagaran tunai yang diterima berikutan pengurangan pendedahan kepada derivatif/derivatif Islam OTC rakan niaga.	$\leq$ NAB dana sepanjang masa.  Nota: i) Untuk derivatif/derivatif Islam OTC, pendedahan maksimum dana kepada rakan niaga tidak boleh melebihi daripada 10% NAB dana; ii) Rakan niaga derivatif/derivatif Islam OTC mestilah institusi kewangan dengan penarafan kredit jangka panjang minimum gred pelaburan (termasuk penggredan dan subkategori); dan iii) Jika penarafan rakan niaga merosot ke bawah paras minimum yang diperlukan, atau rakan niaga tidak lagi diberikan penarafan, Pengurus perlu, dalam tempoh enam bulan atau lebih awal, jika pemegang amanah menganggapnya adalah untuk kepentingan terbaik pemegang unit, mengambil tindakan yang perlu untuk memastikan bahawa keperluan berkenaan dipatuhi.

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

### Dana Pasaran Wang/Pasaran Wang Islam

#### (i) Had Tebaran Pelaburan

Pelaburan	Had (% daripada NAB dana masing-masing)
Nilai pelaburan dalam instrumen pasaran wang/instrumen pasaran wang Islam yang diterbitkan oleh mana-mana penerbit tunggal	≤ 20%
Nilai letakan dalam deposit/deposit Islam dengan mana-mana institusi kewangan tunggal	≤ 20% <i>Nota: Had ini tidak terpakai untuk letakan deposit/deposit Islam yang disebabkan oleh:</i> <i>i) Pembubaran pelaburan sebelum penamatan atau kematangan dana, di mana letakan deposit/deposit Islam di pelbagai institusi kewangan adalah bukan demi kepentingan terbaik pemegang unit; atau</i> <i>ii) Wang yang dipegang untuk menyelesaikan penebusan atau tanggungjawab pembayaran lain, di mana letakan deposit/deposit Islam di pelbagai institusi kewangan bukan demi kepentingan terbaik pemegang unit.</i>
Nilai pelaburan dalam instrumen pasaran wang/instrumen pasaran wang Islam yang diterbitkan oleh mana-mana kumpulan syarikat	≤ 30%
Nilai agregat dalam pelaburan dalam, atau pendedahan kepada, satu penerbit melalui— a) instrumen pasaran wang/instrumen pasaran wang Islam; dan b) deposit/deposit Islam	≤ 25%

#### (ii) Had Tumpuan Pelaburan

Pelaburan	Had
Pelaburan dalam instrumen pasaran wang/instrumen pasaran wang Islam	≤ 20% daripada instrumen /instrumen Islam yang diterbitkan oleh mana-mana penerbit tunggal.

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

### (iii) Had Pendedahan

Pelaburan	Had (% daripada NAB dana masing-masing)
Nilai pelaburan dalam: (a) instrumen pasaran wang/ instrumen pasaran wang Islam jangka pendek; dan (b) letakan dalam deposit/deposit Islam jangka pendek.	≥ 90%

Had dan batasan di atas mesti dipatuhi sepanjang masa berdasarkan nilai terkini setiap dana masing-masing, dan nilai pelaburan dan instrumennya.

Sebarang pelanggaran yang disebabkan oleh –

- naik nilai atau susut nilai dalam nilai pelaburan dana;
- penebusan unit atau pembayaran yang dibuat daripada dana;
- perubahan dalam modal korporat di mana dana melabur; atau
- penurunan gred atau penghentian penarafan kredit,

mesti diperbaiki secepat mungkin dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pelanggaran kecuali jika dinyatakan sebaliknya secara khusus dalam Garis Panduan SC. Tempoh tiga bulan ini boleh dilanjutkan jika ia adalah untuk kepentingan pemegang unit dan mendapat persetujuan pemegang amanah. Lanjutan ini mesti tertakluk kepada sekurang-kurangnya kajian semula bulanan oleh pemegang amanah.

Walau bagaimanapun, had dan batasan ini tidak terpakai kepada sekuriti yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan Malaysia atau Bank Negara Malaysia.

Dana Islam hanya akan melabur dalam sekuriti dan/atau instrumen yang mematuhi keperluan Syariah.

Nota: Batasan dan had pelaburan dana mungkin tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang ditentukan oleh SC dari semasa ke semasa, yang tarikh kuat kuasanya akan ditentukan oleh Pengurus.

## 1.5 PENILAIAN PELABURAN DIBENARKAN

Pelaburan dibenarkan bagi dana dinilai secara saksama berdasarkan kaedah penilaian berikut:

**Saham atau sekuriti yang setara dengan saham/saham patuh Syariah atau sekuriti yang setara dengan saham patuh Syariah tersenarai** – penilaian berdasarkan kepada harga penutupan rasmi atau harga urus niaga terakhir yang diketahui di Pasaran Layak di mana pelaburan berkenaan disebut. Jika harga tidak menggambarkan atau tidak tersedia kepada pasaran, sekuriti boleh dinilai pada nilai saksama, sebagaimana yang ditentukan dengan cermat dan penuh percaya oleh Pengurus, berdasarkan kaedah atau asas yang diluluskan oleh pemegang amanah selepas rundingan teknikal bersesuaian.

**Saham tidak tersenarai/saham patuh Syariah tidak tersenarai** – penilaian saksama yang berdasarkan kepada kaedah yang boleh diterima oleh Pengurus dan diluluskan oleh pemegang amanah.

**Bon tersenarai dan tidak tersenarai atau bentuk lain hutang disekuritikan/sukuk (termasuk kertas perdagangan/kertas perdagangan Islam)** – untuk bon tersenarai atau bentuk lain hutang disekuritikan/sukuk, penilaian berdasarkan kepada harga penutupan rasmi atau harga urus niaga terakhir yang diketahui di Pasaran Layak di mana pelaburan tersebut disebut.

**Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.**



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

Untuk bon tidak tersenarai atau bentuk lain hutang disekuritkan/sukuk (termasuk kertas perdagangan/kertas perdagangan Islam) dalam denominasi RM, penilaian dilaksanakan setiap hari dengan menggunakan harga nilai saksama yang disebut oleh Agensi Penentu Harga Bon (BPA) berdaftar dengan SC. Bon tidak tersenarai atau bentuk lain hutang disekuritkan/sukuk asing lain dinilai setiap hari berdasarkan nilai saksama dengan merujuk kepada kadar hasil indikatif purata yang disebut oleh institusi bebas dan bereputasi baik.

Jika penilaian tidak menggambarkan atau tidak tersedia kepada pasaran, bon atau bentuk lain hutang disekuritkan/sukuk akan dinilai pada nilai saksama, sebagaimana yang ditentukan dengan teliti dan penuh percaya oleh Pengurus, berdasarkan kaedah atau asas yang diluluskan oleh pemegang amanah selepas rundingan teknikal bersesuaian.

### **Instrumen pasaran wang/instrumen pasaran wang Islam (tidak termasuk akaun pelaburan tak terbatas)**

– instrumen pasaran wang/instrumen pasaran wang Islam, termasuk instrumen boleh niaga deposit/sijil hutang Islam boleh niaga dinilai pada hasil pasaran kepada baki tempoh hingga kematangan.

**Deposit/akaun pelaburan tak terbatas dan deposit Islam dengan institusi kewangan** - nilai pelaburan seperti ini akan ditentukan setiap hari dengan merujuk kepada nilai prinsipalnya dan faedah/keuntungan terakru untuk tempoh berkaitan.

**Unit atau saham dalam skim pelaburan kolektif/skim pelaburan kolektif Islam lain** - untuk skim pelaburan kolektif/skim pelaburan kolektif Islam tidak tersenarai penilaian adalah berdasarkan kepada harga belian balik terakhir yang disiarkan. Untuk skim pelaburan kolektif/skim pelaburan kolektif Islam tersenarai, penilaian adalah berdasarkan kepada harga pasaran bursa masing-masing. Jika harga pasaran tidak tersedia atau jika penilaian berdasarkan harga pasaran tidak menggambarkan nilai saksama pelaburan, saham akan dinilai pada nilai saksama, sebagaimana yang ditentukan dengan teliti dan penuh percaya oleh Pengurus, berdasar kepada kaedah atau asas yang diluluskan oleh pemegang amanah selepas rundingan teknikal bersesuaian.

**Kontrak hadapan pertukaran asing/kontrak hadapan pertukaran asing diluluskan oleh Penasihat Syariah dana** – semua kontrak hadapan pertukaran asing/kontrak hadapan pertukaran asing yang diluluskan oleh Penasihat Syariah bagi dana adalah ditandakan pada pasaran secara harian dan dinilai pada nilai saksama dengan menggunakan kadar hadapan untuk baki tempoh pegangan sehingga kematangan.

**Kontrak niaga hadapan/kontrak niaga hadapan yang diluluskan oleh Penasihat Syariah dana** – semua kontrak niaga hadapan/ kontrak niaga hadapan yang diluluskan oleh Penasihat Syariah bagi dana adalah ditandakan pada pasaran pada akhir setiap hari dagangan. Sebarang untung atau rugi ditunjukkan dengan serta merta apabila ditandakan pada pasaran.

**Sekuriti/sekuriti patuh Syariah digantung** – akan dinilai pada harga gantung kecuali jika terdapat bukti kukuh untuk menunjukkan bahawa nilai saham berkenaan telah merosot ke bawah harga gantung, di mana nilainya akan ditentukan menurut kaedah yang dipersetujui oleh Pengurus dan pemegang amanah.

Semua sekuriti asing patuh Syariah dan aset Islam ditukarkan kepada RM berdasarkan kepada kadar pertukaran bida yang disebut oleh Refinitiv (sebelum ini dikenali sebagai Thomson Reuters)/Bloomberg di United Kingdom pada pukul 4:00 petang hari yang sama.

## 1.6 PROSES SARINGAN SYARIAH UNTUK DANA

### **Saham patuh Syariah tersenarai/tidak tersenarai**

Untuk saham patuh Syariah tersenarai domestik, rujukan dibuat kepada senarai sekuriti patuh Syariah yang diterbitkan oleh SACSC setiap setengah tahun. Untuk saham patuh Syariah tidak tersenarai domestik, Penasihat Syariah menggunakan pendekatan kuantitatif dua peringkat berdasarkan aktiviti perniagaan dan penanda aras nisbah kewangan dalam menentukan status Syariah saham seperti dalam *Senarai Sekuriti Patuh Syariah yang diterbitkan SACSC*.

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

Pelaburan dalam saham patuh Syariah tidak tersenarai dalam pasaran domestik dan pasaran asing akan dipilih menurut saham yang dikelaskan sebagai patuh Syariah oleh Penasihat Syariah. Untuk saham patuh Syariah yang akan dikaji oleh Penasihat Syariah, pengurus dana perlu mengenal pasti terlebih dahulu saham patuh Syariah yang memenuhi kriteria pelaburan mereka. Semua dokumen berkaitan yang mengandungi maklumat terkini mengenai aktiviti perniagaan, penyata kewangan dan maklumat berkaitan lain akan diserahkan kepada Penasihat Syariah untuk proses saringan saham Syariah yang melibatkan analisis kuantitatif dan kualitatif.

Untuk penanda aras aktiviti perniagaan, Penasihat Syariah akan menentukan samada sumbangan aktiviti tidak patuh Syariah kepada hasil Kumpulan atau keuntungan Kumpulan sebelum percukaian syarikat akan dihitung dan dibandingkan dengan penanda aras aktiviti perniagaan berkaitan seperti yang berikut:

### (i) Penanda aras 5%

Penanda aras 5% terpakai kepada perniagaan/aktiviti berikut:

- perbankan dan pemberian pinjaman konvensional;
- insurans konvensional;
- perjudian;
- arak dan aktiviti berkaitan arak;
- khinzir dan aktiviti berkaitan khinzir;
- makanan dan minuman tidak halal;
- tembakau dan aktiviti berkaitan tembakau;
- pendapatan faedah\* daripada akaun dan instrumen konvensional (termasuk pendapatan faedah yang diperoleh daripada pengadilan mahkamah atau penimbang tara);
- dividen\* daripada pelaburan tak patuh Syariah;
- hiburan tak patuh Syariah; dan
- aktiviti lain yang dianggap tidak patuh menurut prinsip Syariah sebagaimana yang ditentukan oleh SACSC.

Bagi perniagaan/aktiviti yang dinyatakan di atas, sumbangan daripada perniagaan/aktiviti tidak patuh Syariah kepada hasil Kumpulan atau keuntungan Kumpulan sebelum percukaian syarikat mesti kurang daripada 5%.

*Nota: Pendapatan faedah dan dividen daripada pelaburan tidak patuh Syariah akan dibandingkan dengan hasil Kumpulan. Walau bagaimanapun, jika aktiviti utama syarikat ialah pemegangan pelaburan, dividen daripada pelaburan tidak patuh Syariah akan dibandingkan dengan hasil Kumpulan dan keuntungan Kumpulan sebelum percukaian.*

### (ii) Penanda aras 20%

Penanda aras 20% terpakai kepada perniagaan/aktiviti berikut:

- perdagangan saham;
- perniagaan pembrokeran saham;
- sewa yang diterima daripada aktiviti tak patuh Syariah; dan
- aktiviti lain yang dianggap tak patuh Syariah menurut prinsip Syariah sebagaimana yang ditentukan oleh SACSC.

Untuk perniagaan/aktiviti yang dinyatakan di atas, sumbangan perniagaan/aktiviti tak patuh Syariah kepada hasil Kumpulan atau keuntungan Kumpulan sebelum percukaian syarikat mesti kurang daripada 20%.

Untuk penanda aras nisbah kewangan, Penasihat Syariah akan menentukan jika nisbah kewangan (iaitu, nisbah hutang kepada jumlah aset dan nisbah tunai kepada jumlah aset adalah kurang daripada 33%) syarikat, mematuhi penanda aras nisbah kewangan. Untuk nisbah tunai kepada jumlah aset, tunai hanya termasuk tunai yang dalam akaun dan instrumen konvensional, manakala tunai yang ditempatkan dalam akaun dan instrumen Islam dikecualikan daripada penghitungan ini. Untuk nisbah hutang kepada jumlah aset, hutang hanya termasuk hutang berfaedah manakala pembiayaan Islam atau sukuk tidak dimasukkan dalam penghitungan. Selain kriteria kuantitatif dua peringkat di atas, Penasihat Syariah juga mengambil kira aspek kualitatif yang melibatkan persepsi awam atau imej aktiviti syarikat dari perspektif ajaran Islam.

**Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.**



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

Untuk saham patuh Syariah tersenarai asing, rujukan dibuat kepada senarai indeks Islam diluluskan bulanan. Untuk pelaburan dana dalam saham tersenarai dan tidak tersenarai dalam pasaran asing yang tidak termasuk dalam senarai indeks Islam yang diluluskan, Penasihat Syariah menggunakan pendekatan dua peringkat yang mengguna pakai saringan berasaskan sektor dan berasaskan perakaunan untuk menentukan status Syariah saham tersebut. Untuk saringan berasaskan sektor, aktiviti teras perniagaan yang berkait dengan pengiklanan dan media, arak, pengklonan, perbankan dan insurans konvensional, perjudian, khinzir, pornografi, tembakau dan perdagangan emas dan perak sebagai tunai atas asas tertunda adalah tidak sesuai untuk tujuan pelaburan Islam. Untuk saringan berasaskan perakaunan, Penasihat Syariah akan menentukan jika nisbah hutang konvensional, nisbah tunai konvensional, nisbah akaun belum terima dan nisbah pendapatan tak dibenarkan bagi kedudukan kewangan syarikat mematuhi ambang kewangan sebagaimana yang diluluskan oleh indeks Islam yang dilanggan oleh dana. Penanda aras ini mungkin berbeza berdasarkan perkembangan pasaran modal Islam dan bidang kuasa penyedia indeks Islam yang dirujuk. Sekiranya mana-mana penghitungan gagal memenuhi penanda aras kewangan, Penasihat Syariah tidak akan memberikan status patuh Syariah kepada saham tersebut. Bagi memastikan pematuhan tegas kepada keperluan Syariah, saham patuh Syariah asing yang diluluskan oleh Penasihat Syariah akan dikaji semula dua kali setiap tahun.

### ***Sekuriti setara dengan saham patuh Syariah tersenarai/tidak tersenarai***

Untuk sekuriti setara dengan saham patuh Syariah tersenarai domestik, rujukan dibuat kepada senarai sekuriti patuh Syariah yang diterbitkan oleh SACSC. Untuk sekuriti setara dengan saham patuh Syariah tersenarai asing, rujukan dibuat pada senarai indeks Islam diluluskan.

### ***Skim pelaburan kolektif Islam tersenarai/tidak tersenarai***

Untuk skim pelaburan kolektif Islam tersenarai domestik, rujukan dibuat kepada senarai Amanah Pelaburan Harta Tanah Islam dan senarai Dana Dagangan Bursa Islam menurut *Senarai Tambahan: Instrumen Pasaran Modal Patuh Syariah Lain* bagi *Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh SACSC* yang diterbitkan oleh SC setiap setengah tahun manakala untuk skim pelaburan kolektif Islam tersenarai asing, rujukan dibuat kepada senarai indeks Islam yang diluluskan bulanan. Untuk skim pelaburan kolektif Islam tidak tersenarai domestik dan asing, bagi memastikan pematuhan tegas kepada keperluan Syariah, Penasihat Syariah akan mengkaji prospektus skim pelaburan kolektif Islam dan memperakui yang ia mematuhi keperluan Syariah boleh terima. Sekiranya mana-mana saringan tidak memenuhi keperluan Syariah, Penasihat Syariah tidak akan memberikan status patuh Syariah kepada skim pelaburan kolektif tersebut.

### ***Sukuk***

Pelaburan dalam sukuk domestik akan dipilih daripada senarai sukuk yang sedia ada di laman web SC dan Bank Negara Malaysia. Pelaburan dalam sukuk asing akan dipilih selepas berunding dengan Penasihat Syariah. Bagi memastikan pematuhan tegas keperluan Syariah, Penasihat Syariah akan mengkaji memorandum maklumat atau prospektus sukuk asing untuk butir terperinci tentang kelulusan Syariah dan fatwa yang memperakui sukuk tersebut. Penasihat Syariah akan mengkaji struktur, kontrak, aset dan terma untuk penerbitan sukuk bagi menentukan jika ia mematuhi prinsip Syariah.

### ***Instrumen pasaran wang Islam, akaun pelaburan tak terbatas dan deposit Islam***

Letakan akan dibuat dalam deposit Islam dan akaun pelaburan tak terbatas dengan institusi kewangan yang dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia dan pelaburan dalam instrumen pasaran wang Islam yang diterbitkan oleh institusi kewangan yang dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia.

### ***Derivatif Islam***

Dana hanya boleh menggunakan derivatif Islam untuk tujuan perlindungan nilai. Walau bagaimanapun, jika derivatif Islam tidak tersedia atau tidak berdaya maju secara komersial, dana boleh menggunakan derivatif konvensional tertakluk kepada kelulusan awal daripada Penasihat Syariah.

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## MAKLUMAT MENGENAI DANA (SAMB')

### 1.7 PROSESS PEMBERSIHAN UNTUK DANA ISLAM

#### ***Pengelasan semula status Syariah***

Sekuriti patuh Syariah yang dikelaskan semula sebagai tak patuh Syariah selepas kajian semula ke atas sekuriti tersebut oleh SACSC atau dikeluarkan daripada indeks Islam diluluskan akan menyebabkan sekuriti tak patuh Syariah tersebut dilupuskan. Jika pada tarikh kuat kuasa pengelasan semula, harga pasaran sekuriti tak patuh Syariah tersebut melebihi atau bersamaan dengan kos pelaburan, sekuriti tersebut mesti dilupuskan. Sebarang dividen yang diterima daripada sekuriti tak patuh Syariah sehingga tarikh kuat kuasa dan laba modal yang terbit disebabkan pelupusannya pada tarikh kuat kuasa, boleh disimpan. Walau bagaimanapun, sebarang dividen yang diterima dan laba modal yang terbit daripada pelupusan sekuriti tak patuh Syariah selepas tarikh kuat kuasa mesti didepositkan ke dalam akaun berasingan yang dipisahkan daripada akaun dana untuk tujuan pembersihan.

Dana mungkin menyalurkan pendapatan tercemar tersebut kepada baitulmal dan/atau pertubuhan kebajikan sebagaimana yang dinasihatkan oleh Penasihat Syariah. Dana juga boleh menggunakan budi bicaranya untuk mengagihkan pendapatan tercemar kepada pelabur secepat yang boleh sebagaimana yang dinasihatkan oleh Penasihat Syariah. Sekiranya pendapatan berkenaan diagihkan kepada pelabur, Pengurus akan memaklumkan kepada pelabur bahawa mereka bertanggungjawab untuk membersihkannya menurut prinsip Syariah selepas menerimanya daripada dana.

Sebaliknya, pelaburan dalam sekuriti tak patuh Syariah boleh dipegang jika harga pasaran sekuriti berkenaan adalah lebih rendah daripada kos pelaburan. Dividen yang diterima ketika tempoh pemegangan tersebut juga boleh disimpan sehingga suatu masa di mana jumlah dividen diterima dan nilai pasaran sekuriti tak patuh Syariah yang dipegang adalah bersamaan dengan kos pelaburan. Pada peringkat ini, pemegangan mesti dilupuskan.

#### ***Pelaburan tak patuh Syariah***

Sebarang pelaburan tak patuh Syariah yang dibuat secara tidak sengaja akan dilupuskan/ditarik balik dalam tempoh sebulan daripada mengetahui status pelaburan. Jika pelaburan tersebut memperoleh laba (melalui laba modal, dividen dan/atau faedah) sebelum atau selepas pelupusan pelaburan, laba tersebut akan disalurkan kepada baitulmal dan/atau mana-mana pertubuhan kebajikan lain sebagaimana yang dinasihatkan oleh Penasihat Syariah. Jika pelupusan pelaburan menyebabkan kerugian kepada dana, kerugian tersebut akan ditanggung oleh Pengurus.

### 1.8 ZAKAT UNTUK DANA ISLAM

Dana Islam tidak membayar zakat bagi pihak individu Islam dan entiti sah Islam yang merupakan pelabur dana kerana berbuat demikian tidak akan memenuhi sepenuhnya tanggungjawab zakat mereka. Oleh itu, pelabur adalah dikehendaki membuat pembayaran zakat mereka sendiri.

### 1.9 DASAR PERDAGANGAN SILANG

Urus niaga perdagangan silang di antara dana yang diuruskan oleh Public Mutual sebagai sebahagian daripada proses mengimbang semula portfolio boleh dilaksanakan sekiranya urus niaga ini dianggap adalah yang terbaik untuk dana dan dilakukan melalui wakil penjual atau institusi kewangan atas dasar tulus dan nilai saksama.

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.

## 2 YURAN, CAJ DAN PERBELANJAAN

### 2.1 CAJ YANG DIKENAKAN KE ATAS PEMBELIAN DAN PENEBUSAN UNIT

Caj jualan dan caj penebusan (jika ada) yang akan dikenakan ke atas pembelian dan penebusan unit akan dikira berdasarkan NAB seunit dana/kelas yang belum dikenakan.

Caj bank, caj penghantaran dan apa-apa caj tidak langsung lain akibat daripada urus niaga pembelian atau penebusan akan ditanggung oleh anda.

Berikut adalah caj yang akan ditanggung secara langsung oleh anda apabila membeli atau menebus unit dana/kelas:

	Dana Ekuiti, Aset Campuran dan Seimbang	Dana Bon/Sukuk	Dana Pasaran Wang (diguna pakai untuk semua kelas)
Caj jualan seunit	Pembelian unit melalui IUTA dan Pengurus:		
	Sehingga 5.0% NAB seunit. Pelaburan di bawah KWSP-SPA akan dikenakan caj jualan sehingga 3% daripada NAB seunit, seperti yang dikawal selia oleh KWSP.	Sehingga 1.0% NAB seunit	Tiada
	<i>Pengurus boleh menggunakan budi bicaranya untuk mengenakan caj jualan yang lebih rendah berdasarkan kepada saiz pelaburan dan/atau kriteria lain yang ditentukan dari semasa ke semasa.</i>		

Sila rujuk *halaman 139* untuk contoh pengiraan caj jualan.

Caj penebusan seunit	Tiada
----------------------	-------

Sila rujuk *halaman 140* untuk contoh pengiraan caj penebusan.

Caj pemindahan	Yuran pentadbiran sehingga RM50 akan dikenakan untuk setiap urus niaga pemindahan.
----------------	--

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## YURAN, CAJ DAN PERBELANJAAN (SAMB')

Caj tukar ganti

Sila rujuk jadual di bawah untuk tukar ganti yang dibuat **dalam masa 90 hari** dari tarikh pembelian atau tukar ganti unit ke dalam dana.

Ke Dana Penerima Tukar Ganti/ (Keluar)	Dana Ekuiti/Aset Campuran/Seimbang	Dana Bon/Sukuk	Dana Pasaran Wang (diguna pakai untuk semua kelas)**
<b>Dana Ekuiti / Aset Campuran / Seimbang</b>			
- Unit beban <sup>#</sup>	Sehingga 0.75% *	Sehingga 0.75% *	Sehingga 0.75% *
- Unit beban separa <sup>##</sup>	Sehingga 0.50% *	Sehingga 0.50% *	Sehingga 0.50% *
<b>Dana Bon / Sukuk</b>			
- Unit beban <sup>#</sup>	Sehingga 0.25% *	Sehingga 0.25% *	Sehingga 0.25% *
- Unit beban separa <sup>##</sup>	Sehingga 0.50% *	Sehingga 0.50% *	Sehingga 0.25% *
- Unit beban-1% <sup>###</sup>	Caj jualan sehingga 4.00%	Sehingga 0.25% *	Sehingga 0.25% *
- Unit beban rendah <sup>####</sup>	Caj jualan sehingga 4.75%	Caj jualan sehingga 0.75%	Sehingga 0.25% *
<b>Dana Pasaran Wang (diguna pakai untuk semua kelas)</b>			
- Unit beban <sup>#</sup>	Tiada	Tiada	Tiada
- Unit beban separa <sup>##</sup>	Sehingga 0.50% *	Sehingga 0.50% *	Tiada
- Unit beban-1% <sup>###</sup>	Caj jualan sehingga 4.00%	Tiada	Tiada
- Unit beban rendah <sup>####</sup>	Caj jualan sehingga 4.75%	Caj jualan sehingga 0.75%	Tiada
- Unit beban sifar <sup>#####</sup>	Caj jualan sehingga 5.00%	Caj jualan sehingga 1.00%	Tiada

Nota:

<sup>#</sup> Unit beban ialah unit yang dikenakan caj jualan sebanyak 3% atau lebih melalui pelaburan dalam dana ekuiti/aset campuran/seimbang.

<sup>##</sup> Unit beban separa yang dikenakan caj jualan kurang daripada 3% melalui pelaburan dalam dana ekuiti/aset campuran/seimbang.

<sup>###</sup> Unit beban-1% ialah unit yang dikenakan caj jualan lebih daripada 0.50% melalui pelaburan dalam dana bon/sukuk.

<sup>####</sup> Unit beban rendah ialah unit yang telah dikenakan caj jualan sebanyak 0.50% atau kurang melalui pelaburan dalam dana bon/sukuk.

<sup>#####</sup> Unit beban sifar ialah unit dana pasaran wang yang tidak dikenakan sebarang caj jualan.

\* Tertakluk kepada minimum RM50, yang mana lebih tinggi. Yuran tukar ganti untuk unit selain unit beban separa akan disimpan oleh dana yang ditukar ganti keluar.

\*\* Pemegang unit individu dan bukan individu yang menukar ganti masuk ke dana pasaran wang akan diperuntukkan unit Kelas A dan unit Kelas B masing-masing.

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## YURAN, CAJ DAN PERBELANJAAN (SAMB')

Caj tukar ganti

Sila rujuk jadual di bawah untuk tukar ganti yang dibuat **selepas 90 hari** dari tarikh pembelian atau tukar ganti unit ke dalam dana.

Ke Dana Penerima Tukar Ganti/ (Keluar)	Dana Ekuiti/Aset Campuran/Seimbang	Dana Bon/Sukuk	Dana Pasaran Wang (diguna pakai untuk semua kelas)**
<b>Dana Ekuiti / Aset Campuran / Seimbang</b>			
- Unit beban <sup>#</sup>	Sehingga RM50	Sehingga RM50	Tiada
- Unit beban separa <sup>##</sup>	Sehingga 0.50%*	Sehingga 0.50%*	Tiada
<b>Dana Bon / Sukuk</b>			
- Unit beban <sup>#</sup>	Sehingga RM50	Sehingga RM50	Tiada
- Unit beban separa <sup>##</sup>	Sehingga 0.50%*	Sehingga 0.50%*	Tiada
- Unit beban-1% <sup>###</sup>	Caj jualan sehingga 4.00%	Sehingga RM50	Tiada
- Unit beban rendah <sup>####</sup>	Caj jualan sehingga 4.75%	Caj jualan sehingga 0.75%	Tiada
<b>Dana Pasaran Wang (diguna pakai untuk semua kelas)</b>			
- Unit beban <sup>#</sup>	Tiada	Tiada	Tiada
- Unit beban separa <sup>##</sup>	Sehingga 0.50%*	Sehingga 0.50%*	Tiada
- Unit beban-1% <sup>###</sup>	Caj jualan sehingga 4.00%	Tiada	Tiada
- Unit beban rendah <sup>####</sup>	Caj jualan sehingga 4.75%	Caj jualan sehingga 0.75%	Tiada
- Unit beban sifar <sup>#####</sup>	Caj jualan sehingga 5.00%	Caj jualan sehingga 1.00%	Tiada

Nota:

<sup>#</sup> Unit beban ialah unit yang dikenakan caj jualan sebanyak 3% atau lebih melalui pelaburan dalam dana ekuiti/aset campuran/seimbang.

<sup>##</sup> Unit beban separa ialah unit yang dikenakan caj jualan kurang daripada 3% melalui pelaburan dalam dana ekuiti/aset campuran/seimbang.

<sup>###</sup> Unit beban-1% ialah unit yang dikenakan caj jualan lebih daripada 0.50% melalui pelaburan dalam dana bon/sukuk.

<sup>####</sup> Unit beban rendah ialah unit yang dikenakan caj jualan sebanyak 0.50% atau kurang melalui pelaburan dalam dana bon/sukuk.

<sup>#####</sup> Unit beban sifar ialah unit dana pasaran wang yang tidak dikenakan sebarang caj jualan.

\* Tertakluk kepada minimum RM50, yang mana lebih tinggi.

\*\* Pemegang unit individu dan bukan individu yang menukar ganti masuk ke dana pasaran wang akan diperuntukkan unit Kelas A dan Kelas B masing-masing.

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.





## YURAN, CAJ DAN PERBELANJAAN (SAMB')

### 2.2 YURAN DAN PERBELANJAAN DANA

Pengendalian dana melibatkan pelbagai perbelanjaan untuk pengurusan portfolio, yuran pengurus, yuran untuk pemegang amanah, caj penjagaan asing, yuran juruaudit, yuran ejen cukai dan caj tadbir lain yang dikenakan dalam pentadbiran dana. Semua kos ini dibayar daripada aset dana.

Berikut adalah yuran yang akan ditanggung secara tidak langsung oleh anda apabila anda untuk melabur dalam dana:

	Dana Ekuiti, Aset Campuran dan Imbang	Dana Bon/Sukuk	Dana Pasaran Wang (diguna pakai kepada semua kelas)
 <p><b>Yuran pengurus</b></p>	<p><u>PBMAC:</u> 1.25% setahun daripada NAB.</p> <p><u>PBGF, PBGSQF, PBIEF, PBBF, PBBSQF, PBDBEF dan PBMAGRF:</u> 1.50% setahun daripada NAB.</p> <p><u>PBAEF, PBADE, PBCPEF, PBCAEF, PBCAUEF, PBSGA30EF, PBADSQF dan PBA30EF:</u> 1.60% setahun daripada NAB.</p> <p><u>PBAPENTF, PBIAEF, PBIASSE, PBADBF, PBSCGF, PBISCF, PBDYNAF, PBAPDF dan PBIDYNAF:</u> 1.65% setahun daripada NAB.</p> <p><u>PBAEGF, PBAREIF, PBACSF dan PBINDOBF:</u> 1.70% setahun daripada NAB.</p> <p><u>PBEPEF, PBGEF, PBGTHF, PBGCASF, PBVG40F dan PBUSEF:</u> 1.80% setahun daripada NAB.</p> <p><u>PBGOPF:</u> 1.85% setahun daripada NAB.</p>	<p><u>PBFI, PBINFBF, PBBOND, PBIBF, PBSKF dan PBASE:</u> 0.75% setahun daripada NAB.</p>	<p><u>PBCMF dan PBICMF:</u> 0.375% setahun daripada NAB.</p>
 <p><b>Yuran pemegang amanah</b></p>	<p>0.06% setahun daripada NAB, tertakluk kepada yuran minimum RM18,000 dan yuran maksimum RM600,000 setahun.</p>	<p>0.035% setahun daripada NAB, tertakluk kepada yuran minimum RM18,000 dan yuran maksimum RM300,000 setahun.</p>	<p>0.02% setahun daripada NAB, tertakluk kepada yuran minimum RM18,000 dan yuran maksimum RM300,000 setahun.</p>

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## YURAN, CAJ DAN PERBELANJAAN (SAMB')

Yuran pengurusan dan yuran pemegang amanah tahunan dikira dan diakru secara harian, dan dibayar setiap bulan kepada Pengurus dan pemegang amanah masing-masing.

*Nota: Yuran dan caj di atas mungkin tertakluk kepada sebarang cukai dan/atau duti yang dikenakan (jika ada) yang perlu dibayar oleh anda.*

### 2.3 DASAR BERHUBUNG REBAT PEMBROKERAN SAHAM DAN KOMISEN RINGAN

Pengurus tidak menerima sebarang jenis rebat daripada mana-mana broker/wakil penjual. Pengurus mungkin menerima barangan atau perkhidmatan yang memberi faedah atau kelebihan secara langsung kepada pengurusan dana dan mungkin dalam bentuk perkhidmatan penyelidikan dan khidmat nasihat untuk membantu proses membuat keputusan yang berkaitan dengan pelaburan dana.



**Terdapat yuran dan caj yang dikenakan dan pelabur dinasihatkan mempertimbangkannya sebelum membuat pelaburan dalam dana.**

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.

## 3 MAKLUMAT URUS NIAGA

### 3.1 PENENTUAN HARGA

#### Titik Penilaian

Penilaian dana tanpa pelaburan asing dilaksanakan setiap Hari Urus Niaga pada waktu penutupan Bursa Securities.

Untuk dana yang mempunyai pelaburan asing, penilaian dilakukan selepas penutupan perniagaan Bursa Securities bagi hari berkaitan. Oleh sebab pasaran asing tertentu di mana dana melabur mungkin masih belum ditutup disebabkan oleh perbezaan zon masa negara ini, titik penilaian boleh dilanjutkan kepada pukul 5:00 petang (atau sebarang masa yang dibenarkan oleh pihak berkuasa berkaitan dari semasa ke semasa) pada hari berikutnya di mana Pengurus dibuka untuk perniagaan. Oleh itu, harga harian dana tidak akan diterbitkan pada Hari Urus Niaga berikutnya, tetapi ia akan diterbitkan pada Hari Urus Niaga berikutnya (iaitu harga adalah lewat 2 hari).

#### NAB seunit

NAB seunit diperoleh dengan membahagikan NAB dana dengan bilangan unit dalam terbitan.

Contoh:

$$\begin{array}{|c|} \hline \text{Jumlah NAB (RM)} \\ \hline 352,625,000 \\ \hline \end{array} \div \begin{array}{|c|} \hline \text{UDE (unit)} \\ \hline 1,410,500,000 \\ \hline \end{array} = \begin{array}{|c|} \hline \text{NAB seunit (RM)} \\ \hline 0.25000000 \\ \hline \end{array}$$

#### NAB seunit untuk PBCMF dan PBICMF

NAB seunit untuk kelas diperoleh dengan membahagikan NAB kelas tersebut dengan bilangan unit dalam terbitan untuk kelas tersebut.

#### Nisbah Pelbagai Kelas (MCR)

MCR ialah peruntukan NAB setiap kelas ke atas NAB dana berdasarkan saiz setiap kelas. MCR dihitung dengan membahagikan NAB kelas masing-masing dengan NAB dana sebelum pendapatan dan perbelanjaan untuk hari tersebut. Peruntukan ini dinyatakan sebagai nisbah dan dihitung sebagai peratusan.

Contoh:

	Dana	Kelas A	Kelas B
NAB dana sebelum pendapatan dan perbelanjaan	47,600,000.00	15,000,000.00	32,600,000.00
% MCR	100%	<sup>(1)</sup> 31.51%	<sup>(1)</sup> 68.49%
Tambah: Laba/Pendapatan	30,000.00	<sup>(2)</sup> 9,453.00	<sup>(2)</sup> 20,547.00
Tolak: Perbelanjaan	(10,000.00)	<sup>(2)</sup> (3,151.00)	<sup>(2)</sup> (6,849.00)
NAB dana sebelum yuran pemegang amanah dan yuran pengurusan	47,620,000.00	15,006,302.00	32,613,698.00
Tolak: Yuran pemegang amanah	(26.09)	(8.22)	(17.87)
Tolak: Yuran Pengurusan	(489.24)	(154.17)	(335.07)
NAB dana	47,619,484.67	15,006,139.61	32,613,345.06
Unit dalam edaran		15,000,000.00	32,600,000.00
<b>NAB seunit</b>		<b>RM1.0004</b>	<b>RM1.0004</b>

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## MAKLUMAT URUS NIAGA (SAMB')

	Dana	Kelas A	Kelas B
Terbitan unit untuk hari berkenaan		125,000.00	125,000.00
NAB dana sebelum terbitan untuk hari berkenaan	47,619,484.67	15,006,139.61	32,613,345.06
Nilai terbitan untuk hari berkenaan	250,100.00	125,050.00	125,050.00
NAB penutupan dana	47,869,584.67	15,131,189.61	32,738,395.06
Unit dalam edaran (selepas terbitan unit untuk hari berkenaan)		15,125,000.00	32,725,000.00
<b>NAB seunit</b>		<b>RM1.0004</b>	<b>RM1.0004</b>

Contoh di atas secara amnya bertujuan untuk menjelaskan penghitungan NAB seunit bagi setiap kelas. NAB seunit bagi setiap kelas mungkin berbeza tertakluk kepada beberapa faktor, yang mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada yuran, perbelanjaan, cukai atau pengagihan yang dikaitkan secara khusus berpunca daripada kelas tersebut.

Nota:

<sup>(1)</sup> Penghitungan MCR

	Kelas A	Kelas B
NAB Kelas	15,000,000.00	32,600,000.00
NAB dana sebelum pendapatan dan perbelanjaan untuk hari berkenaan	47,600,000.00	47,600,000.00
	= 31.51%	= 68.49%

<sup>(2)</sup> Peruntukan berdasarkan MCR adalah seperti berikut:

	RM	Kelas A	Kelas B
Pendapatan	30,000	MCR x Pendapatan = Pendapatan untuk Kelas A = 31.51% x RM30,000 = RM9,453	MCR x Pendapatan = Pendapatan untuk Kelas B = 68.49% x RM30,000 = RM20,547
Perbelanjaan	10,000	MCR x Perbelanjaan = Perbelanjaan untuk Kelas A = 31.51% x RM10,000 = RM3,151	MCR x Perbelanjaan = Perbelanjaan untuk Kelas B = 68.49% x RM10,000 = RM6,849

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## MAKLUMAT URUS NIAGA (SAMB')

### Penentuan Harga Tunggal

Pembelian dan penebusan unit disebut dan diniagakan pada harga tunggal, iaitu pada NAB seunit dana/kelas. Caj jualan dan caj penebusan (jika ada) akan dihitung dan dicaj berasingan, dan tidak dimasukkan ke dalam harga sebutan dana/kelas.

### Penentuan Harga Hadapan

Kedua-dua urus niaga pembelian dan penebusan didagangkan pada harga *ditentukan berikutnya*. Permohonan anda untuk membeli atau menebus unit dana akan dilaksanakan pada harga pada *titik penilaian berikutnya selepas permohonan diterima dan diluluskan oleh Pengurus*.



Pelaburan yang dibankkan di kaunter cawangan Public Bank pada mana-mana Hari Urus Niaga akan diproses berdasarkan harga yang ditentukan untuk Hari Urus Niaga yang sama.

Pembayaran diterima sebelum atau pada pukul 4:00 petang.

Diproses berdasarkan harga yang ditentukan untuk Hari Urus Niaga yang sama.



Pembayaran diterima selepas pukul 4:00 petang

Diproses berdasarkan harga yang ditentukan untuk Hari Urus Niaga berikut.

Sebarang permohonan pelaburan dan urus niaga yang dibuat pada bukan Hari Urus Niaga akan dianggap sebagai permohonan pelaburan atau urus niaga yang dibuat pada Hari Urus Niaga berikutnya.

### Penghargaan yang Salah

Sekiranya berlaku penghargaan yang salah ke atas unit dana/kelas, Pengurus akan mengambil tindakan pembetulan dengan serta merta apabila penghargaan yang salah tersebut -

- (i) adalah bersamaan dengan atau lebih daripada 0.5% NAB seunit; dan
- (ii) mengakibatkan jumlah RM10.00 atau lebih perlu dibayar balik kepada pemegang unit terbabit untuk setiap urus niaga pembelian atau penebusan.

Tertakluk kepada sebarang keperluan berperaturan, Pengurus berhak untuk meminda, mengubah atau menyemak semula had atau nilai ambang yang dinyatakan di atas dari semasa ke semasa.

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## MAKLUMAT URUS NIAGA (SAMB')

### 3.2 PENGHITUNGAN HARGA

#### Pembelian Unit Dana

Contoh:

Jumlah Pelaburan : RM10,000  
 NAB seunit : RM0.25000000  
 Caj Jualan : 5.0% daripada NAB seunit

<b>Caj Jualan Ditanggung</b>	$= \frac{\text{Jumlah Pelaburan}}{1 + \text{Caj Jualan (\%)}} \times \text{Caj Jualan (\%)}$	RM476.19
	$= \frac{\text{RM10,000}}{1 + 5.0\%} \times 5.0\%$	

<b>Jumlah Pelaburan Bersih</b>	Jumlah Pelaburan	RM10,000	RM9,523.81
	Tolak: Caj Jualan Ditanggung	(RM476.19)	

<b>Unit Dikreditkan ke dalam Akaun Anda</b>	$= \frac{\text{Jumlah Pelaburan Bersih}}{\text{NAB seunit}}$	38,095.24 unit
	$= \frac{\text{RM9,523.81}}{\text{RM0.25000000}}$	

### ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI UNTUK PELABURAN



**PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM DAN KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL TIDAK DIBENARKAN MENERIMA PELABURAN DALAM BENTUK TUNAI DALAM APA JUA KEADAAN.**

*Public Mutual tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian yang ditanggung sekiranya anda memberi wang tunai kepada perunding skim amanah saham atau kakitangan kami.*



**ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI KEPADA PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL.**



**ANDA DILARANG MEMBUAT DEPOSIT ATAU PINDAHAN KE AKAUN BANK PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL.**

**ANDA DILARANG MENGELUARKAN CEK DI ATAS NAMA PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL.**

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## MAKLUMAT URUS NIAGA (SAMB')

### Menebus Unit Dana

Contoh:

Unit ditebus : 40,000 unit  
NAB seunit : RM0.25000000

<b>Jumlah Ditebus</b>	$= \text{Unit yang ditebus} \times \text{NAB seunit}$ $= 40,000 \text{ unit} \times \text{RM0.25000000}$	RM10,000
<b>Caj Penebusan Ditanggung</b>	$= \text{Caj penebusan (\%)} \times \text{NAB seunit} \times \text{Unit yang ditebus}$ $= 0\% \times \text{RM0.25000000} \times 40,000 \text{ unit}$	Tiada
<b>Jumlah Hasil Penebusan yang Anda Terima</b>	$= \text{Jumlah yang ditebus} - \text{Caj penebusan ditanggung}$ $= \text{RM10,000} - \text{RM0}$	RM10,000

*Nota: Yuran dan caj di atas mungkin tertakluk kepada sebarang cukai dan/atau duti yang dikenakan (jika ada) yang anda perlu bayar.*


### 3.3 DI MANA UNIT DANA BOLEH DIBELI ATAU DITEBUS



Wakil korporat IUTA yang dilantik yang berdaftar dengan FIMM



Public Mutual Online (PMO)



Pusat Perkhidmatan Pelanggan Public Mutual

Pelanggan prioriti boleh menggunakan *Perkhidmatan Eksklusif Mutual Gold* untuk perkhidmatan tambah nilai yang menjimatkan masa.

Sila rujuk *halaman 164 hingga 167* untuk Direktori Cawangan dan Pusat Perkhidmatan Pelanggan Public Mutual dan IUTA yang dilantik.

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.

## MAKLUMAT URUS NIAGA (SAMB\*)

### 3.4 CARA MEMBELI UNIT DANA



Sebelum membuat pelaburan, adalah penting untuk anda membaca Prospektus Induk dan PHS dana dengan teliti dan dapatkan penjelasan lanjut tentang perkara yang anda rahui.

#### Membuka Akaun

- Pelaburan permulaan minimum\*: RM1,000

#### Pelabur Individu

- Untuk pelabur sedia ada yang melanggan PMO, anda boleh membeli unit dana dalam talian.
- Jika anda bukan pelanggan sedia ada PMO:
  - Untuk pelabur kali pertama Public Mutual, anda perlu melengkapkan borang pelabur baru.
  - Anda boleh mendaftar dalam talian untuk PMO melalui laman web kami atau melalui kios Pintar kami yang terdapat di cawangan kami atau Pusat Perkhidmatan Pelanggan di Pusat Membeli-belah 1 Utama.
- Atau:
  - Serahkan borang permohonan pelaburan bersama-sama dengan cek di mana-mana cawangan Public Bank.

#### Pelabur di bawah KWSP-SPA

- Serahkan borang permohonan pelaburan untuk KWSP-SPA dan Borang KWSP 9N (AHL) bersama salinan kad pengenalan anda kepada wakil korporat yang berurusan dengan anda.

*Nota: Permohonan untuk melabur adalah tertakluk kepada kelulusan KWSP.*

#### Pelabur Bukan Individu/ Korporat

- Serahkan borang permohonan pelaburan bersama dokumen berkanun yang diperlukan kepada mana-mana pejabat cawangan Public Mutual atau Public Bank atau Ibu Pejabat Public Mutual (sila rujuk borang pelabur baru untuk dokumen diperlukan).
- Sila hubungi bahagian jualan korporat di talian 03-2022 6829 jika anda memerlukan bantuan.

*Nota: \* Pengurus boleh mengubah jumlah minimum pelaburan permulaan dari semasa ke semasa.*

#### Membuat Tambahan ke dalam Akaun Secara Berkala

- Pelaburan tambahan minimum\*: RM100
- Pelaburan tambahan boleh dilaksanakan melalui:
  - (a) PMO.
  - (b) Arahan debit langsung melalui bank.
  - (c) Mendepositkan cek anda ke dalam akaun kutipan di Public Bank.

*Nota: \* Pengurus boleh mengubah jumlah minimum pelaburan tambahan dari semasa ke semasa. Sebarang perubahan kekal terhadap jumlah minimum pelaburan tambahan akan dikemaskini di dalam laporan tahunan atau separuh tahunan dana dan akan diterbitkan juga di dalam PHS dan prospektus tambahan dana.*

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.

## MAKLUMAT URUS NIAGA (SAMB')



### Bagaimana Anda Perlu Menulis Cek

Cek untuk pelaburan permulaan dan tambahan harus dikeluarkan seperti berikut:

	Cek mesti dibayar kepada:
<b>Pelabur Individu</b>	<b>"Public Mutual Berhad - Nombor Kad Pengenalan Baharu Pemegang Pertama".</b>
<b>Pelabur Korporat</b>	<b>"Public Mutual Berhad - Nombor Pendaftaran Syarikat Anda"</b>



Sila tulis nama, nombor kad pengenalan baharu/nombor pasport/nombor pendaftaran syarikat dan nombor telefon anda di belakang cek.

*Dalam Surat Ikatan, Pengurus diberikan hak eksklusif untuk melaksanakan terbitan unit untuk akaun dana dan mempunyai kuasa mutlak untuk menerima atau menolak sepenuhnya atau sebahagian mana-mana permohonan untuk unit.*

## ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI UNTUK PELABURAN



**PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM DAN KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL TIDAK DIBENARKAN MENERIMA PELABURAN DALAM BENTUK TUNAI DALAM APA JUA KEADAAN.**

*Public Mutual tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian yang ditanggung sekiranya anda memberi wang tunai kepada perunding skim amanah saham atau kakitangan kami.*



**ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI KEPADA PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL.**



**ANDA DILARANG MEMBUAT DEPOSIT ATAU PINDAHAN KE AKAUN BANK PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL.**

**ANDA DILARANG MENGELUARKAN CEK DI ATAS NAMA PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL.**

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## MAKLUMAT URUS NIAGA (SAMB')

### 3.5 CARA MENEBUS UNIT DANA

- Unit minimum bagi penebusan: 1,000 unit.
- Tidak ada had bagi kekerapan penebusan.
- Anda boleh melaksanakan permohonan penebusan anda melalui PMO atau dengan melengkapkan dan menyerahkan borang penebusan pada mana-mana Hari Urus Niaga kepada pejabat cawangan Public Mutual atau Public Bank terdekat atau Ibu Pejabat Public Mutual.
- Hasil penebusan anda akan dibayar dalam tempoh 7 Hari Urus Niaga dari tarikh kami menerima permohonan anda.
- Untuk semua kelas unit PBCMF dan PBICMF, hasil penebusan anda akan dibayar dalam tempoh 4 Hari Urus Niaga selepas kami menerima permohonan anda.
- Untuk pemegang unit KWSP, hasil penebusan bersih akan dikirim kepada KWSP untuk dikreditkan ke dalam akaun wang simpanan.
- Anda boleh memohon untuk pengeluaran tetap/berkala tertakluk kepada terma dan syarat.

### 3.6 CARA MENUKAR GANTI UNIT DI ANTARA DANA

- Unit minimum untuk tukar ganti: 1,000 unit.
- Anda boleh menukar ganti unit anda di antara dana dalam Dana Siri PB pada mana-mana Hari Urus Niaga tertakluk kepada terma dan syarat.
- Anda boleh melaksanakan permohonan tukar ganti anda melalui PMO atau dengan melengkapkan dan menyerahkan borang tukar ganti kepada pejabat cawangan Public Mutual atau Public Bank terdekat atau Ibu Pejabat Public Mutual.
- Pengurus berhak untuk menolak sebarang permohonan tukar ganti oleh pemegang unit dana sekiranya ia dianggap mengganggu pengurusan cekap portfolio atau bercanggah dengan kepentingan dana sasaran. Permohonan tukar ganti yang ditolak oleh Pengurus akan dianggap sebagai penebusan unit.
- Tukar ganti daripada dana Islam kepada dana konvensional adalah tidak digalakkan, terutamanya bagi pemegang unit beragama Islam.

### 3.7 CARA MEMINDAHKAN UNIT DANA

- Unit minimum bagi pemindahan: 1,000 unit.
- Lengkapkan dan serahkan borang pemindahan kepada pejabat cawangan Public Mutual atau Public Bank terdekat dengan anda atau Ibu Pejabat Public Mutual (tertakluk kepada terma dan syarat).

### 3.8 BAKI AKAUN MINIMUM

- Baki minimum sebanyak 1,000 unit mesti dikekalkan sepanjang masa untuk terus melabur dalam dana.
- Jika penebusan separa, tukar ganti atau pemindahan unit menyebabkan baki dalam akaun dana anda kurang daripada 1,000 unit, Pengurus boleh memilih untuk menebus, menukar ganti atau memindahkan keseluruhan akaun.

### 3.9 HAK BERTENANG

- Terpakai kepada pelabur individu yang pertama kali melabur dengan Public Mutual.
- Serahkan permohonan kepada pejabat cawangan Public Bank di mana anda membeli unit anda dalam masa 6 Hari Urus Niaga dari tarikh borang permohonan pelaburan dan bayaran diterima oleh Public Mutual.
- Bagi pemegang unit KWSP, tempoh bertenang akan bermula dari tarikh borang permohonan pelaburan diterima oleh Public Mutual.
- Bayaran balik akan dibayar dalam tempoh 7 Hari Urus Niaga dari tarikh pelaksanaan hak ini.
- Bayaran balik bagi setiap unit yang dilabur adalah jumlah harga unit (iaitu harga asal pada hari unit dibeli atau harga pasaran pada titik pelaksanaan hak bertenang, yang mana yang lebih rendah) dan caj jualan yang dikenakan (dan sebarang cukai dan/atau duti yang diguna pakai, jika ada) pada hari unit dibeli.
- Kakitangan Pengurus dan individu yang berdaftar dengan badan yang diluluskan oleh SC untuk mengurus niaga dalam dana amanah saham tidak layak untuk hak bertenang ini.

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## MAKLUMAT URUS NIAGA (SAMB\*)

### 3.10 AGIHAN

#### Pengisytiharan

- Agihan, sekiranya ada, diisytiharkan pada akhir setiap tahun kewangan, atau untuk sebarang tempoh lain yang ditetapkan.
- Agihan mungkin diisytiharkan daripada keuntungan modal direalisasikan bersih dan pendapatan pelaburan direalisasikan bersih pada tahun kewangan semasa, dan/atau daripada modal (yang diperoleh daripada keuntungan modal direalisasikan bersih dan pendapatan pelaburan direalisasikan bersih yang dibawa ke hadapan) jika dana tidak mempunyai keuntungan modal direalisasikan bersih atau pendapatan pelaburan direalisasikan bersih yang mencukupi pada tahun kewangan semasa.
- Sekiranya dana membuat agihan daripada modal, modal dana mungkin akan terhakis dan nilai pulangan masa depan mungkin akan berkurangan.
- Dana dengan dasar agihan berkala (contohnya, tahunan) boleh membuat agihan daripada modal untuk memastikan bahawa dana memenuhi objektif pelaburan mereka dalam menyediakan pendapatan berkala kepada pemegang unit.
- Dana dengan dasar agihan sampingan boleh membuat agihan daripada modal untuk memulangkan sebahagian daripada pertumbuhan modal kepada pemegang unit apabila dana mempunyai keuntungan direalisasikan dan pendapatan pelaburan direalisasikan yang mencukupi.

#### Pelaburan Semula

- Agihan (sekiranya ada) akan dilabur semula kecuali jika anda memilih supaya agihan dibayar kepada anda dengan menyatakannya di dalam borang permohonan pelaburan atau PMO.
- Agihan akan dilabur semula pada NAB seunit, yang dihitung pada penutupan Hari Urus Niaga pertama selepas tarikh pengisytiharan agihan.
- Tidak ada caj jualan dikenakan ke atas pelaburan semula agihan.
- Agihan kurang daripada RM100 setiap akaun akan dilabur semula secara automatik pada NAB seunit.

#### Pilihan Pembayaran Pengagihan

- Sila berikan butiran akaun bank anda dengan melengkapkan Borang Pendaftaran Akaun Bank atau melalui PMO supaya agihan dapat dikreditkan ke dalam akaun bank anda.
- Sekiranya tidak ada akaun bank berdaftar, agihan (sekiranya ada) akan dilabur semula.
- Pembayaran agihan yang tidak dapat dikreditkan ke dalam akaun bank berdaftar akan dilabur semula selepas pengkreditan pembayaran agihan yang tidak berjaya.

Anda mesti memaklumkan kepada Pengurus berhubung sebarang perubahan dalam arahan agihan anda dalam tempoh 14 Hari Urus Niaga sebelum setiap tarikh yang ditetapkan untuk agihan.



**Harga unit dan agihan belum bayar, jika ada, mungkin turun atau naik.**

**Apabila pecahan unit atau agihan diisytiharkan, berikutan penerbitan pecahan unit dan/atau agihan, NAB seunit akan berkurangan secara sepadan untuk menunjukkan/mengambil kira pecahan unit dan/atau agihan.**

**Apabila pecahan unit diisytiharkan, nilai pelaburan dalam RM akan kekal tidak berubah selepas pengagihan unit tambahan.**

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## MAKLUMAT URUS NIAGA (SAMB')

### 3.11 WANG TAK DITUNTUT

Sebarang wang yang belum dibayar kepada anda yang tidak dituntut selepas tempoh tertentu (pada masa ini dalam tempoh 1 tahun), akan dibayar kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut oleh Pengurus selaras dengan peruntukan dalam Akta Wang Tidak Dituntut 1965.

### 3.12 MENGIKUTI PERKEMBANGAN PELABURAN ANDA

#### Harga Harian Unit

Layari laman web kami di [www.publicmutual.com.my](http://www.publicmutual.com.my) untuk NAB/harga harian dana.

#### Penyata Urus Niaga

Penyata Urus Niaga akan dikeluarkan dalam tempoh 21 hari dari tarikh setiap urus niaga untuk mengesahkan butiran urus niaga anda.

#### Penyata Pelaburan Tahunan/Interim & Laporan Tahunan/ Setengah Tahunan

Penyata Tahunan/Interim dan Laporan Tahunan/Setengah Tahunan, termasuk Ringkasan Agihan (jika ada), tersedia dalam tempoh 2 bulan dari penutupan setiap tahun kewangan atau tempoh interim.

#### Laporan tahunan dana disediakan atas permintaan.

Sila hubungi Talian Penting Public Mutual di 03-2022 5000 untuk bantuan.



**Ini bukan dana jaminan modal atau dan terlindung modal.**

**Harga unit mungkin turun atau naik.**

**Prestasi lalu dana bukan penunjuk bagi prestasi masa akan datang.**

### 3.13 MENDAPATKAN NASIHAT

Untuk pertanyaan umum atau bantuan khusus berkaitan pelaburan anda dengan kami, sila hubungi



Talian Penting Public Bank di 03-2170 8000;

Talian Penting Public Mutual di 03-2022 5000; atau



Kunjungi mana-mana Pusat Perkhidmatan Pelanggan Public Mutual di pejabat cawangannya.

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.

## 4 PENGURUS

### 4.1 PROFIL KORPORAT PUBLIC MUTUAL

Dana yang disenaraikan dalam Prospektus Induk ini diuruskan oleh Public Mutual, anak syarikat milik penuh Public Bank. Public Mutual ialah pengurus dana dan Penyedia Skim Persaraan Swasta (PRS) berlesen dan merupakan pengurus amanah saham swasta terbesar dari segi NAB. Diperbadankan pada 21 Julai 1975 di bawah nama lamanya Kuala Lumpur Mutual Fund Berhad, Public Mutual memulakan operasinya pada 2 Julai 1980 dan adalah antara perintis awal industri ini.

Sila layari <https://www.publicmutual.com.my/Menu/Corporate/Our-Profile> untuk maklumat lanjut tentang profil Pengurus dan <https://www.publicmutual.com.my/Menu/Corporate/Our-People> untuk maklumat tentang Lembaga Pengarah.

### 4.2 PERANAN, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUS

Peranan, tugas dan tanggungjawab Pengurus termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:-

- memastikan dana sentiasa diuruskan dalam lingkungan Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan garis panduan berkaitan;
- menyediakan sokongan pelanggan bagi memberikan perkhidmatan terbaik untuk memenuhi keperluan pemegang unit;
- memaklumkan pemegang unit berhubung pengurusan dan prestasi dana melalui laporan setengah tahunan dan laporan tahunan;
- memastikan kepentingan pemegang unit sentiasa dipelihara dan dilindungi dengan sebaik-baiknya.

### 4.3 PASUKAN PELABURAN

Pasukan pelaburan Public Mutual terdiri daripada lebih 20 pengurus portfolio dan pasukan penyelidik yang dianggotai lebih daripada 30 penganalisis penyelidikan.

Sila layari <https://www.publicmutual.com.my/Menu/Corporate/Our-People> untuk profil anggota utama pasukan pelaburan yang bertanggungjawab ke atas fungsi pengurusan dana bagi semua dana.

### 4.4 URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN/KONFLIK KEPENTINGAN

Urus niaga dana dengan pihak berkaitan dilaksanakan berdasarkan terma terbaik yang tersedia untuk dana dan yang tidak kurang berfaedah daripada urus niaga tulus di antara pihak-pihak yang bebas.

Urus niaga ini termasuk:

- urus niaga penjualan dan pembelian sekuriti dan instrumen pelaburan oleh dana.
- deposit pasaran wang dan letakan oleh dana.
- pemegang unit dalam dana oleh pihak berkaitan.

Apabila terdapat konflik kepentingan disebabkan pengaruh mempunyai pemegang saham yang besar atau menjawat jawatan pengarah dalam sesebuah syarikat, dan dana melabur dalam sekuriti atau derivatif/derivatif Islam yang diterbitkan oleh syarikat tersebut, pengurus berkenaan akan berkecuali daripada membuat sebarang keputusan berhubung sekuriti atau derivatif/derivatif Islam berkenaan.

**Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.**



## **PENGURUS (SAMB')**

Pekerja kepada Pengurus yang terlibat dalam aktiviti pengurusan dana (termasuk tetapi tidak terhad kepada pekerja yang memegang jawatan pengurusan kanan, yang terlibat dalam pengurusan dana, yang terlibat dalam pengendalian atau urus niaga aktiviti pengurusan dana, atau mempunyai maklumat berkenaan pengurusan dana) dikehendaki mendapat kelulusan bertulis terdahulu dan mengisytiharkan urus niaga mereka dalam sekuriti dan derivatif/derivatif Islam, tetapi tidak termasuk unit dalam skim amanah saham, pelaburan dalam pendanaan awam ekuiti dan pembiayaan rakan setara.

### **4.5 DOKUMEN TERSEDIA UNTUK PEMERIKSAAN**

Salinan dokumen berikut (jika berkenaan) boleh diperiksa di pejabat berdaftar Pengurus atau lokasi seumpamanya sebagaimana yang ditentukan oleh SC:

- (a) Surat Ikatan;
- (b) Prospektus Induk semasa dan prospektus tambahan atau gantian, jika ada;
- (c) Laporan tahunan dan setengah tahunan terkini bagi dana;
- (d) Setiap kontrak penting yang didedahkan dalam Prospektus Induk ini dan, apabila kontrak tersebut tidak bertulis, memorandum yang memberikan butiran lengkap kontrak tersebut;
- (e) Jika berkenaan, penyata kewangan teraudit Pengurus dan dana untuk tahun kewangan semasa dan 3 tahun kewangan yang lalu atau jika kurang daripada 3 tahun, dari tarikh penubuhan atau permulaan;
- (f) Sebarang laporan, surat atau dokumen lain, penilaian dan kenyataan oleh pakar, yang sebahagian daripadanya dipetik atau dirujuk dalam Prospektus Induk ini. Sekiranya ringkasan laporan pakar dimasukkan dalam Prospektus Induk ini, laporan penuh pakar berkaitan disediakan untuk pemeriksaan;
- (g) Writ dan kertas sebab berkaitan untuk semua litigasi penting dan timbang tara penting yang didedahkan dalam Prospektus Induk ini (jika ada); dan
- (h) Persetujuan yang diberikan oleh pakar yang didedahkan di dalam Prospektus Induk ini.

### **4.6 DASAR DAN PROSEDUR BERHUBUNG AKTIVITI PENGUBAHAN WANG HARAM**

Pengurus telah menetapkan dasar dan prosedur untuk bertindak balas terhadap risiko yang melibatkan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan dalam mematuhi peruntukan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001. Dasar dan prosedur ini meliputi inisiatif penting berikut:

- Menyediakan latihan dan pendidikan berhubung perkara tersebut untuk semua kakitangan, dengan memberikan keutamaan kepada kakitangan barisan hadapan dan ahli tenaga agensi;
- Menyediakan langkah dan kawalan khusus bagi pengecaman dan penerimaan pelanggan, termasuk pengesahan identiti pelanggan melalui dokumen pengenalan berkaitan;
- Memastikan urus niaga yang disangsikan dilaporkan dengan serta merta kepada Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan Bank Negara Malaysia.

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.

## 5 PEMEGANG AMANAH

### 5.1 PEMEGANG AMANAH DANA

ART ialah pemegang amanah untuk semua dana yang disenaraikan dalam Prospektus Induk ini kecuali untuk PBADF, PBICMF dan PBEPEF. MTB ialah pemegang amanah bagi PBADF dan PBICMF, dan CCTB ialah pemegang amanah bagi PBEPEF.

### 5.2 PERANAN, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMEGANG AMANAH

Antara peranan, tugas dan tanggungjawab pemegang amanah adalah seperti berikut:

- Bertindak sebagai penjaga dana dan melindungi kepentingan pemegang unit;
- Mengamalkan usaha wajar dan kewaspadaan dalam melaksanakan fungsi dan tugasnya seperti yang ditetapkan dalam Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan garis panduan berkaitan;
- Memastikan yang Pengurus mengurus dan mentadbir dana menurut Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan garis panduan berkaitan;
- Memastikan rekod sewajarnya disimpan bagi semua urus niaga berkaitan dana; dan
- Memastikan Pengurus sentiasa memberikan maklumat penuh kepada pemegang amanah berhubung butir terperinci dasar Pengurus dalam pelaburan dan sebarang perubahan terhadapnya.

### 5.3 PROFIL KORPORAT AMANAH RAYA TRUSTEES BERHAD (“ART”)

ART diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia dan didaftarkan sebagai syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949. ART ialah anak syarikat Amanah Raya Berhad (“ARB”) yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia. ART mengambil alih fungsi pemegang amanah korporat ARB dan memperoleh pengalaman ARB lebih 50 tahun dalam bidang pemegang amanah.

#### *Perwakilan Fungsi Penjaga*

ART telah mewakilkan fungsi penjagaan bagi pelaburan asing dana, jika ada, kepada Citibank N.A., cawangan Singapura. Citibank N.A. di Singapura mula menyediakan perkhidmatan sekuriti pada pertengahan 1970an dan produk penjagaan global yang beroperasi sepenuhnya telah dilancarkan pada awal 1990an. Pasa masa kini, perniagaan perkhidmatan sekuriti mereka menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan global yang terdiri daripada bank utama, pengurus dana, peniaga broker dan syarikat insurans.

Peranan dan tugas wakil pemegang amanah adalah seperti berikut:

- Bertindak sebagai sub-penjaga bagi pelaburan dana rentas sempadan terpilih, termasuk membuka akaun tunai dan akaun jagaan serta memegang dengan selamat aset dana.
- Menyediakan maklumat tindakan korporat atau kelayakan yang terbit daripada aset asas di atas.

#### *Litigasi dan Timbang Tara Penting*

ART tidak terlibat dalam sebarang litigasi dan timbang tara penting, sama ada sebagai plaintif atau defendan, dan pemegang amanah tidak mengetahui sebarang prosiding yang belum selesai atau terancam atau sebarang fakta yang berkemungkinan menyebabkan sebarang prosiding yang boleh memberi kesan ketara dan buruk ke atas kedudukan kewangan atau perniagaannya.

**Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.**



## PEMEGANG AMANAH (CONT'D)

### 5.4 PROFIL KORPORAT MAYBANK TRUSTEES BERHAD (“MTB”)

MTB diperbadankan di bawah nama Mayban Trustees Berhad pada 12 April 1963 dan didaftarkan sebagai syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 pada 11 November 1963. Ia adalah salah sebuah syarikat amanah tempatan pertama yang menyediakan perkhidmatan pemegang amanah dengan tujuan memenuhi keperluan kewangan klien individu dan korporat. Nama syarikat ini telah ditukarkan kepada Maybank Trustees Berhad berkuat kuasa dari 19 Mac 2012. MTB mempunyai lebih 23 tahun pengalaman sebagai pemegang amanah kepada dana amanah saham.

#### *Perwakilan Fungsi Penjaga*

MTB telah melantik Malayan Banking Berhad sebagai penjaga aset tempatan dana. Fungsi penjagaan dikelolakan di bawah Maybank Securities Services (“MSS”), sebuah unit dalam Malayan Banking Berhad. MSS mula beroperasi pada tahun 1983 dan telah dilantik sebagai penjaga dana amanah saham sejak 1989. MSS menyediakan perkhidmatan penjelasan dan penjagaan untuk ekuiti dan sekuriti pendapatan tetap Malaysia kepada klien institusi domestik dan asing. Selain itu, MSS menawarkan perkhidmatan penjagaan global kepada institusi/klien domestik yang mempunyai pelaburan asing.

Peranan dan tugas wakil pemegang amanah, MSS, adalah seperti berikut:

- Menyimpan selamat, menyelaras dan menyelenggara rekod pemegangan aset dana menurut arahan pemegang amanah;
- Bertindak sebagai ejen penyelesaian untuk saham dan wang kepada pihak ketiga menurut arahan pemegang amanah;
- Bertindak sebagai ejen untuk letakan pasaran wang apabila berkenaan, menurut arahan pemegang amanah;
- Menyebarkan pengumuman syarikat tersenarai kepada dan membuat susulan lanjut untuk arahan tindakan korporat daripada pemegang amanah;
- Menyusun, menyediakan dan menyerahkan laporan pemegangan kepada pemegang amanah dan pemilik benefisial, di mana berkenaan; dan
- Pembayaran ad hoc lain untuk kerja yang dilakukan untuk dana menurut arahan pemegang amanah, dan lain-lain.

MTB telah mewakilkan fungsi penjagaannya bagi pelaburan asing dana kepada Citibank N.A., cawangan Singapura. Citibank N.A. Cawangan Singapura didaftarkan di Singapura oleh Accounting and Corporate Regulatory Authority of Singapore pada 6 Januari 1927. Citibank N.A. di Singapura mula menyediakan perkhidmatan sekuriti pada pertengahan 1970an dan produk penjagaan global yang beroperasi sepenuhnya dilancarkan pada awal 1990an. Sehingga kini, perniagaan perkhidmatan sekuriti mereka mempunyai pelbagai klien, termasuk bank, pengurus dana, peniaga broker dan syarikat insurans.

Peranan dan tanggungjawab wakil pemegang amanah, Citibank N.A. Singapore adalah seperti berikut:

- Bertindak sebagai sub-penjaga bagi pelaburan dana rentas sempadan terpilih, termasuk membuka akaun tunai dan akaun penjagaan serta menyimpan selamat aset dana seperti ekuiti, bon dan aset lain.
- Bertindak sebagai ejen pembayar bagi pelaburan rentas sempadan terpilih, termasuk perkhidmatan penyelesaian perdagangan dan perkhidmatan pemindahan dana.
- Menyediakan maklumat tindakan korporat atau kelayakan yang terbit daripada aset dasar di atas dan menyediakan laporan berkala berhubung aktiviti portfolio yang dilabur.

Kedua-dua penjaga hanya bertindak menurut arahan daripada pemegang amanah.

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## PEMEGANG AMANAH (CONT'D)

### *Litigasi dan Timbang Tara Penting*

Sehingga 29 Mac 2023, MTB tidak terlibat dalam sebarang litigasi dan timbang tara yang penting, sama ada sebagai plaintif atau defendan dan pemegang amanah tidak mempunyai pengetahuan berhubung sebarang prosiding yang belum selesai atau terancam atau sebarang fakta yang berkemungkinan menyebabkan sebarang prosiding yang boleh memberi kesan ketara dan buruk ke atas kedudukan kewangan atau perniagaannya.

### **5.5 PROFIL KORPORAT CIMB COMMERCE TRUSTEE BERHAD (“CCTB”)**

CCTB diperbadankan pada 25 Ogos 1994 dan didaftarkan sebagai syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 dan mempunyai pejabat berdaftar di Tingkat 13, Menara CIMB, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral 50470, Kuala Lumpur, Malaysia. Pemegang Amanah ini layak untuk bertindak sebagai pemegang amanah bagi skim pelaburan kolektif yang diluluskan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. CCTB telah terlibat dalam industri amanah saham sebagai pemegang amanah sejak 1996. Ia bertindak sebagai Pemegang Amanah kepada pelbagai dana amanah saham, amanah pelaburan harta tanah, dana borong, skim persaraan swasta dan dana dagangan bursa.

### *Perwakilan Fungsi Penjaga*

CCTB telah mewakilkan fungsi penjagaannya kepada CIMB Bank Berhad (CIMB Bank). Syarikat induk muktamad CIMB Bank iaitu CIMB Group Holdings Berhad, sebuah syarikat tersenarai di Bursa Malaysia. CIMB Bank menyediakan perkhidmatan penjagaan lengkap, iaitu penjelasan, penyelesaian dan penyimpanan selamat semua jenis aset dan kelas pelaburan kepada pelbagai pelabur dan pangkalan klien pengantara domestik dan luar negara.

Bagi aset tempatan dalam Ringgit, ia dipegang melalui anak syarikat penama milik sepenuhnya, CIMB Group Nominees (Tempatan) Sdn Bhd. Bagi aset asing bukan dalam Ringgit, CIMB Bank melantik penjaga global sebagai bank ejennya untuk menjelaskan, menyelesaikan dan simpan selamat bagi pihaknya dan menurut arahannya.

CCTB telah mewakilkan fungsi penjagaan bagi pelaburan asing dana kepada Citibank N.A., cawangan Singapura. Citibank N.A. Cawangan Singapura didaftarkan di Singapura oleh Accounting and Corporate Regulatory Authority of Singapore pada 6 Januari 1927. Citibank N.A. di Singapura mula menyediakan perkhidmatan sekuriti pada pertengahan 1970an dan produk jagaan global yang beroperasi sepenuhnya telah dilancarkan pada awal 1990an. Sehingga kini, perniagaan perkhidmatan sekuritinya mempunyai pelbagai klien, termasuk bank, pengurus dana, peniaga broker dan syarikat insurans.

Semua pelaburan didaftarkan secara automatik di atas nama dana. CIMB Bank Berhad dan Citibank N.A. hanya bertindak menurut arahan daripada pemegang amanah.

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## PEMEGANG AMANAH (CONT'D)

Peranan dan tugas wakil pemegang amanah, iaitu CIMB Bank Berhad dan Citibank N.A. Singapore, adalah seperti berikut:

- Bertindak sebagai penjaga bagi pelaburan dana rentas sempadan terpilih, termasuk membuka akaun tunai dan akaun jagaan dan menyimpan selamat aset dana seperti ekuiti, bon dan aset lain.
- Bertindak sebagai ejen pembayar bagi pelaburan rentas sempadan terpilih, termasuk perkhidmatan penyelesaian perdagangan dan perkhidmatan pemindahan dana.
- Menyediakan maklumat tindakan korporat atau kelayakan yang terbit daripada aset dasar di atas dan menyediakan laporan berkala berhubung aktiviti portfolio yang dilabur.

### *Litigasi dan Timbang Tara Penting*

CCTB tidak terlibat dalam sebarang litigasi dan timbang tara penting, sama ada sebagai plaintif atau defendan, dan pemegang amanah tidak mempunyai pengetahuan berhubung sebarang prosiding yang belum selesai atau terancam atau sebarang fakta yang berkemungkinan menyebabkan sebarang prosiding yang boleh mempunyai kesan ketara dan buruk ke atas kedudukan kewangan atau perniagaannya.

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.

## 6 PENASIHAT SYARIAH

### 6.1 MAKLUMAT AM TENTANG ZICO SHARIAH

ZICO Shariah Advisory Services Sdn. Bhd. (ZICO Shariah) ialah Penasihat Syariah bagi dana Islam kami. ZICO Shariah ialah ahli ZICO Holdings dan berdaftar dengan SC untuk memberikan nasihat berkaitan penerbitan sukuk, dana Islam dan produk dan instrumen pasaran modal Islam lain. Ia juga mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia untuk memberikan perkhidmatan nasihat Syariah, kajian Syariah dan audit Syariah kepada institusi kewangan Islam. ZICO Shariah mempunyai melebihi 13 tahun pengalaman sebagai penasihat Syariah.

### 6.2 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENASIHAT SYARIAH

Peranan dan tanggungjawab Penasihat Syariah termasuk:

1. Memastikan bahawa pengendalian dan pelaburan dana mematuhi prinsip/keperluan Syariah;
2. Menyediakan kepakaran dan bimbingan untuk dana dalam semua urusan dari perspektif prinsip Syariah, termasuk surat ikatan dan Prospektus Induk dana, struktur dan proses pelaburannya, dan urusan pengendalian dan pentadbiran lain;
3. Merujuk kepada SC, yang mungkin merujuk kepada SACSC, apabila terdapat sebarang kekaburan atau ketakpastian berhubung pelaburan, instrumen, sistem, prosedur dan/atau proses;
4. Meneliti laporan pematuhan dana sebagaimana yang disediakan oleh pegawai pematuhan pengurus, laporan urus niaga yang disediakan oleh atau diluluskan dengan sewajarnya oleh pemegang amanah dan sebarang laporan lain yang dianggap perlu untuk memastikan yang pelaburan dana adalah sejajar dengan prinsip Syariah;
5. Menyediakan laporan untuk disertakan dalam laporan setengah tahunan dan laporan tahunan dana yang mengesahkan sama ada dana telah diurus dan ditadbir menurut prinsip Syariah;
6. Memastikan bahawa dana mematuhi sebarang garis panduan, peraturan atau keputusan yang dikeluarkan oleh SC berhubung urusan Syariah;
7. Memeriksa dan memberikan nasihat berhubung bahan promosi dana;
8. Membantu dan menghadiri sebarang mesyuarat ad hoc yang diadakan oleh SC dan/atau pihak berkuasa lain yang berkaitan;
9. Melakukan ijtihad (taakulan intelektual) bagi memastikan semua aspek yang berkait dengan pengendalian dan pelaburan dana adalah patuh Syariah dalam ketiadaan sebarang peraturan, prinsip dan konsep yang disahkan oleh SACSC.

Penasihat Syariah membuat kajian semula secara bulanan ke atas pelaburan dana untuk memastikan kepatuhan terhadap keperluan Syariah sepanjang masa dan mengadakan mesyuarat dengan Pengurus setiap suku tahun untuk mengkaji semula dan memberikan nasihat berkaitan kepatuhan dana kepada keperluan Syariah.

Sila layari <https://www.publicmutual.com.my/Menu/Corporate/Shariah-Adviser> untuk maklumat lanjut berkenaan profil pegawai yang bertanggungjawab ke atas urusan Syariah yang berkait dengan dana.

**Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.**

## 7 SYARAT PENTING SURAT IKATAN

### 7.1 HAK DAN LIABILITI PEMEGANG UNIT

*Pemegang unit ialah individu yang didaftarkan dalam daftar sebagai pemegang unit atau pecahan unit dalam dana/kelas yang secara automatik memberikannya hak dan kepentingan dalam dana/kelas.*

Pemegang unit mempunyai hak berhubung dana/kelas di mana mereka memegang unit, seperti berikut:

- menerima agihan dana/kelas (jika ada) dan mengambil bahagian dalam sebarang kenaikan nilai modal unit.
- mengadakan mesyuarat pemegang unit, dan mengundi untuk menyingkirkan pemegang amanah atau Pengurus melalui Resolusi Khas.
- menggunakan hak bertenang, jika berkenaan.
- menerima laporan tahunan dan setengah tahunan dana.
- menggunakan hak dan keistimewaan lain sebagaimana yang diperuntukkan dalam Surat Ikatan.

Tidak ada pemegang unit yang berhak untuk meminta pemindahan kepadanya sebarang aset yang terdapat dalam dana atau berhak untuk campur tangan dalam atau mempersoalkan tugas pemegang amanah atau Pengurus bagi pihaknya akan hak pemegang amanah sebagai pemilik aset itu.

Tidak ada pemegang unit, yang disebabkan oleh peruntukan dalam Surat Ikatan dan hubungan yang wujud melaluinya di antara pemegang unit, pemegang amanah dan Pengurus, akan bertanggungjawab ke atas sebarang jumlah berlebihan bagi harga belian yang dibayar untuk unit tersebut, dan tidak bertanggungjawab untuk melindungi pemegang amanah dan/atau Pengurus sekiranya liabiliti yang ditanggung oleh pemegang amanah dan Pengurus di atas nama atau bagi pihak dana selaras dengan dan/atau dalam melaksanakan peruntukan Surat Ikatan melebihi aset dana, dan sebarang hak ganti rugi pemegang amanah dan/atau Pengurus adalah terhad kepada bantuan ke atas dana. Pemegang unit sesebuah kelas tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang liabiliti kelas lain.

### 7.2 YURAN DAN CAJ MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH SURAT IKATAN

Dana	Yuran pengurusan	Yuran pemegang amanah	Caj jualan	Caj penebusan
PBGF dan PBBF	2.0% setahun daripada NAB.	Tidak melebihi 0.15% setahun, dihitung harian berdasarkan NAB.	7% daripada NAB seunit.	3% daripada NAB seunit.
PBAEF dan PBADSQF	1.6% setahun daripada NAB.	Tidak melebihi 0.06% setahun, dihitung harian berdasarkan NAB, tetapi tertakluk kepada sebarang yuran minimum (termasuk yuran penjagaan) setahun dan/atau yuran maksimum (termasuk yuran penjagaan) setahun sebagaimana yang dipersetujui oleh Pengurus dan pemegang amanah.	7% daripada NAB seunit.	3% daripada NAB seunit.

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## SYARAT PENTING SURAT IKATAN (SAMB)

Dana	Yuran pengurusan	Yuran pemegang amanah	Caj jualan	Caj penebusan
PBADF, PBEPEF, PBCPEF, PBCEAF, PBCAUEF, PBIAEF, PBIASSF, PBAREIF, PBADBF, PBINDOBF, PBINFBF, PBBOND dan PBSKF	1.8% setahun daripada NAB.	Tidak melebihi 0.08% setahun, dihitung harian berdasarkan NAB, tetapi tertakluk kepada yuran minimum (termasuk yuran penjagaan) sebanyak RM18,000 setahun.	7% daripada NAB seunit.	3% daripada NAB seunit.
PBSGA30EF, PBAPENTF, PBAEGF, PBGSQF dan PBDYNAF	2.0% setahun daripada NAB.	Tidak melebihi 0.08% setahun, dihitung harian berdasarkan NAB, tetapi tertakluk kepada yuran minimum (termasuk yuran penjagaan) sebanyak RM18,000 setahun.	7% daripada NAB seunit.	3% daripada NAB seunit.
PBGEF, PDBBEF, PBSCGF, PBAPDF, PBA30EF, PBACSF, PBGTHE, PBGOPF, PBGCASF, PBVG40F, PBUSEF, PBISCF, PBMAC, PBIDYNAF dan PBBSQF	2.0% setahun daripada NAB.	Tidak melebihi 0.06% setahun, dihitung harian berdasarkan NAB, tetapi tertakluk kepada sebarang yuran minimum (termasuk yuran penjagaan) setahun dan/atau yuran maksimum (termasuk yuran penjagaan) setahun sebagaimana yang dipersetujui oleh Pengurus dan pemegang amanah.	7% daripada NAB seunit.	3% daripada NAB seunit.
PBIEF, PBMAGRF dan PBIBF	1.5% setahun daripada NAB.	Tidak melebihi 0.06% setahun, dihitung harian berdasarkan NAB, tetapi tertakluk kepada sebarang yuran minimum (termasuk yuran penjagaan) setahun dan/atau yuran maksimum (termasuk yuran penjagaan) setahun sebagaimana yang dipersetujui oleh Pengurus dan pemegang amanah.	7% daripada NAB seunit.	3% daripada NAB seunit.
PBFI	1.0% setahun daripada NAB.	Tidak melebihi 0.10% setahun, dihitung harian berdasarkan NAB.	3% daripada NAB seunit.	3% daripada NAB seunit.

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## SYARAT PENTING SURAT IKATAN (SAMB')

Dana	Yuran pengurusan	Yuran pemegang amanah	Caj jualan	Caj penebusan
PBASF	1.8% setahun daripada NAB.	Tidak melebihi 0.035% setahun, dihitung harian berdasarkan NAB, tetapi tertakluk kepada sebarang yuran minimum (termasuk yuran penjagaan) setahun dan/atau yuran maksimum (termasuk yuran penjagaan) setahun sebagaimana yang dipersetujui oleh Pengurus dan pemegang amanah.	7% daripada NAB seunit.	3% daripada NAB seunit.
PBCMF dan PBICMF	1.0% setahun daripada NAB.	Tidak melebihi 0.08% setahun, dihitung harian berdasarkan NAB, tetapi tertakluk kepada yuran minimum (termasuk yuran penjagaan) sebanyak RM18,000 setahun.	1% daripada NAB seunit.	1% daripada NAB seunit.

Yuran dan/atau caj yang lebih rendah daripada yang dinyatakan dalam Surat Ikatan boleh dikenakan. Semua yuran dan caj semasa adalah dinyatakan dalam Prospektus Induk.

Sebarang kenaikan yuran dan/atau caj yang lebih tinggi daripada yang dinyatakan dalam Prospektus Induk semasa boleh dibuat dengan syarat prospektus tambahan diterbitkan dan tidak boleh melebihi jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Surat Ikatan.

Sebarang kenaikan yuran dan/atau caj yang lebih tinggi daripada jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Surat Ikatan mesti diluluskan oleh pemegang unit.

*Semua yuran dan caj di atas mungkin tertakluk kepada cukai dan/atau duti yang dikenakan (jika ada). Pengurus mengenakan caj tersebut dan pemegang unit perlu membayar jumlah sebarang cukai dan/atau duti yang dikenakan ke atas sebarang urus niaga yang dimohon oleh pemegang unit.*

### 7.3 PERBELANJAAN YANG DIBENARKAN YANG BOLEH DIBAYAR OLEH DANA

Hanya perbelanjaan yang berkait secara langsung dan perlu dalam pengendalian dan pentadbiran dana boleh dibayar daripada dana. Perbelanjaan utama yang boleh diperolehi semula secara terus daripada dana termasuk:

- (i) komisen atau yuran yang dibayar kepada broker untuk melaksanakan urus niaga dalam pelaburan dana, yang ditunjukkan dalam nota kontrak atau nota pengesahan atau akaun perbezaan;
- (ii) (apabila fungsi penjagaan asing diwakilkan kepada sub-penjaga), imbuhan yang dibayar kepada sub-penjaga;
- (iii) cukai dan duti lain yang dikenakan ke atas dana oleh kerajaan dan pihak berkuasa lain;
- (iv) yuran dan perbelanjaan lain yang ditanggung dengan teliti oleh juruaudit dan semua yuran profesional dan perakaunan dan pembayaran yang diluluskan oleh pemegang amanah berkaitan;
- (v) yuran untuk penilaian sebarang pelaburan dana;
- (vi) kos yang ditanggung untuk pindaan Surat Ikatan selain untuk kepentingan Pengurus atau pemegang amanah;
- (vii) kos yang ditanggung untuk sebarang mesyuarat pemegang unit selain daripada yang diadakan oleh Pengurus atau pemegang amanah untuk kepentingan mereka sendiri;

**Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.**



## **SYARAT PENTING SURAT IKATAN (SAMB')**

- (viii) kos percetakan dan penghantaran kepada pemegang unit akaun dana, sijil cukai, waran agihan, notis mesyuarat pemegang unit, iklan surat khabar dan kos lain yang serupa yang mungkin diluluskan oleh pemegang amanah berkaitan; dan
- (ix) sebarang perbelanjaan lain yang ditanggung dengan teliti oleh pemegang amanah berkaitan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.

### **7.4 PERSARAAN, PENYINGKIRAN DAN PENGGANTIAN PENGURUS**

Pengurus boleh bersara selepas memberi notis 12 bulan kepada pemegang amanah berhubung hasratnya untuk berbuat demikian, atau dalam tempoh lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Pengurus dan pemegang amanah, untuk digantikan oleh perbadanan lain.

Pengurus boleh disingkir dan perbadanan lain dilantik sebagai pengurus melalui Resolusi Khas pemegang unit semasa mesyuarat pemegang unit yang diadakan menurut Surat Ikatan sama ada oleh pemegang amanah atau pemegang unit.

Pemegang amanah akan mengambil langkah sewajarnya bagi menyingkirkan dan menggantikan Pengurus secepat mungkin selepas menyedari sebarang keadaan berikut:

- (a) Resolusi Khas untuk tujuan tersebut diluluskan dengan sewajarnya oleh pemegang unit semasa mesyuarat yang diadakan untuk tujuan ini;
- (b) Pengurus tidak melaksanakan tanggungjawabnya menurut Surat Ikatan;
- (c) Pengurus gagal atau lalai untuk melaksanakan tugasnya seperti yang dikehendaki oleh pemegang amanah dan pemegang amanah beranggapan bahawa ia adalah untuk kepentingan pemegang unit untuk melakukannya, selepas pemegang amanah memberikan notis dan sebab serta telah mempertimbangkan sebarang penjelasan yang diberikan oleh Pengurus berhubung pendapat tersebut, dan selepas berunding dengan pihak berkuasa berkaitan dan dengan kelulusan pemegang unit; atau
- (d) Pengurus telah dibubarkan (kecuali pembubaran sukarela untuk tujuan percantuman atau penyusunan semula atau suatu tujuan yang serupa) atau telah melantik penerima atau Pengurus telah berhenti menjalankan perniagaan,

dan Pengurus tidak boleh menerima sebarang bayaran tambahan atau faedah berkaitan dengan penyingkiran atau penggantian atau persaraan ini.

Dalam sebarang keadaan yang dinyatakan di atas, Pengurus buat sementara waktu apabila menerima notis seumpamanya daripada pemegang amanah akan berhenti menjadi Pengurus dan pemegang amanah secara bertulis dan dimeterai melantik sebuah perbadanan lain untuk menjadi Pengurus dana tertakluk kepada perbadanan itu menandatangani surat ikatan atau surat-surat ikatan dengan pemegang amanah dan selepas itu bertindak sebagai Pengurus untuk tempoh selebihnya dana.

### **7.5 PERSARAAN, PENYINGKIRAN DAN PENGGANTIAN PEMEGANG AMANAH**

Pemegang amanah boleh bersara selepas memberikan notis 12 bulan kepada Pengurus berhubung hasratnya untuk berbuat demikian, atau dalam tempoh yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Pengurus dan pemegang amanah, dan boleh melantik pemegang amanah baru bagi menggantikannya atau sebagai pemegang amanah tambahan.

Pengurus akan mengambil langkah sewajarnya bagi menyingkirkan dan menggantikan pemegang amanah secepat mungkin selepas menyedari sebarang keadaan seperti berikut:

- (a) Pemegang amanah tidak lagi wujud;
- (b) Pemegang amanah tidak dilantik secara sah;
- (c) Pemegang amanah tidak layak untuk dilantik atau untuk bertindak sebagai pemegang amanah di bawah seksyen 290 CMSA 2007;

**Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.**



## **SYARAT PENTING SURAT IKATAN (SAMB')**

- (d) Pemegang amanah gagal atau enggan bertindak sebagai pemegang amanah menurut peruntukan atau persetujuan Surat Ikatan atau peruntukan CMSA 2007;
- (e) Penerima dilantik ke atas keseluruhan atau sebahagian besar aset atau tugas pemegang amanah sedia ada dan masih belum berhenti untuk bertindak di bawah pelantikan itu, atau petisyen dikemukakan untuk membubarkan pemegang amanah sedia ada (selain daripada untuk tujuan dan diikuti dengan penyusunan semula, kecuali ketika atau selepas penyusunan semula tersebut pemegang amanah sedia ada menjadi atau diisytiharkan tidak mampu bayar); atau
- (f) Pemegang amanah sedang disiasat untuk tindakan yang melanggar Akta Syarikat Amanah 1949, Akta Pemegang Amanah 1949, Akta Syarikat 2016 atau mana-mana undang-undang sekuriti.

Selain perkara yang dinyatakan di atas, pemegang amanah juga boleh disingkirkan dan pemegang amanah lain dilantik melalui Resolusi Khas pemegang unit dalam mesyuarat pemegang unit yang diadakan menurut Surat Ikatan sama ada oleh Pengurus atau pemegang unit.

### **7.6 PENAMATAN DANA**

Dana dan/atau kelas boleh ditamatkan atau dibubarkan apabila berlaku mana-mana perkara di bawah:-

- (a) kelulusan SC dibatalkan di bawah Seksyen 256E CMSA 2007;
- (b) Resolusi Khas diluluskan dalam mesyuarat pemegang unit untuk menamatkan atau membubarkan dana atau kelas berkaitan, berikutan peristiwa yang terjadi seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 301(1) CMSA 2007 dan mahkamah telah mengesahkan resolusi tersebut, seperti yang diperlukan di bawah Seksyen 301(3) CMSA 2007;
- (c) Resolusi Khas diluluskan dalam mesyuarat pemegang unit untuk menamatkan atau membubarkan dana atau kelas; atau
- (d) tarikh kuat kuasa skim pemindahan yang diluluskan, seperti ditakrifkan dalam Garis Panduan SC, yang mengakibatkan dana atau kelas, yang merupakan subjek dalam skim pemindahan, tidak lagi mempunyai aset/harta.

Sesebuah kelas dana boleh ditamatkan jika Resolusi Khas diluluskan dalam mesyuarat pemegang unit kelas tersebut untuk menamatkan kelas dengan syarat bahawa penamatan tersebut tidak secara material menjejaskan kepentingan pemegang unit mana-mana kelas lain dalam dana tersebut.

Tanpa mengambil kira perkara di atas, dana dan/atau mana-mana kelas boleh ditamatkan atau dibubarkan tanpa perlu mendapat kelulusan awal pemegang unit, sebagaimana yang dicadangkan oleh Pengurus dengan persetujuan pemegang amanah (di mana persetujuan tidak boleh ditahan dengan cara yang tidak munasabah) selepas berlakunya mana-mana daripada peristiwa berikut, dengan memberikan notis bertulis tidak kurang daripada tiga (3) bulan kepada pemegang unit sebagaimana dinyatakan seperti berikut:-

- (i) jika mana-mana undang-undang diluluskan yang menjadikannya menyalahi undang-undang atau pada pendapat Pengurus adalah tidak praktikal atau tidak disyorkan untuk meneruskan amanah saham tersebut; atau
- (ii) keadaan penamatan dana dan/atau kelas tersebut adalah untuk kepentingan pemegang unit; atau
- (iii) jika pada pendapat munasabah Pengurus ia adalah tidak praktikal atau tidak disyorkan untuk meneruskan dana dan/atau kelas tersebut.

### **7.7 MESYUARAT PEMEGANG UNIT**

Mesyuarat pemegang unit boleh diadakan oleh Pengurus, pemegang amanah dan/atau pemegang unit. Sebarang mesyuarat seperti itu mesti diadakan menurut Surat Ikatan dan/atau Garis Panduan SC.

Setiap soalan yang ditimbulkan di mana-mana mesyuarat mesti diputuskan dengan serta merta dengan cara mengangkat tangan kecuali jika terdapat tuntutan untuk membuat undian atau jika Surat Ikatan menyatakan ia adalah perkara yang memerlukan Resolusi Khas, maka dalam keadaan ini undian akan diadakan. Dengan pengundian secara mengangkat tangan, setiap pemegang unit yang hadir sendiri atau melalui proksi layak untuk satu undian.

**Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.**



## SYARAT PENTING SURAT IKATAN (SAMB')

Kuorum untuk mesyuarat pemegang unit dana atau kelas, mengikut keadaan, ialah 5 pemegang unit dana atau kelas tersebut, mengikut keadaan, sama ada hadir sendiri atau melalui proksi, dengan syarat bahawa untuk mesyuarat yang memerlukan Resolusi Khas, kuorum untuk mesyuarat tersebut ialah 5 pemegang unit, sama ada hadir sendiri atau melalui proksi, yang memegang dalam agregat sekurang-kurangnya 25% daripada unit dalam terbitan untuk dana atau kelas itu, mengikut keadaan, ketika mesyuarat tersebut. Jika dana atau kelas, mengikut keadaan, mempunyai 5 atau kurang pemegang unit, kuorum yang diperlukan ialah 2 pemegang unit, sama ada hadir sendiri atau melalui proksi, dan sekiranya mesyuarat tersebut memerlukan Resolusi Khas, kuorum untuk mesyuarat tersebut ialah 2 pemegang unit, sama ada hadir sendiri atau melalui proksi, yang memegang dalam agregat sekurang-kurangnya 25% daripada unit dalam terbitan untuk dana atau kelas itu, mengikut keadaan, ketika mesyuarat tersebut. Bagi dana atau kelas, mengikut keadaan, yang mempunyai 1 pemegang unit, maka pemegang unit tersebut, sama ada hadir sendiri atau melalui proksi, pada masa mesyuarat akan membentuk kuorum.

### 7.8 KELAS UNIT

Pengurus mempunyai hak tunggal dan mutlak untuk menerbitkan dan/atau menubuhkan unit kelas lain, berbeza atau yang baharu untuk PBCMF dan PBICMF dengan ciri-ciri berbeza dan/atau serupa termasuk tetapi tidak terhad kepada yuran, caj, mata wang dan/atau dasar agihan dengan unit sedia ada tanpa perlu mendapatkan kelulusan awal pemegang unit dengan syarat penerbitan kelas lain dan pengenaan terma pada pendapat Pengurus dan pemegang amanah tidak menjejaskan hak pemegang unit kelas semasa bagi PBCMF dan PBICMF. Apabila kelas baharu ditubuhkan atau diterbitkan, unit-unit dalam kelas sedia ada dan mana-mana unit lain boleh diperuntuk semula selagi ia tidak menjejaskan pemegang unit sedia ada bagi kelas unit tersebut secara keseluruhannya.

*Dana ditadbir oleh surat ikatan induk bertarikh 9 Ogos 2022 dan surat ikatan induk tambahan berikut:*

<u>Surat Ikatan Induk</u>		<u>Surat Ikatan Induk</u>	
<u>Tambahan</u>	<u>Tarikh</u>	<u>Tambahan</u>	<u>Tarikh</u>
Pertama	8 Ogos 2005	Kedua puluh tiga	27 Julai 2012
Kedua	16 Februari 2006	Kedua puluh empat	28 Januari 2014
Ketiga	26 April 2006	Kedua puluh lima	28 November 2014
Keempat	23 November 2006	Kedua puluh enam	16 Februari 2015
Kelima	28 Mac 2007	Kedua puluh tujuh	22 April 2015
Keenam	18 April 2007	Kedua puluh lapan	30 Julai 2015
Ketujuh	27 Jun 2007	Kedua puluh sembilan	18 Januari 2016
Kelapan	6 Julai 2007	Ketiga puluh	22 November 2016
Kesembilan	20 Julai 2007	Ketiga puluh satu	9 Januari 2017
Kesepuluh	20 Julai 2007	Ketiga puluh dua	15 Jun 2017
Kesebelas	6 Disember 2007	Ketiga puluh tiga	23 November 2017
Kedua belas	17 Mac 2008	Ketiga puluh empat	3 Januari 2018
Ketiga belas	11 April 2008	Ketiga puluh lima	18 Mei 2018
Keempat belas	11 Jun 2008	Ketiga puluh enam	24 Oktober 2018
Kelima belas	18 November 2009	Ketiga puluh tujuh	9 April 2019
Keenam belas	24 Mac 2010	Ketiga puluh lapan	2 Julai 2019
Ketujuh belas	3 Mei 2010	Ketiga puluh sembilan	27 Disember 2019
Kelapan belas	7 Oktober 2010	Keempat puluh	29 Mei 2020
Kesembilan belas	14 Jun 2011	Keempat puluh satu	28 Julai 2020
Kedua puluh	22 September 2011	Keempat puluh dua	19 November 2020
Kedua puluh satu	15 November 2011	Keempat puluh tiga	2 September 2022
Kedua puluh dua	25 Jun 2013		

**Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.**



## PERCUKAIAN DANA DAN PEMEGANG UNIT

Public Mutual Berhad  
8<sup>th</sup> Floor, Menara Public Bank 2  
No. 78, Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur

21 Mac 2023

Tuan

### Per: Percukailan ke atas Dana-dana dan Pemegang-pemegang Unit

Surat ini disediakan untuk disertakan dalam Prospektus Induk Gantian 1 bagi Dana-dana Siri PB (di dalam versi Bahasa Malaysia) yang bertarikh 1 Disember 2023 (terjemahan daripada versi Bahasa Inggeris Replacement Master Prospectus I of PB Series of Funds yang bertarikh 28 Ogos 2023) berhubung dengan tawaran unit PB Growth Fund (PB Dana Tumbuh), PB Asia Equity Fund (PB Dana Ekuiti Asia), PB ASEAN Dividend Fund (PB Dana Dividen ASEAN), PB Euro Pacific Equity Fund (PB Dana Ekuiti Euro Pasifik), PB China Pacific Equity Fund (PB Dana Ekuiti China Pasifik), PB China ASEAN Equity Fund (PB Dana Ekuiti China ASEAN), PB China Australia Equity Fund (PB Dana Ekuiti China Australia), PB Singapore Advantage-30 Equity Fund (PB Dana Ekuiti Kelebihan-30 Singapura), PB Asia Pacific Enterprises Fund (PB Dana Perusahaan Asia Pasifik), PB Asia Emerging Growth Fund (PB Dana Tumbuh Pasaran Baru Asia), PB Growth Sequel Fund (PB Dana Sekuel Tumbuh), PB Global Equity Fund (PB Dana Ekuiti Global), PB Dividend Builder Equity Fund (PB Dana Ekuiti Bina Dividen), PB SmallCap Growth Fund (PB Dana Tumbuh Modal Kecil), PB ASEAN Dividend Sequel Fund (PB Dana Sekuel Dividen ASEAN), PB Asia Pacific Dividend Fund (PB Dana Dividen Asia Pasifik), PB Asia-30 Equity Fund (PB Dana Ekuiti Asia-30), PB Asia Consumer Sector Fund (PB Dana Sektor Pengguna Asia), PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan), PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global), PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China), PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40), PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle), PB Islamic Equity Fund (PB Dana Ekuiti Islamik), PB Islamic Asia Equity Fund (PB Dana Ekuiti Asia Islamik), PB Islamic Asia Strategic Sector Fund (PB Dana Sektor Strategik Asia Islamik), PB Islamic SmallCap Fund (PB Dana Modal Kecil Islamik), PB Dynamic Allocation Fund (PB Dana Alokasi Dinamik), PB Mixed Asset Conservative Fund (PB Dana Aset Campuran Konservatif), PB Mixed Asset Growth Fund (PB Dana Aset Tumbuh Campuran), PB Islamic Dynamic Allocation Fund (PB Dana Alokasi Dinamik Islamik), PB Balanced Fund (PB Dana Imbang), PB Asia Real Estate Income Fund (PB Dana Pendapatan Hartanah Asia), PB Australia Dynamic Balanced Fund (PB Dana Imbang Dinamik Australia), PB Indonesia Balanced Fund (PB Dana Imbang Indonesia), PB Balanced Sequel Fund (PB Dana Sekuel Imbang), PB Fixed Income Fund (PB Dana Pendapatan Tetap), PB Infrastructure Bond Fund (PB Dana Bon Infrastruktur), PB Bond Fund (PB Dana Bon), PB Islamic Bond Fund (PB Dana Bon Islamik), PB Sukuk Fund (PB Dana Sukuk), PB Aiman Sukuk Fund (PB Dana Sukuk Aiman), PB Cash Management Fund (PB Dana Pengurusan Tunai) dan PB Islamic Cash Management Fund (PB Dana Pengurusan Tunai Islamik) ("Dana-dana").

### Percukailan ke atas Dana-dana

#### *Cukai Pendapatan*

Dana-dana dianggap sebagai unit amanah saham bagi tujuan percukailan di Malaysia. Dengan ini, percukailan Dana-dana adalah di bawah pentadbiran Seksyen-seksyen 61 dan 63B Akta Cukai Pendapatan, 1967 ("Akta").

Tertakluk kepada pengecualian tertentu, pendapatan Dana-dana berhubung dengan pendapatan pelaburan yang diperolehi dari atau diakru dalam Malaysia akan dikenakan cukai pendapatan pada kadar 24% berkuat kuasa dari Tahun Taksiran ("TT") 2016.

Dana-dana mungkin menerima pendapatan dividen, faedah dan pendapatan lain daripada pelaburan di luar Malaysia. Sebelum ini, pendapatan yang diterbitkan daripada sumber-sumber di luar Malaysia dan diterima di Malaysia akan dikecualikan cukai pendapatan Malaysia. Walau bagaimanapun, pendapatan seumpama mungkin tertakluk kepada cukai di negara di mana ia diterbitkan.

**Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.**



## PERCUKAIAN DANA DAN PEMEGANG UNIT (SAMB')

Berdasarkan Akta Kewangan 2021, pendapatan yang diperolehi oleh unit amanah pemastautin daripada sumber-sumber asing dan diterima di Malaysia mulai 1 Januari 2022 dan seterusnya akan tertakluk kepada cukai pendapatan Malaysia. Kadar cukai peralihan sebanyak 3% akan dikenakan ke atas jumlah kasar pendapatan asing yang diterima di Malaysia dari 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022. Mulai 1 Julai 2022, kadar cukai semasa sebanyak 24% akan dikenakan ke atas pendapatan bercukai yang dikira daripada pendapatan sumber asing yang diterima di Malaysia oleh Dana-dana.

Sekiranya pendapatan asing yang sama dikenakan cukai di Malaysia dan negara asing, kredit cukai dalam bentuk pelepasan kredit dua belah pihak di bawah Perjanjian Cukai Dua Kali ("DTA") atau pelepasan kredit sebelah pihak di bawah undang-undang domestik (sekiranya tiada DTA atau terdapat DTA terhad yang tidak memperuntukkan pelepasan seumpama) boleh dituntut ke atas pendapatan sedemikian, tertakluk kepada syarat-syarat.

Keuntungan modal daripada realisasi pelaburan oleh Dana-dana tidak akan dikenakan cukai pendapatan di Malaysia. Walau bagaimanapun, keuntungan seumpama mungkin tertakluk kepada cukai di negara di mana ia diterbitkan.

Di bawah Seksyen 2(7) Akta, apa-apa rujukan berkenaan faedah dalam Akta hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, kepada perolehan atau keuntungan yang diterima dan perbelanjaan yang dilakukan, sebagai ganti bagi faedah, dalam transaksi yang dijalankan menurut prinsip-prinsip Syariah.

Perolehan atau keuntungan yang diterima oleh Dana-dana dari sumber berikut akan dikecualikan cukai:-

- sebarang sijil-sijil simpanan yang dikeluarkan oleh Kerajaan; atau
- sekuriti-sekuriti atau bon-bon yang dikeluarkan atau dijamin oleh Kerajaan; atau
- debentur atau sukuk, selain saham pinjaman boleh tukar, yang diluluskan atau dibenarkan oleh, atau dikemukakan kepada Suruhanjaya Sekuriti; atau
- Bon Simpanan Malaysia yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia; atau
- bank atau institusi kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013<sup>N1</sup>; atau
- institusi kewangan pembangunan yang dikawal oleh Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002<sup>N1</sup>; atau
- sukuk yang berasal dari Malaysia, selain saham pinjaman boleh tukar, yang dikeluarkan dalam mata wang selain daripada Ringgit dan diluluskan atau dibenarkan oleh, atau dikemukakan kepada Suruhanjaya Sekuriti atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan<sup>N2</sup>.

Diskaun diterima oleh Dana-dana dari sumber berikut juga dikecualikan daripada cukai:-

- sekuriti-sekuriti atau bon-bon yang dikeluarkan atau dijamin oleh Kerajaan; atau
- debentur atau sukuk, selain saham pinjaman boleh tukar, yang diluluskan atau dibenarkan oleh, atau dikemukakan kepada Suruhanjaya Sekuriti; atau
- Bon Simpanan Malaysia yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Tolakan cukai berkenaan perbelanjaan Dana-dana seperti ganjaran pengurus, perbelanjaan penyelenggaraan daftar pemegang unit, perbelanjaan pendaftaran saham, yuran kesetiausahaan, yuran audit dan perakaunan, bil telefon, kos pencetakan dan kos alat tulis serta perbelanjaan pos ("perbelanjaan dibenarkan") ditentukan mengikut formula yang ditetapkan iaitu potongan amaun minima 10% dan maksima 25% daripada jumlah perbelanjaan dibenarkan.

Dividen Malaysia diterima oleh Dana-dana di bawah sistem cukai 'single-tier' akan dikecualikan cukai dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Dana-dana berkaitan pendapatan dividen tersebut akan diabaikan.

<sup>N1</sup> Berkuat kuasa dari 1 Januari 2019, pengecualian tidak terpakai kepada faedah yang dibayar atau dikreditkan kepada unit amanah yang merupakan dana pasaran wang pemorong.

<sup>N2</sup> Berkuat kuasa dari TT 2017, pengecualian cukai pendapatan tidak terpakai kepada faedah yang dibayar atau dikreditkan kepada syarikat dalam kumpulan yang sama, bank-bank berlesen dan institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan. Berdasarkan Akta Kewangan 2021, pengecualian cukai pendapatan juga tidak terpakai kepada faedah yang dibayar atau dikreditkan oleh syarikat tujuan khas kepada syarikat menurut terbitan sekuriti bersandarkan aset yang dikemukakan kepada Suruhanjaya Sekuriti atau diluluskan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dari 1 Januari 2022 yang mana syarikat dan orang yang mewujudkan syarikat bertujuan khas bagi tujuan terbitan sekuriti bersandarkan aset sahaja adalah dalam kumpulan yang sama.

**Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.**



## PERCUKAIAN DANA DAN PEMEGANG UNIT (SAMB')

### *Cukai Keuntungan Harta Tanah ("CKHT")*

Keuntungan ke atas pelupusan pelaburan oleh Dana-dana tidak dikenakan cukai pendapatan di Malaysia. Walau bagaimanapun, keuntungan sedemikian mungkin tertakluk kepada CKHT di Malaysia, sekiranya keuntungan tersebut diperoleh daripada pelupusan harta tanah Malaysia dan saham dalam syarikat harta tanah Malaysia (seperti yang didefinisi). Keuntungan tersebut akan tertakluk kepada CKHT pada kadar yang dikenakan bergantung kepada tempoh pegangan aset yang boleh dikenakan cukai.

### *Cukai Jualan dan Perkhidmatan*

Cukai Barangan dan Perkhidmatan ("GST") telah digantikan oleh Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan berkuat kuasa mulai 1 September 2018.

Di bawah Akta Cukai Jualan 2018, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan undang-undang subsidiari, kadar cukai jualan bagi barang bercukai ialah 5% atau 10% manakala kadar cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan bercukai secara amnya ialah 6%. Terdapat barangan tertentu yang dikecualikan daripada cukai jualan.

Penerbitan, pegangan atau penebusan sesuatu unit di bawah dana unit amanah tidak termasuk dalam senarai perkhidmatan yang kena dibayar cukai di bawah Jadual Pertama Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, maka tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Aktiviti pelaburan Dana-dana seperti membeli dan menjual sekuriti dan deposit dalam institusi kewangan juga tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Oleh itu, sekiranya Dana-dana hanya memperoleh pendapatan daripada aktiviti tersebut, Dana-dana tidak perlu berdaftar untuk cukai perkhidmatan.

Walaupun bagaimanapun, perbelanjaan tertentu yang ditanggung oleh Dana-dana seperti yuran guaman, fi perundingan dan yuran pengurusan mungkin tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar 6%. Bagi yuran pengurusan, ini tidak termasuk yuran yang dicaj oleh seseorang yang dilesenkan dan didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti bagi menjalankan aktiviti pengurusan dana yang terkawal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Cukai perkhidmatan yang ditanggung oleh Dana-dana merupakan kos kepada Dana-dana dan tidak dapat dituntut balik, tidak seperti cukai input GST yang dapat dituntut di bawah rejim GST.

Berdasarkan Akta Kewangan 2018, pengenaan dan skop cukai perkhidmatan kini telah diluaskan untuk meliputi sebarang perkhidmatan bercukai yang diimport. Ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2019.

## Percukaian ke atas Pemegang-pemegang Unit

### *Cukai Pendapatan*

Pemegang-pemegang unit akan dikenakan cukai ke atas amaun yang sama jumlah dengan bahagian mereka daripada jumlah pendapatan bercukai dana-dana setakat ianya diagihkan kepada mereka. Pengagihan pendapatan daripada Dana-dana tersebut mungkin mengandungi kredit cukai mengikut pembahagian jumlah pendapatan bercukai berkenaan dengan cukai yang dibayar oleh Dana-dana bagi setiap pemegang unit. Pemegang-pemegang unit berhak menggunakan kredit cukai tersebut untuk mengurangkan tanggungan cukai masing-masing. Sebarang lebihan terhadap liabiliti cukai akan dikembalikan kepada pemegang-pemegang unit.

Pemegang-pemegang unit korporat, sama ada pemastautin atau bukan pemastautin di Malaysia, akan dikenakan kadar cukai korporat 24% (berkuat kuasa dari TT 2016) ke atas pengagihan pendapatan daripada Dana-dana setakat amaun yang sama jumlah dengan bahagian mereka berkenaan dengan jumlah pendapatan bercukai Dana-dana. Pemegang-pemegang unit korporat di Malaysia dengan modal berbayar bagi saham biasa sebanyak RM2.5 juta ke bawah akan dikenakan cukai pada kadar 17% ke atas pendapatan bercukai sehingga RM600,000, berkuat kuasa dari TT 2020. Kadar cukai pendapatan konsesi ini hanya diberikan kepada pemegang-pemegang unit korporat yang mempunyai pendapatan perniagaan kasar tidak melebihi RM50 juta untuk tahun taksiran tersebut, sebagai tambahan kepada syarat modal saham. Untuk pendapatan bercukai yang melebihi RM600,000, kadar cukai sebanyak 24% akan dikenakan.

**Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.**



## PERCUKAIAN DANA DAN PEMEGANG UNIT (SAMB')

Namun, kadar cukai sebanyak 17% ke atas pendapatan bercukai bagi RM600,000 yang pertama tidak akan terpakai sekiranya lebih daripada 50% daripada modal berbayar bagi saham biasa pemegang-pemegang unit korporat tersebut dipegang secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat berkaitan yang mempunyai modal berbayar bagi saham biasa melebihi RM2.5 juta; atau sebaliknya, atau melebihi 50% daripada modal berbayar bagi saham biasa kedua-dua syarikat tersebut dipegang secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat lain.

Berdasarkan Bil Kewangan 2023, cadangan pengurangan kadar cukai dari 17% kepada 15% untuk pendapatan bercukai bagi RM150,000 yang pertama telah diusulkan. Sementara itu, kadar cukai bagi pendapatan bercukai dari RM150,001 hingga RM600,000 akan kekal pada kadar 17%. Bagi pendapatan bercukai yang melebihi RM600,000, kadar cukai 24% akan dikenakan. Cadangan tersebut akan berkuat kuasa mulai TT 2023.

Selain daripada syarat-syarat semasa yang dinyatakan di atas, kadar cukai keutamaan baharu yang telah diusulkan tidak akan terpakai sekiranya lebih daripada 20% modal berbayar bagi saham biasa syarikat tersebut pada permulaan tempoh asas bagi satu TT dipegang secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat atau syarikat-syarikat yang ditubuhkan di luar Malaysia atau individu atau individu-individu yang bukan warganegara Malaysia. Cadangan tersebut akan berkuat kuasa mulai TT 2024.

Berdasarkan Akta Kewangan 2021, kadar cukai korporat sebanyak 33% ("Cukai Makmur") akan dikenakan ke atas pemegang-pemegang unit korporat dengan pendapatan bercukai melebihi RM100 juta. Pemegang-pemegang unit korporat dengan pendapatan bercukai di bawah RM100 juta masih akan dikenakan cukai pada kadar 24%. Namun, pendapatan bercukai yang berkenaan dengan pendapatan sumber asing yang diterima di Malaysia mulai 1 Julai 2022 dan seterusnya akan dikecualikan daripada pelaksanaan Cukai Makmur, yang dikira berdasarkan formula yang ditetapkan. Ini berkuat kuasa untuk TT 2022 sahaja.

Kadar cukai sebanyak 33% ke atas pendapatan bercukai melebihi RM100 juta tidak akan dikenakan ke atas pemegang-pemegang unit korporat di Malaysia yang layak untuk menerima kadar cukai keutamaan sebanyak 17% ke atas pendapatan bercukai sehingga RM600,000.

Pemegang-pemegang unit individu dan pemegang-pemegang unit bukan korporat yang lain yang bermastautin di Malaysia akan dikenakan cukai pendapatan pada kadar bersengat. Skala kadar cukai berjulat daripada 0% hingga 30% berkuat kuasa dari TT 2020.

Pemegang-pemegang unit individu dan pemegang-pemegang unit bukan korporat yang lain yang tidak bermastautin di Malaysia, bagi tujuan percukain, akan dikenakan cukai pendapatan pada kadar 30% berkuat kuasa dari TT 2020. Pemegang-pemegang unit bukan pemastautin kemungkinannya akan dikenakan cukai di bidang kuat kuasa perundangan masing-masing tertakluk kepada peruntukan undang-undang cukai yang berkaitan serta perjanjian cukai dua kali dengan Malaysia, cukai yang dikenakan di Malaysia kemungkinannya diberi kredit cukai di bidang kuat kuasa cukai perundangan masing-masing.

Pengagihan dividen Malaysia di bawah sistem cukai 'single-tier' dan pendapatan yang dikecualikan cukai tidak akan dikenakan cukai dalam tangan pemegang-pemegang unit di Malaysia. Pecahan unit oleh Dana-dana juga akan dikecualikan cukai di Malaysia dalam tangan pemegang-pemegang unit.

Namun, berdasarkan Akta Kewangan 2021, pendapatan yang diagihkan kepada seorang pemegang unit selain daripada seorang individu, daripada pendapatan faedah yang dikecualikan cukai daripada sebuah unit amanah yang merupakan dana pasaran wang runcit yang dibayar atau dikreditkan oleh sebuah bank atau institusi kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, atau institusi kewangan pembangunan lain yang dikawal di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2022 akan dikenakan cukai. Ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022.

**Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.**



## PERCUKAIAN DANA DAN PEMEGANG UNIT (SAMB')

Selanjutnya, mekanisme cukai pegangan baru adalah terpakai untuk agihan di atas. Pendapatan yang diagihkan kepada pemegang-pemegang unit selain daripada seorang individu akan tertakluk kepada cukai pegangan pada kadar sebanyak 24% dan cukai yang telah ditolak boleh digunakan untuk mengurangkan cukai kena dibayar oleh seorang pemegang unit pemastautin cukai. Cukai pegangan yang ditolak daripada pendapatan yang diagihkan kepada seorang pemegang unit bukan pemastautin cukai di Malaysia akan dianggap sebagai cukai terakhir. Ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022.

Sebarang keuntungan yang diperoleh oleh pemegang-pemegang unit (selain daripada institusi kewangan, syarikat insurans dan sesiapa yang terlibat dengan perniagaan sekuriti) daripada pemindahan atau penebusan unit pada umumnya dianggap sebagai keuntungan modal yang tidak dikenakan cukai di Malaysia. Walau bagaimanapun, pemegang-pemegang unit tertentu mungkin akan tertakluk kepada cukai pendapatan di Malaysia ke atas keuntungan sedemikian, disebabkan oleh keadaan-keadaan spesifik pemegang-pemegang unit tersebut.

### **Cukai Perkhidmatan**

Hanya perkhidmatan bercukai yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 tertakluk kepada cukai perkhidmatan, yang mana tidak termasuk pendapatan atau keuntungan pelaburan.

Walaupun bagaimanapun, perbelanjaan tertentu seperti yuran guaman, fi perundingan dan yuran pengurusan mungkin tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar 6%. Bagi yuran pengurusan, ini tidak termasuk yuran yang dicalah oleh seseorang yang dlesenkan dan didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti bagi menjalankan aktiviti pengurusan dana yang terkawal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Berdasarkan Akta Kewangan 2018, pengenaan dan skop cukai perkhidmatan kini telah diluaskan untuk meliputi sebarang perkhidmatan bercukai yang diimport. Ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2019.

Kedudukan cukai yang dinyatakan di atas ialah berdasarkan kepada pemahaman dan tafsiran undang-undang cukai Malaysia dan cadangan pada ketika ini. Semua bakal pelabur dinasihatkan supaya tidak menganggap kandungan surat ini sebagai nasihat berhubung dengan urusan percukaian mereka dan juga dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat daripada penasihat profesional berhubung dengan pelaburan masing-masing.

(Surat ini adalah terjemahan daripada surat versi Bahasa Inggeris yang bertarikh 21 Mac 2023. Jika terdapat sebarang perbezaan, kandungan surat Bahasa Inggeris dianggap muktamad).

Yang benar

Ong Guan Heng  
*Pengarah Eksekutif*

KPMG Tax Services Sdn Bhd

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## DIREKTORI PEJABAT CAWANGAN DAN PUSAT PERKHIDMATAN PELANGGAN PUBLIC MUTUAL

### Ibu Pejabat

Menara Public Bank 2,  
No. 78, Jalan Raja Chulan,  
50200 Kuala Lumpur.  
☎ : 03-20226800 ☎ : 03-20226900  
📠 : 03-20225000  
🌐 : www.publicmutual.com.my

### Pusat Mutual Gold

Menara Public Bank 2,  
No. 78, Jalan Raja Chulan,  
50200 Kuala Lumpur.  
📠 : 03-20225000

## Cawangan dan Pusat Perkhidmatan Pelanggan

### Semenanjung Malaysia

#### Wilayah Utara

##### Alor Setar

8G, Samila Business Centre,  
Lebuhraya Darulaman,  
05100 Alor Setar, Kedah.  
☎ : 04-7366500 ☎ : 04-7364655

##### Ipoh

37 & 39, Persiaran Greentown 4,  
Greentown Business Centre,  
30450 Ipoh, Perak.  
☎ : 05-2462500 ☎ : 05-2559859

##### Sungai Petani

9D & 9E, Jalan Kampung Baru,  
08000 Sungai Petani, Kedah.  
☎ : 04-4558500 ☎ : 04-4230663

##### Seberang Perai

1797-G-04, Kompleks Auto World,  
Jalan Perusahaan, Juru Interchange,  
13600 Prai, Penang.  
☎ : 04-5407500 ☎ : 04-5050005

##### Penang

16, Lintang Burma,  
10250 Pulau Tikus, Penang.  
☎ : 04-2196500 ☎ : 04-2295171

#### Wilayah Tengah

##### 1 Utama Shopping Centre

Lot LG-313-E,  
1, Lebuhraya Bandar Utama,  
Bandar Utama City Centre,  
Bandar Utama,  
47800 Petaling Jaya, Selangor.  
☎ : 03-20225000 ☎ : 03-77263811

##### Cheras

G-3 & G-3A,  
Wisma Aman Elite,  
Desa Aman Cheras,  
56100, Kuala Lumpur.  
☎ : 03-20225000 ☎ : 03-91321022

##### Bangsar

11, 15 & 17, Jalan Bangsar Utama 3,  
Bangsar Utama, 59000 Kuala Lumpur.  
☎ : 03-20225000 ☎ : 03-22835739

##### Klang

28, 30 & 32, Lorong Batu Nilam 3B,  
Bandar Bukit Tinggi,  
41200 Klang, Selangor.  
☎ : 03-20225000 ☎ : 03-33235632

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## DIREKTORI PEJABAT CAWANGAN DAN PUSAT PERKHIDMATAN PELANGGAN PUBLIC MUTUAL (SAMB')

### Wilayah Tengah (samb')

#### Damansara Perdana

1 & 3, Jalan PJU 8/5 I,  
Perdana Business Centre,  
Bandar Damansara Perdana,  
47820 Petaling Jaya, Selangor.  
☎: 03-20225000 ☎: 03-77222475

#### Shah Alam

54 & 56, Jalan Pahat G15/G,  
Kompleks Otomobil,  
Persiaran Selangor,  
Seksyen 15,  
40200 Shah Alam, Selangor.  
☎: 03-20225000 ☎: 03-55139288

#### Puchong

39 & 41, Jalan Puteri 1/4,  
Bandar Puteri Puchong,  
47100 Puchong, Selangor.  
☎: 03-20225000 ☎: 03-80653010

### Wilayah Selatan

#### Batu Pahat

119, Jalan Chengal,  
Taman Makmur,  
83000 Batu Pahat, Johor.  
☎: 07-4363500 ☎: 07-4326588

#### Kluang

3, Jalan Dato Teoh Siew Khor,  
86000 Kluang, Johor.  
☎: 07-7391500 ☎: 07-7736195

#### Muar

46, Jalan Sayang,  
84000 Muar, Johor.  
☎: 06-9562500 ☎: 06-9536830

#### Johor Bahru

B-19, Jalan Molek 1/5A,  
Taman Molek,  
81100 Johor Bahru, Johor.  
☎: 07-3607500 ☎: 07-3548600

#### Melaka

929 & 930, Jalan Merdeka,  
Taman Melaka Raya,  
75000 Melaka.  
☎: 06-2855500 ☎: 06-2837354

#### Seremban

1A & 1B, Jalan Tuanku Munawir,  
70000 Seremban, Negeri Sembilan.  
☎: 06-6372500 ☎: 06-7644237

### Wilayah Pantai Timur

#### Kota Bharu

PT 304 & 305, Jalan Kebun Sultan,  
15300 Kota Bharu, Kelantan.  
☎: 09-7263500 ☎: 09-7476026

#### Kuantan

71 & 73, Jalan Haji Abdul Aziz,  
25000 Kuantan, Pahang.  
☎: 09-5118500 ☎: 09-5161223

#### Kuala Terengganu

1-C, Jalan Air Jernih,  
20300 Kuala Terengganu, Terengganu.  
☎: 09-6321500 ☎: 09-6317030

#### Temerloh

10, 11 & 12, 2<sup>nd</sup> Floor,  
Jalan Ahmad Shah,  
Bandar Sri Semantan,  
28000 Temerloh, Pahang.  
☎: 09-2955500 ☎: 09-2968060

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



## DIREKTORI PEJABAT CAWANGAN DAN PUSAT PERKHIDMATAN PELANGGAN PUBLIC MUTUAL (SAMB')

### Malaysia Timur

#### Sabah

##### Kota Kinabalu

Lot 1-0-10,  
Lorong Api-Api 1,  
Api-Api Centre,  
88000 Kota Kinabalu, Sabah.  
☎: 088-327500 ☎: 088-238389

##### Sandakan

Lot 16, Block B,  
Bandar Maju Commercial Centre,  
Mile 1.5, North Road,  
90000 Sandakan, Sabah.  
☎: 089-231500 ☎: 089-222889

##### Tawau

TB 4437, Lot 28, Block D,  
Sabindo Square,  
Jalan Dunlop,  
91000 Tawau, Sabah.  
☎: 089-982500 ☎: 089-765326

#### Sarawak

##### Bintulu

4, Lot 2646,  
Jalan Tun Ahmad Zaidi,  
97000 Bintulu, Sarawak.  
☎: 086-859500 ☎: 086-330221

##### Kuching

Lot 205 & 206, Section 49,  
Jalan Tunku Abdul Rahman,  
93100 Kuching, Sarawak.  
☎: 082-226500 ☎: 082-239825

##### Miri

D-G-16, Miri Times Square,  
Marina Parkcity,  
98000 Miri, Sarawak.  
☎: 085-323500 ☎: 085-416195

##### Sibu

10, Lorong 2,  
Jalan Tuanku Osman,  
96000 Sibu, Sarawak.  
☎: 084-363500 ☎: 084-330269

Pejabat Public Mutual dibuka dari Isnin hingga Jumaat, kecuali pada cuti umum; Isnin hingga Khamis dari 8.30 pagi hingga 5.30 petang dan Jumaat dari 8.30 pagi hingga 4.30 petang. Pusat Perkhidmatan Pelanggan di Pusat Membeli-Belah 1 Utama dibuka setiap hari dari 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

Ini adalah Prospektus Induk gantian. Prospektus Induk ini adalah dikeluarkan untuk menggantikan dan/atau mengatasi Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 30 April 2019, Prospektus Tambahan Pertama Prospektus Induk 1 Dana Siri PB bertarikh 16 Disember 2021, Prospektus PB Global Technology & Healthcare Fund (PB Dana Global Teknologi & Kesihatan) bertarikh 9 Mei 2019, Prospektus PB Global Opportunities Fund (PB Dana Peluang Global) bertarikh 22 Ogos 2019, Prospektus PB Greater China A-Shares Fund (PB Dana Saham-A Tanah Besar China) bertarikh 10 Mac 2020, Prospektus PB Vietnam Global 40 Fund (PB Dana Global Vietnam 40) bertarikh 18 September 2020 dan Prospektus PB U.S. Eagle Fund (PB Dana U.S. Eagle) bertarikh 5 Januari 2021.



**IUTA DANA**

Unit dana boleh dibeli atau dijual di cawangan pengedar berikut:

**Public Bank Berhad (196501000672 (6463-H))**

Menara Public Bank,  
146, Jalan Ampang,  
50450 Kuala Lumpur.

☎ : 03-2176 6000 / 2176 6666

🕒 : 03-2170 8000

Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong.

PENGURUS DANA

**Public Mutual Berhad** (197501001842 (23419-A))  
(Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965)

IBU PEJABAT

Menara Public Bank 2,  
No. 78, Jalan Raja Chulan,  
50200 Kuala Lumpur.

TALIAN KHIDMAT PELANGGAN

03-2022 5000

TELEFON

03-2022 6800

FAKS

03-2022 6900

LAMAN WEB

[www.publicmutual.com.my](http://www.publicmutual.com.my)

PENGEDAR DANA

**Public Bank Berhad** (196501000672 (6463-H))

IBU PEJABAT

Menara Public Bank,  
146, Jalan Ampang,  
50450 Kuala Lumpur.

TALIAN KHIDMAT PELANGGAN

03-2170 8000

TELEFON

03-2176 6000 / 03-2176 6666

FAKS

03-2163 9917

LAMAN WEB

[www.pbebank.com.my](http://www.pbebank.com.my)

IKUTI KAMI

